



DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

Bil.15	Isnin	19 Jun 2023
---------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

PEMILIHAN SEORANG AHLI SEBAGAI “PENGURUSI SEMENTARA’ BAGI AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman	1)
AHLI-AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman	2)
MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman	3)
TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman	4)
UCAPTAMA OLEH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman	4)
MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA	(Halaman	6)
TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman	10)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA		
Mengalu-alukan Pelantikan Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Baharu	(Halaman	11)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	11)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	12)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	13)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman	13)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023	(Halaman	48)
Rang Undang-undang Percetakan Teks al-Quran (Pindaan) 2023	(Halaman	99)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Nur Jazlan Bin Tan Sri Mohamed (Dilantik)
3. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
4. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
5. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
7. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
8. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
9. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
10. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
11. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
12. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
13. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
14. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
15. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
16. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
17. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
18. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
19. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
21. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
22. Dato’ Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
23. “ Dato’ Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
24. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
25. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)
26. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
27. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
28. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 29. | Yang Berhormat | Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik) |
| 30. | “ | Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik) |
| 31. | “ | Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik) |
| 32. | “ | Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik) |
| 33. | “ | Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik) |
| 34. | “ | Puan Noorita Binti Sual (Dilantik) |
| 35. | “ | Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik) |
| 36. | “ | Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu) |
| 37. | “ | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 38. | “ | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 39. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 40. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 41. | “ | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 42. | “ | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 43. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 44. | “ | Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 45. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof (Perak) |
| 46. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 47. | “ | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 48. | “ | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 49. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 50. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 51. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 52. | “ | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 53. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 54. | “ | Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 55. | “ | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 56. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 57. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 58. | “ | Tan Sri Datuk Seri Anifah Bin Aman (Wilayah Persekutuan, Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
2. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
2. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
3. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)

HADIR BERSAMA

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Perdana Menteri dan Menteri Kewangan] [Tambun]
2. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)] (Pengerang)
3. “ Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Hassan [Menteri Pertahanan] (Rembau)
4. “ Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Menteri Ekonomi] (Pandan)
5. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
6. “ Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas)] (Hulu Rajang)
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian)
8. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi] (Beaufort)
9. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
10. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
11. “ Tuan Adly Bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)

HADIR BERSAMA (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 12. | Yang Berhormat | Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong) |
| 13. | “ | Dato' Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu) |
| 14. | “ | Datuk Mohamad Bin Alamin [Timbalan Menteri Luar Negeri] (Kimanis) |
| 15. | “ | Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya] (Batu Sapi) |
| 16. | “ | Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai) |
| 17. | “ | Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong) |
| 18. | “ | Tuan Adam Adli Bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya) |
| 19. | “ | Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar) |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 19 Jun 2023
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

**PEMILIHAN SEORANG AHLI SEBAGAI PENERUSI SEMENTARA
BAGI AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAH**

Setiausaha: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56, Perlembagaan Persekutuan, maka dimaklumkan bahawa jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kini kosong.

Sehubungan itu, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk mengusulkan seorang Ahli yang hadir sebagai “Pengerusi Sementara” pada majlis Mesyuarat pagi ini. Usul ini hendaklah disokong dan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan tanpa dibahaskan.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Setiausaha, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan untuk mempengerusikan Mesyuarat pada pagi ini. Terima kasih.

Setiausaha: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan untuk mempengerusikan Mesyuarat pada pagi ini. Dipersilakan.

[Tuan Setiausaha menjemput Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan naik ke Kerusi Tuan Yang di-Pertua diiringi oleh Bentara Mesyuarat]

*[Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pengerusi Sementara [Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

AHLI-AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAH

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 59(1), Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara serta mengikut Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Pengerusi Majlis, dipersilakan:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof;
2. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar; dan
3. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed.

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

■1010

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Pengerusi Sementara [Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 2, sekarang saya menyerahkan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua kepada Setiausaha Dewan Negara.

[Pengerusi Sementara bangun meninggalkan tempat dan kembali ke kerusi Yang Berhormat]

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan serta mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1 dan 2, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Majlis Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Selaras juga dengan Peraturan Mesyuarat 2(1), saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Cadangan tersebut adalah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis.

Sehubungan dengan itu, saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan cadangan nama Ahli yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Setiausaha, saya mohon mengemukakan cadangan iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Setiausaha: Ada sesiapa yang menyokong.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Tuan Setiausaha, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang Ahli sahaja yang dicadangkan, dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3), saya dengan ini memasyhurkan

bahawa Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara... [Tepuk]

[Tuan Yang di-Pertua dibawa ke hadapan meja Setiausaha dan dipakaikan jubah serta songkok rasmi oleh Setiausaha Dewan Negara di hadapan Ahli-ahli Mesyuarat]

[Tuan Yang di-Pertua mengambil tempat duduknya]

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan di Buku Angkat Sumpah]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

UCAPTAMA OLEH TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Menteri-menteri, Ahli-ahli Dewan Negara. Pertama, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Majlis dan sebagai Perdana Menteri, yang telah mencadangkan nama saya menjadi Speaker Dewan Negara.

Sebagaimana ramai yang sedia maklum bahawa saya telah bersara daripada politik dan perkhidmatan kerajaan, namun panggilan perkhidmatan lebih penting daripada diri peribadi manusia dan lebih penting daripada yang saya janji kepada saya sendiri akan buat. Apabila panggilan untuk berkhidmat, maka saya bukan

mengata terpaksa bersetuju, maka saya akur kepada panggilan untuk berkhidmat kepada negara dan bangsa.

■1020

Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Begitu juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Premier Negeri Sarawak yang telah menyampaikan pesan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada saya secara peribadi yang orang belum tahu. Banyak yang bertanya, saya tidak jawab-secara peribadi kepada saya pada 13 hari bulan, pukul 2.05 petang, pesanan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Berfikir hanya tujuh minit, saya beri jawapan walaupun saya telah bersara. Berjanji hendak bersara, saya tetap menyahut panggilan untuk berkhidmat kepada negara. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, tidak dalam mimpi saya, tidak dalam perancangan kehidupan saya. Sebenarnya Allah SWT telah menunjukkan jalan supaya saya pergi ke sini tetapi masih pandangan saya, perkhidmatan saya masih saya lihat dari sudut peribadi dan juga kerajaan iaitu untuk mentransformasikan Parlimen Malaysia.

Saya secara khusus- oleh sebab saya diberitahu oleh Setiausaha jangan panjang sangat Yang Berhormat bercakap- bahawa ada tiga perkara pokok yang perlu dilaksanakan, iaitu:

- (i) melaksanakan *Parliamentary Service Act* ataupun Akta Pentadbiran Parlimen;
- (ii) menggubal ataupun meminda Akta Hak dan Kebebasan Kuasa Parlimen [*Akta 1952*] *Revised* 1988;
- (iii) meminda Peraturan-peraturan Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya merealisasikan kehendak Dewan, kedua-dua- untuk mengadakan jawatankuasa-jawatankuasa *departmental* kepada Parlimen;
- (iv) sebenarnya ini satu kerja lama saya iaitu memperkenalkan etika Ahli Parlimen. Ini kerana pada saya, tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen bukanlah cari gaduh dalam Dewan, bukanlah banyak sangat main politik. tetapi tugas dan tanggungjawab- baca Profesor Smith punya garis panduan dan Profesor Ibrahim punya ucapan mengatakan bahawa,

- menggubal undang-undang, meluluskan bajet supaya mempertahankan kerajaan; dan
- (v) iaitu untuk memberi *service* kepada rakyat dalam konteks *Malaysian politic*.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita perlu *formalize*, dengan izin, apa yang kita hendak buat ini. Etika ini penting. Negara lain mempunyainya seperti India, New Zealand, Australia yang mempunyai etika-etika yang tertentu. Maka kenapa salahnya? Etika ini telah digubal pada tahun 2011 lagi, menjadi kuning dalam *library* Dewan. Jadi, *insya-Allah* dengan sokongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan sokongan Yang Berhormat Menteri Undang-undang, saya sebut khusus *insya-Allah*, kita boleh melaksanakannya.

Ini kerana prioriti Parlimen itu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu kita tumpukan jugalah. Satu wawasan kerajaan daripada dahulu lagi dan dilaksanakan dengan harapan kita boleh laksanakannya pada penggal ini juga sebagai *the legacy* kerajaan, dan Parlimen ini semua rakyat Malaysia.

Jadi, saya dengan itu sekali lagi mengucapkan terima kasih atas pertama kepada Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan yang sudi menjadi “Pengerusi Sementara” tadi... [Tepuk]

Kedua, sokongan padu daripada semua pihak tidak kira politik dan sebagainya kepada saya, pelantikan saya. *Insya-Allah*, saya akan menyumbang khidmat yang terbaik untuk negara dan bangsa Malaysia kita ini.

Dengan itu, saya sudah dengan *wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*... [Tepuk]

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56, Perlembagaan Persekutuan serta mengikut Aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 5, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Majlis Dewan Negara akan menjalankan Urusan Memilih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 5(2), Setiausaha Dewan Negara telah menerima dua cadangan nama untuk pemilihan Timbalan Yang di-Pertua. Cadangan itu datanganya daripada yang pertama Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis dan yang kedua Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Setiausaha: Dengan segala hormatnya dipersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan cadangan nama bagi pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan cadangan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Nor Jazlan bin Tan Sri Mohamed dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai untuk mengemukakan cadangan nama bagi pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Setiausaha Dewan Negara. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih dari seorang yang telah dicadangkan dan disokong menjadi Timbalan Yang di-Pertua, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), Majlis Mesyuarat akan membuat pilihan memilih Timbalan Yang di-Pertua dengan undi bersurat.

Bagi maksud pilihan undi bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisikan kertas dengan sempurna dan menulis nama calon yang dipilih dan menandatangani. Selepas itu, lipat kertas itu dan

dimasukkan ke dalam peti undi untuk diserahkan kepada Setiausaha. Saya akan mengumumkan keputusan itu sebaik sahaja dikira.

Pegawai-pegawai yang berkenaan, sila datang ke meja Setiausaha, ambil kertas-kertas undi dan edarkan kepada Ahli-ahli Yang berhormat di blok masing-masing.

[Bentara mengedarkan Kertas Undi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat]

■1030

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, *standing order* boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mengikut Perkara 2(4), bagi maksud menjalankan undi bersurat, Setiausaha hendaklah memberi kepada tiap-tiap orang Ahli yang hadir sekeping Kertas Undi dan Ahli ini bolehlah menulis pada kertas itu nama Ahli yang hendak diundi. Kertas-kertas undi hendaklah dilipat supaya nama Ahli yang tertulis di atasnya tidak boleh nampak dan hendaklah ditandatangani oleh Ahli yang mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, kertas undi saya terima, tetapi di bawah ada tersebut nama Ahli. Jadi mengikut peraturan, tidak disebut nama Ahli. Justeru itu, saya mohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak ditulis nama Ahli, hanya *sign* sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Walaupun dalam peraturan ia tidak menentukan meletak nama di atas bersama dengan nama yang telah dicalonkan, namun Dewan itu sendiri boleh menentukan peraturan-peraturan yang berlainan daripada apa yang terletak dalam peraturan yang bertulis. Ini kerana kalau kita tahu, Parlimen ini terdiri daripada peraturan perundangan, peraturan dan konvensyen. Jadi, amalan ini untuk menentukan kepastian pengundian tersebut.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak minta lagi sekali, kalau boleh kita adakan undian Belah Bahagi untuk menentukan pengundi menulis ataupun tidak menulis- memandangkan di dalam Peraturan Mesyuarat 2(4) menyebut sebegini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik. Dalam peraturan, pada situasi ini Belah Bahagian tidak dibenarkan masa pengundian dan satu lagi, amalan ini telah dibuat pada sesi yang lepas dan tidak ada bantahan daripada sesiapa pihak. Jadi dengan itu, maka Pengurusan Dewan memandangkan bahawa itu telah dapat diterima sebagai satu amalan. Maka, Dewan apabila satu *precedent* telah *created* ataupun dibuat, kita kena akur juga dengan konvensyen tersebut.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akur.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Okey, sebagai *variance* ataupun kelainan sebab ada bantahan untuk meletakkan nama tadi, adalah elok tiap-tiap undi itu ditandatangani sahaja, tidak payah tulis nama.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sudah tulis Tuan Yang di-Pertua nama- macam mana..., takkan hendak padam?... *[Ketawa]* Ada *blanco*- tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sebab yang di depan saya tidak ada nama. Jadi siapa yang sudah ada nama itu, kalau hendak padam boleh padam. Macam mana hendak padam?... *[Ketawa]* Jadi saya ingat dua perkara tadi sebab saya melihat contoh di hadapan saya tidak ada nama. Jadi saya fikir tidak ada bernama, boleh di-*sign*. Jadi tidak payah sentuh lagi kalau sudah ada nama, tidak ada masalah.

Jadi lain kali kalau ada pemilihan, kita *sign* sahajalah, tidak payah bernama. Jadi sekarang oleh sebab Yang Berhormat tadi telah bersetuju, kita laksanakan pengundian.

[Pengundian dijalankan]

■1040

10.41 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat belum memberi Kertas Undi kepada Bentara tadi? Sebab garis panduan yang asal dilaksanakan oleh pihak pentadbiran ialah supaya Kertas Undi di-*pass*-kan kepada Ahli Parlimen yang di hujung sekali. Akan tetapi itu tidak berlaku, Bentara mengambil undi itu daripada tiap-tiap Ahli Senator sekalian. Jadi, proses ini telah dilaksanakan.

Saya nak bertanya sekali lagi, adakah yang belum membuang undi? Semua dah buang undi? Terima kasih.

Setiausaha, sila hitungkan pengundian.

[Pengiraan undi dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed mendapat 43 undi... *[Tepuk]*
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mendapat 11 undi... *[Tepuk]*

Manakala 8 orang Ahli tidak hadir.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed... *[Tepuk]* dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

[Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed masuk ke dalam Dewan dan dipakaikan jubah oleh Setiausaha, kemudian Mengangkat Sumpah Jawatan]

■1050

TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

Timbalan Yang di-Pertua: Saya, Nur Jazlan bin Mohamed setelah dipilih memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

[Timbalan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu, duduk dahulu, saya akan jemput.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini, silakan Yang Berhormat... *[Tepuk]*

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua duduk di tempat yang disediakan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2) dan 2(7), sekarang ini saya memohon Setiausaha memasukkan kesemua Kertas Undi yang telah dibilang, ke dalam peti undi dan melakrikan peti undi tersebut di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kertas-kertas Undi ini hendaklah

disimpan dalam jagaan Setiausaha selama satu bulan, dan selepas itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis. Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas itu dan mengesahkannya kepada Majlis.

[Setiausaha melakrikan peti undi]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat, di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Begitu juga tahniah kepada Ahli baharu yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, pilihan Dewan Undangan Negeri Perak yang berkuat kuasa mulai 25 Mei 2023 sehingga 24 Mei 2026.

Tentunya pelantikan ini membawa bersama tanggungjawab berat di atas bahu Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh itu, suka sekali untuk saya memperingatkan sesama sendiri agar menghayati sepenuhnya aspirasi pelantikan selaras dengan Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan, agar tanggungjawab yang kita pikul dapat ditunaikan dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacita hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan 2023;
- (ii) Akta Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023;
- (iii) Akta Kewangan 2023;
- (iv) Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023;
- (v) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023;

- (vi) Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023;
 - (vii) Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023;
 - (viii) Akta Pengangkutan Jana (Pindaan) 2023;
 - (ix) Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023;
 - (x) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan(Pindaan) 2023;
 - (xi) Akta Perbekalan Tambahan (2022) 2023;
 - (xii) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023; dan,
 - (xiii) Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023.
- Sekian.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan-perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“15 Jun 2023

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut, dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) (D.R. 1/2023) Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023;
- (ii) (D.R. 15/2023) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No.2) 2023;
- (iii) (D.R. 16/2023) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2023;
- (iv) (D.R. 17/2023) Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023;

- (v) (D.R. 21/2023) Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023;
- (vi) (D.R. 20/2023) Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023;
- (vii) (D.R. 18/2023) Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023;
- (viii) (D.R. 19/2023) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023; dan,
- (ix) (D.R. 22/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiganya, di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat untuk mengajukan Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan, suka saya maklumkan bahawa selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 23(5), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang baharu seperti yang telah dipersetujui oleh Majlis dalam Mesyuarat yang lalu, sesi Pertanyaan Jawab Lisan ini akan berlangsung selama satu jam tiga puluh minit iaitu bermula pada 10.59 pagi dan akan selesai pada jam 12.29 tengah hari.

Bagi Pertanyaan Jawab Lisan yang pertama dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sebelum saya bermula, saya hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang

di-Pertua Dewan Negara, dan juga tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed atas pelantikan sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

■1100

Ini kali pertama soalan saya naik nombor 1 selepas duduk di Kerusi ini empat tahun. Selalu *top five* tidak dapat. Soalan saya nombor 1 kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

1. Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serius untuk menyiasat segala perilaku rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan mantan-mantan Perdana Menteri khususnya Perdana Menteri Keempat dan Perdana Menteri Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah dapat nombor 1, dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lagi.

Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Terima kasih. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua bagi pihak kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah-satu, sebab jawatannya amat terhormat, yang selayaknya disandang oleh seorang yang cukup berpengalaman yang mempunyai prestasi yang baik dan cemerlang sebagai Ahli Parlimen, Menteri dan yang sungguh komited untuk membawa agenda *reform Parliament* yang telah diusahakan sekian lama... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua mempunyai, dengan izin *impeccable credential*. Oleh sebab itu, kami usulkan dengan semangat yang tersebut untuk mengangkat martabat Dewan Negara sebagai institusi penting dan utama dalam negara kita.

Begitu juga saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada tokoh yang muda- Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Mohamed kerana mengambil jawatan yang mampu membantu tugas besar ke arah perubahan dan *reform* yang akan diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua.

Merujuk kepada jawapan ini- soalan Yang Berhormat, ingin saya jelaskan bahawa dalam strategi Kerajaan Perpaduan dan dengan konsep Malaysia Madani, soal tata kelola pengurusan kerajaan diutamakan. Ini bermakna memperkasa tugas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan mengelakkan daripada ketirisan, keborosan dan rasuah yang dianggap sebagai *systemic* dalam negara kita.

Ini menurut Akta SPRM [Akta 694] yang harus dikenali dan bertindak secara bebas dan berkecuali. Maka, sekiranya soalan itu merujuk kepada kedudukan mantan-mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu bukan permasalahan

yang harus dibangkitkan kepada saya kerana usul itu dan tindakan harus diambil secara bebas dan berkecuali, saya tegaskan oleh SPRM sendiri.

Memang tidak dapat dielakkan kerana ini merupakan tokoh-tokoh politik yang terkenal akan ada persepsi positif dan negatif tetapi kita harus terikat dengan fakta dan undang-undang. Orang-orang yang menganggap bahawa tuduhan-tuduhan atau siasatan itu bermotif politik itu harus melihat kepada fakta dan bukan pada sentimen politik untuk mengelirukan rakyat.

Jikalau nyata daripada segi siasatan, ada kes-kes yang dianggap berprofil tinggi dan mempunyai alasan yang cukup kukuh untuk mendakwa, itu tugas SPRM dan Jabatan Peguam Negara, dan sepatutnya masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara memberi sokongan yang padu untuk membersihkan negara daripada penyakit rasuah yang menular.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair: Ya, baik. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas jawapan tersebut.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, apa status siasatan terhadap Yang Berhormat Yang Arif Dato' Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali, Hakim Mahkamah Rayuan mengenai tohmahan rasuah dan percanggahan kepentingan isu konflik kepentingan yang dikatakan wujud di pihak Hakim Nazlan ketika mengendalikan kes perbicaraan Dato' Sri Najib Tun Razak, bagi kes SRC International Sdn. Bhd...? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPRM setelah mendapat laporan membuka kes atas kertas siasatan terhadap Yang Arif Dato' Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali, Hakim Mahkamah Rayuan berhubung dengan kes rasuah. SPRM telah menyiasat teliti perkara tersebut dan mendapati tiada kesalahan jenayah dilakukan dan perkara ini telah dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara.

Berkenaan konflik kepentingan Hakim Nazlan, isu yang sama telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan ketika menolak permohonan Dato' Sri Najib Tun Razak bagi mengemukakan keterangan tambahan atau keterangan baharu. Dengan kata lain isu konflik kepentingan telah diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah Tinggi negara.

Sementara itu pada 9 Ogos 2022, pihak defendan telah menarik balik dakwaan ke atas Hakim Mohd Nazlan. Alasan keputusan Mahkamah Persekutuan Tuan Yang di-Pertua adalah relevan kerana memuktamadkan kes ini bahawa

sumber wang dikatakan telah diselewengkan dari SRC International Sdn. Bhd. tidak relevan bagi tujuan pembuktian pertuduhan melibatkan kesalahan jenayah pecah amanah.

Elemen penting untuk dibuktikan bagi pertuduhan tersebut adalah sama ada tertuduh mempunyai dominasi terhadap dana yang diselewengkan. Mahkamah Persekutuan mendapati bahawa tidak ada kaitan antara pekerjaan terdahulu Hakim Dato' Mohd Nazlan di Maybank dengan pertuduhan tersebut.

Sumber dana yang diselewengkan itu tidak relevan juga diakui oleh peguam defendan. Jika sumber wang yang diselewengkan tidak relevan maka peranan atau pekerjaan Hakim Mohd Nazlan di Maybank adalah juga tidak relevan. Demikian keputusan Mahkamah Persekutuan dan kerajaan memperakui keputusan mahkamah tersebut.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri penjelasan yang telah diberikan.

Soalan tambahan saya, hendak memohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nyatakan mekanisme yang sedang diguna pakai oleh SPRM bahawa setiap siasatan yang diadakan tidak dipengaruhi oleh kuasa politik termasuk juga arahan yang bermotif politik bagilah memastikan SPRM itu membuatkan siasatan amalkan kebebasan dalam siasatan mereka? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, kaedah siasatan SPRM itu cukup jelas. Ada laporan dibuat siasatan dibuat dan arahan yang saya selaku Perdana Menteri- lakukan supaya semua badan penyiasat sama ada LHDN, SPRM, Polis Diraja Malaysia dan Bank Negara harus menjalankan tindakan mereka secara profesional *without fear or favour*.

Jadi, oleh yang demikian, untuk memutuskan lihat kepada fakta. Kalau semasa memegang kuasa, kita menggunakan kuasa itu memberi kontrak kepada anak-pinak, kepada keluarga dan kroni, memperkayakan diri jangan dipersoalkan mengapa SPRM siasat, dan bila SPRM menyiasat, jangan dianggap ini sebagai tohmahan politik. Kekayaan tidak dapat diterangkan berapa banyak, pengedaran wang berleluasa.

Jadi sepatutnya kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang bertanggungjawab mengambil sikap yang sangat positif menyelamatkan negara ini daripada kencana malapetaka rasuah yang berleluasa. Sekarang ini tiap-tiap tindakan diambil itu dijadikan bahan politik dan ini bahaya. Kalau ada tohmahan, bukti bahawa SPRM atau LHDN atau mana-mana badan bergerak bertindak atas arahan politik itu boleh dikemukakan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjamin di sini bahawa dalam Kerajaan Perpaduan, arahan kita jelas bertindak dengan tegas supaya penyakit 'barah rasuah' ini dapat dihapuskan dalam negara kita.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat sudah lama dalam Dewan juga sudah tetapi...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tiga soalan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Datuk Razali bin Idris: Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, saya hendak buat satu peraturan lain lah. Saya minta dua sahaja kalau tidak banyak sangat soalan tidak naik. Jadi, berilah peluang orang belakang Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak Jelas]*

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan sedia datang lagi sekali asal ada soalan.

Datuk Razali bin Idris: Untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan tidak boleh ulang balik, minta maaf.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

■1110

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua dan Yang

Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-pertua soalan saya nombor 2.

2. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan:

- (a) apakah sasaran Pelaburan Langsung Domestik (DDI) bagi tahun 2023 berbanding dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI);
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan untuk merangsang pelaburan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan. Saya hendak mengucapkan tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang baharu dan juga Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana soalan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bersama-sama juga dengan MIDA sebagai agensi penggalak pelaburan utama negara sentiasa berusaha menambah baik strategi dan pendekatan bagi memperkukuhkan ekosistem dan fasilitasi pelaburan dan perniagaan negara supaya menjadi lebih berdaya saing dan kondusif bagi meningkatkan pelaburan langsung domestik (DDI) dan juga pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Sehubungan itu MITI menerusi MIDA telah melaksanakan pendekatan berfokus atau, dengan izin, *targeted approach* bagi memastikan penggalakan pelaburan asing dan domestik meliputi projek-projek yang berkualiti, bernilai ditambah dan berteknologi tinggi bagi melengkapkan ekosistem serta rangkaian bekalan industri-industri yang disasarkan negara.

Bagi tahun 2022, sebanyak ataupun sejumlah RM267.8 bilion pelaburan, daripada 4,517 buah projek yang diluluskan dari pelbagai sektor ekonomi di Malaysia akan menjana 140,440 peluang pekerjaan. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM100.4 bilion ataupun 39 peratus kepada jumlah ini.

Suka saya berkongsi bahawa bagi suku pertama ataupun tahun 2023 ini, Malaysia telah menarik komitmen pelaburan berjumlah RM71.4 bilion iaitu peningkatan 60 peratus tahun ke tahun. Paling ketara nisbah FDI kepada DDI iaitu

hampir 50/50 ya iaitu 52.5 peratus bagi FDI dan 47.5 peratus bagi DDI. Ini jelas mencerminkan keyakinan syarikat dan perniagaan tempatan terhadap dasar kerajaan semasa.

Setakat 31 Mei 2023 terdapat 743 projek dalam peringkat rundingan atau penilaian dengan jumlah cadangan pelaburan sebanyak RM50.6 bilion. Daripada jumlah tersebut Yang Berhormat, pelaburan langsung domestik (DDI) adalah sebanyak RM8 bilion ataupun hampir 16 peratus daripada pelaburan langsung asing, adalah sebanyak RM42.7 bilion ataupun lebih kurang 84 peratus. Jumlah pelaburan ini merangkumi projek-projek daripada sektor perkilangan dan cadangan pelaburan sebanyak RM37.5 bilion yang melibatkan 61 projek cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, masanya tidak bergerak kah?... *[Menunjuk ke arah jam]* Oh, ada... *[Ketawa]* Okey, mula sekarang. Okey, *sorry*, dengan izin, *the clock was not working just now*. Okey, saya ada duit minit lagi ya.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin dia hendak dengar Yang Berhormat bercakap itu... *[Ketawa]*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini yang saya sebut tadi. Sejak Jun 2023, MITI melalui MIDA telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan FDI sejumlah RM23 bilion melalui misi pelaburan ke Jepun, RM170 bilion melalui misi pelaburan ke Republik Rakyat China, RM24 bilion melalui misi pelaburan ke Republik Korea dan RM13 bilion melalui misi pelaburan ke Singapura.

Jadi misi-misi pelaburan ini merupakan pencapaian yang penting ke arah merealisasikan matlamat Malaysia untuk menjadi hab inovasi global berteknologi tinggi. Ini sejajar dengan sektor sasaran Dasar Pelaburan Baharu (NIP) iaitu aeroangkasa, elektrik, elektronik, ekonomi digital, farmaseutikal dan juga kimia/petrokimia. NIP juga menyasarkan sebuah ekosistem pelaburan yang berdaya tahan dan seterusnya dapat menjana pelbagai peluang untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pekerjaan bergaji tinggi bagi rakyat Malaysia.

Bagi merangsang pelaburan PKS, MIDA sebagai agensi penggalak pelaburan utama telah menyediakan beberapa program yang berbentuk insentif, berbentuk galakan cukai dan geran kepada syarikat domestik. Ada beberapa contohnya menyediakan galakan cukai kepada syarikat domestik yang melaksanakan projek yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986. Kita juga meningkatkan keupayaan pelaburan tempatan melalui Dana Intervensi Industry4WRD bagi PKS. Kita juga menggalakkan penggunaan automasi

di kalangan syarikat-syarikat di sektor perkilangan dalam perkhidmatan melalui elaun modal automasi ataupun, dengan izin, *automation capital allowance*. Kita pun ada beberapa lagi program seperti *invest siri conference*. So, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Soalan tambahan, adakah kerajaan akan meletakkan DDI sebagai KPI? Apakah usaha yang sedang dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan DDI lagi? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, menjadi dasar kerajaan pada masa ini untuk mengimbangi kedua-dua pelaburan asing dan domestik, FDI dan juga DDI. Ini untuk merangsang pertumbuhan dan meningkatkan pembangunan kita yang seimbang di seluruh negara.

Dalam hal ini, kerajaan menyambut baik atas cadangan untuk menetapkan DDI sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama ataupun KPI bagi pencapaian pelaburan negara. MITI melalui MIDA akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan negeri dalam usaha untuk menarik pelaburan langsung domestik khususnya di dalam industri-industri yang disasarkan. Kita juga mengiktiraf sumbangan besar syarikat domestik kepada ekonomi dan berhasrat untuk memudahkan pertumbuhan daya saing dan juga penyertaan mereka dalam sektor nilai tambah yang lebih tinggi.

Yang Berhormat, ini malah sejajar dengan dasar pelaburan baharu yang saya sebut tadi dan juga pelan induk perindustrian baharu, dengan izin, *the New Industrial Master Plan 2030*, yang *insya-Allah* akan dilancarkan pada Ogos tahun ini. MITI memang memberikan penekanan yang tinggi untuk mempertingkatkan ataupun meningkatkan DDI dan juga mempergiatkan usaha ke arah pelaburan domestik yang mampan. Setakat ini, agensi MITI melalui MIDA telah berjaya melaksanakan pelbagai program bantuan kewangan untuk menyokong syarikat tempatan. Contohnya, melalui dana strategik pelaburan domestik dan juga Geran Automasi Pintar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator yang baharu mengangkat sumpah. Bagilah peluang kawan. *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

*Rakyat Malaysia semua saudara,
Negara kita, kita jaga;
Tahniah Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Dewan Negara,
Reformasi Dewan Negara, kita turut berbangga.*

Soalan tambahan saya, kita- semua sedia maklum angka-angka yang disebut sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Menteri Ekonomi, kebetulan ada di sini. Mungkin ada kesejajarannya di situ. Pada 18 Mei, Menteri Ekonomi menyebut tentang satu perpindahan atau *transition* kepada ekonomi yang lebih mampan, *renewable energy*, dan juga *digitalization*, di mana pada tahun sudah RM1.1 trilion pelaburan di peringkat global telah dibelanjakan.

Jadi, saya ingin tahu di sebalik *figure* yang disebut tadi, adakah habuan digital, dan juga *renewable energy* yang akan memindahkan Malaysia kepada satu era teknologi baharu dan bersesuaian dengan teras Madani yang pertama iaitu kemapanan. Sejauh mana pada tahun 2050, 70 peratus daripada ekonomi dan juga pelaburan akan berpindah kepada *renewable energy* dan juga *digitalization* dalam skala yang begitu besar? Mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof kerana dilantik pada hari ini.

■1120

Mengenai soalan yang ditujukan pada saya tadi, pertamanya memang isu digital, dan *green*, dengan izin. *Digital and green economy* ini adalah salah satu fokus utama dan akan diberi penumpuan yang lebih dalam Dasar Pelaburan Negara. Dalam NIP kita, ataupun *National Industry Master Plan 2030* memang disasarkan dua sektor ini, digital dan *green* ataupun hijau digital ini merupakan sektor yang penting.

Buat pada masa ini, setakat rekod kita data yang dicatatkan yang kita umumkan setakat ini daripada Januari hingga Mac 2023, jumlah pelaburan yang diluluskan ialah RM71.4 bilion. Kalau kita lihat apakah sektornya, memang sektor perkhidmatan yang paling besar. Sektor perkhidmatan juga yang besar sebenarnya ialah sektor daripada digital.

Saya bagi contoh lah. Perkhidmatan dalam jumlah pelaburan suku pertama itu ialah RM53.6 bilion dan daripada RM53.6 bilion tersebut, ekonomi digital iaitu RM24.9 bilion. Jadi, RM71.4 bilion itu, digital sahaja RM24.9 bilion. Memang sudah

menunjukkan peningkatan yang tinggi. Ini terutamanya daripada segi pelaburan dalam perkhidmatan.

So, satu lagi kalau saya jawab sekejap sebenar mengenai ekonomi hijau ataupun *green* memang ini salah satu lagi tumpuan dan saya dengan rakan-rakan Kabinet saya memang berusaha untuk berbincang mengenai bagaimana kita hendak tingkatkan terutamanya daripada segi *renewable energy*, dengan izin, kerana banyak syarikat yang berminat untuk melabur di Malaysia dan juga syarikat-syarikat tempatan kita memang memerlukan *the renewable energy* untuk membuat keputusan, sama ada untuk melabur di sini atau tidak.

Daripada segi jumlah pelaburan yang diluluskan, masih lagi kecil. Kalau kita lihat pelaburan yang diluluskan setakat ini ialah RM2.2 bilion dalam sektor ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya jemput sekarang, Puan Susan Chemeraí Anding.

Puan Susan Chemeraí Anding: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan, dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua, Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

3. Puan Susan Chemeraí Anding minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa status terkini 455 buah sekolah menengah dan sekolah rendah di Sarawak yang dikenal pasti sebagai daif dan dalam keadaan kritikal sehingga April 2022.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini. Juga atas pengurniaan kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri daripada Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Serta ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed yang dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Juga tahniah kepada kawan saya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof atas pelantikan sebagai Senator. Tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa proaktif dan memberi keutamaan dalam usaha menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara, termasuk di negeri Sarawak.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM sehingga April 2022, bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif di Sarawak adalah berjumlah 351 buah. Daripada jumlah tersebut, 33 buah sekolah telah diluluskan projek naik taraf dan pembinaan bangunan gantian dalam Rancangan Malaysia ke-12, *Rolling Plan 1* tahun 2021 hingga *Rolling Plan 3* tahun 2023.

KPM telah mengemukakan permohonan pembinaan bangunan gantian untuk 12 buah lagi sekolah di negeri Sarawak dalam *Rolling Plan* ke-4 tahun 2024. Selain daripada projek pembangunan di bawah RMKe-12, kerajaan juga telah meluluskan 147 projek baik pulih bangunan daif di bawah peruntukan projek satu bilion Ringgit di negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dari tahun 2016 sehingga kini, sebanyak 381 projek pembangunan semula sekolah daif di Sarawak yang telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 223 projek telah siap. Berhubung permohonan projek menaik taraf atau pembinaan gantian bangunan daif yang belum mendapat kelulusan, KPM akan mengemukakan permohonan secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia lima tahun.

Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah status tuntutan Sarawak daripada Kerajaan Persekutuan untuk hak kuasa autonomi pendidikan?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. KPM telah mengadakan libat urus dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada 7 dan 8 Jun 2023, awal bulan ini untuk membincangkan berkaitan autonomi pendidikan negeri Sarawak.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, KPM sedang memperhalus setiap cadangan yang telah dikemukakan dengan mengambil pertimbangan aspek perundangan dan kedudukan kewangan kementerian dan sumber manusia yang sedia ada. KPM akan membentangkan cadangan akhir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia

1963 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam tempoh terdekat. Sekian, terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ini hal Sarawak. Ramai juga orang bukan Sarawak hendak tanya ni.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya kuat sokong MA63 hari itu.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan bagi orang Sarawak.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya bagi lah orang Sarawak.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, soalan tambahan saya ialah kebanyakan sekolah di luar bandar atau kawasan pedalaman di Sarawak mempunyai bangunan daif. Guru Besar kena meminta peruntukan daripada Wakil Rakyat atau ibu bapa pelajar. Jadi, apakah perancangan KPM dalam menangani isu sekolah yang mempunyai bangunan daif ini? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Sekolah daif ini memang topik yang sangat-sangat diminati terutama untuk negeri Sabah dan Sarawak sebab bilangan yang terbanyak memang berada di kedua-dua negeri ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. KPM telah mengambil langkah proaktif untuk menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.

Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan penempatan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang daif berdasarkan analisis skor gred impak bagi menentukan tahap keadaan komponen, fizikal atau *facility* bangunan di sekolah. Skor gred impak ini mempunyai tujuh tahap skala.

Keutamaan KPM adalah kepada bangunan yang berada pada skala enam dan skala tujuh yang telah disahkan tidak selamat oleh pihak teknikal JPM atau Jabatan Kerja Raya (JKR). Bangunan tersebut akan dinaiktarafkan atau dibina bangunan gantian mengikut keperluan. Pembinaan bangunan gantian ini dilaksanakan secara berfasa melalui peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat bagi setiap *Rolling Plan* dalam Rancangan Malaysia lima tahun.

Selain itu, bagi memastikan permohonan projek pembinaan bangunan gantian atau naik taraf sekolah yang mempunyai bangunan daif dapat dilaksanakan dengan lancar, KPM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri akan menyemak

dan memastikan setiap projek yang dirancang perlulah mematuhi kepada kriteria seperti berikut iaitu tapak sekolah sedia ada mempunyai keluasan tapak mencukupi dan bebas daripada bebanan, mempunyai dokumen syor- daripada JKR bagi bangunan daif yang terlibat dan tanah telah sempurna milik oleh kerajaan sebagaimana yang ditetapkan oleh agensi pusat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya juga ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan bersama dengan Timbalan Yang di-Pertua.

Soalan saya ialah nombor 4.

■1130

4. Datuk Bobbey Bin Suan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sejauh mana perkembangan fasiliti dan kemudahan sukan elektronik (e-sukan) atau lebih dikenali sebagai 'e-sports' telah dibangunkan oleh kementerian bagi memenuhi keperluan para belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: Terima kasih. Saya juga mengucapkan tahniah, Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan yang bersejarah pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019, Kementerian Belia dan Sukan telah membangunkan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik yang menggariskan pelbagai inisiatif, termasuklah keutamaan untuk memberikan akses yang lebih baik terhadap infrastruktur e-sukan melalui kerjasama dengan persatuan-persatuan sukan elektronik di peringkat negeri.

Sebagai sokongan terhadap Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik dan infrastruktur yang telah dibangunkan, KBS dengan kerjasama FUTURISE, anak syarikat di bawah Kementerian Kewangan, telah membangunkan satu garis panduan khusus bagi memperincikan semua tindakan yang terkandung dalam pelan strategik ini.

Garis panduan ini dijangka akan dilancarkan dalam masa terdekat, iaitu esok sebenarnya. Untuk Ahli Yang Berhormat juga, KBS telah membangunkan *E-Sport Integrated Hub* (ESI HUB) di Puchong, Selangor yang berfungsi untuk menyokong pertumbuhan ekosistem e-sukan di Malaysia melalui penyediaan ruang kejohanan dan acara, pusat latihan untuk pemain profesional dan amatir. Sebuah hab jaringan

untuk pihak berkepentingan industri dan sebagai hab utama untuk pelbagai program profesional dan pembangunan kapasiti.

Semua perkara yang dilaksanakan ini merupakan sebahagian daripada rangka kerja inklusif dan mampan untuk perkembangan industri e-sukan Malaysia. Selain itu juga, bagi memastikan pembangunan infrastruktur e-sukan yang lebih baik, KBS juga telah membangun dan menaik taraf 13 *e-sport studio* yang memberi manfaat kepada 13 buah persatuan e-sukan negeri di seluruh negara.

Penyediaan infrastruktur khusus di setiap negeri ini mampu membantu untuk meningkatkan perkembangan e-sukan negara melalui penganjuran kejohanan di peringkat tempatan dan juga kejohanan di peringkat negeri sebagai studio produksi untuk penganjuran kejohanan dalam talian.

E-sport studio di negeri-negeri ini juga menjadi pusat latihan bagi atlet-atlet e-sukan yang menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) yang lepas. Di samping itu, bagi memastikan persiapan atlet e-sukan negara untuk bertanding di kejohanan antarabangsa berjalan lancar, KBS juga membangunkan sebuah pusat latihan kebangsaan di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur sukan ini turut membantu kepada keperluan penganjuran *Malaysia E-sports League* (MEL) yang merupakan kejohanan e-sukan utama anjuran Kementerian Belia dan Sukan, melalui kerjasama dengan persatuan-persatuan e-sukan di peringkat negeri.

Kejohanan yang dilaksanakan menerusi hab dan studio ini menjadi platform kompetitif penyerlahan bakat baharu atlet e-sukan tempatan untuk bersaing di pelbagai kejohanan utama peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih juga kepada Timbalan Menteri atas jawapan sebentar tadi. Saya ingin bertanya, setakat ini, apa keberkesanan atau pun sambutan *e-sport* ini kepada belia di luar bandar, berbanding kepada mereka yang di bandar, memandangkan medium yang digunakan adalah berupa elektronik. Terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat, untuk makluman, apabila kita anjurkan kejohanan-kejohanan ini, ia tidak tertakluk hanya kepada penganjuran yang dibuat oleh kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan, tetapi juga penggalakan kejohanan-kejohanan ini di peringkat persatuan-persatuan negeri.

Apa yang kita lakukan dengan membangunkan *e-sport hub* di negeri-negeri seluruh negara ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai lagi anak-anak muda ini dapat berkumpul di tempat-tempat yang mungkin mempunyai jaringan yang lebih baik, di samping juga, ada sebuah ruang yang menggalakkan mereka untuk bergaul secara sihat dan mematuhi amalan-amalan yang positif dalam penglibatan mereka dalam kegiatan e-sukan ini.

Di peringkat luar bandar, kalau kita lihat betul-betul, e-sukan di Malaysia ini kebanyakannya bergantung kepada *device*, dengan izin, atau pun peranti, yang cukup mudah, iaitu telefon bimbit. Berbanding dengan, mungkin kegiatan e-sukan di luar negara yang lebih menggunakan peranti-peranti yang lebih sofistikated.

Jadi, selagi mana ada kawasan yang mempunyai jaringan internet yang memadai, maka itu sudah pun mencukupi untuk menarik. Dalam Malaysia, terdapat lebih di seluruh negara hari ini, penggiat e-sukan itu melebihi 10 juta orang. Ini tentu sekali melibatkan anak-anak muda golongan belia di luar bandar, dan kita hari ini juga cukup menggalakkan untuk penggiat-penggiat ini melibatkan diri dan juga berkunjung ke *e-sport hub* yang berdekatan, yang mungkin lebih dekat. Contohnya, kalau di Sabah dan Sarawak, di Kuching dan juga beberapa buah tempat yang lain.

Yang ini, kita anggap sebagai satu peluang bagi mereka untuk mendekati bidang *e-sport* ini dengan lebih baik dan juga dengan lebih profesional.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: [Bangun]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan. Dah lama saya bangun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Lama dah ini. Asyik beri pada kawan-kawan. Bagilah saya sekali. Pertama sekali, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya rasa bersyukur dan tahniahlah kepada sahabat saya, yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, juga tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua yang baharu. Jadi, sudah menjadi karakter Kerajaan Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, bina bagus, *maintenance* gagal.

Apakah jaminan kerajaan atas pembinaan ini tidak berulang kisah nostalgia padang-padang futsal? Sudah menjadi tempat membiaknya ular-ular sawa dan sebagainya- terima kasih. Jaminan ini. Ini pegangan ini. Kenyataan hari ini akan dipegang oleh seluruh rakyat Malaysia sekarang ini.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sangatlah bersetuju dengan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Senator bahawa masalah dengan penyelenggaraan ini menghantui kita- semua, termasuklah sebelum ini, apabila dibina banyak gelanggang-gelanggang futsal, tetapi tidak ada *maintenance* atau penyelenggaraan, sehingga mengakibatkan kebanyakan fasiliti yang dibina dengan bertujuan baik ini, akhirnya rosak dan tidak dapat dimanfaatkan seperti yang kita hendakkan.

Jadi, untuk pengetahuan, apabila terdapat 13 *e-sport studio* ini dibina, kos yang diletakkan atau pun yang diturunkan Kementerian Belia dan Sukan menerusi MSN kepada setiap adalah lebih kurang RM100,000, bagi setiap *e-sport studio* yang dibangunkan. Ia dibangunkan bersama dengan persatuan-persatuan negeri. Ertinya, bukannya kita buat, namun tidak ada orang atau pun tidak ada kita pertanggungjawaban untuk menjaga.

Hal ini kita sangat menggalakkan supaya persatuan-persatuan ini ambil tanggungjawab kerana mereka adalah *end-user*. Mereka merupakan pengguna yang terakhir. Kalau pengguna sendiri tak nak jaga, maka dia tak boleh salahkan sesiapa bila fasiliti-fasiliti ini tidak dapat *maintain*. Akan tetapi, dalam pandangan saya, *e-sport hub* ini kebanyakannya lebih mudah untuk dijaga kerana ia tidak melibatkan gelanggang fizikal yang digunakan secara kasar dan sebagainya.

Sebaliknya, lebih kepada menjaga fasiliti tersebut seperti kita menjaga sebuah kafe atau pun sebuah dewan yang mempunyai jaringan internet yang baik serta tempat duduk yang selesa. Itu sahaja selalunya kalau disebut sebagai *e-sport studio*. Jadi, saya kira, yang ini lebih mudah dijaga berbanding dengan gelanggang-gelanggang sukan yang lebih kasar penggunaannya seperti futsal, bola keranjang dan takraw. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Noraini binti Idris.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Sejahtera. Sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua atas pelantikan jawatan masing-masing, dan selamat bertugas di Dewan Negara. Soalan saya nombor 5. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

5. Datuk Noraini binti Idris minta Menteri Ekonomi menyatakan, bagaimana sistem Pangkalan Data Utama (PADU) berupaya menghubungkan secara automatik seseorang individu yang berpendapatan rendah dengan bantuan-bantuan berfokus termasuk subsidi bersasar tanpa memerlukan individu tersebut melalui lapisan birokrasi termasuklah melakukan pengesahan semula menerusi satu-satu permohonan.

Menteri Ekonomi [Tuan Mohd Rafizi bin Ramli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdoa dengan kepimpinan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua akan berjaya mengangkat martabat Dewan Negara, terutamanya pada kala negara berada di persimpangan yang penting seperti sekarang ini.

■1140

Untuk makluman Yang Berhormat, Pangkalan Data Utama (PADU) secara dasarnya merangkumi pewujudan instrumen untuk mengintegrasikan sumber maklumat yang komprehensif dan mampan bagi menilai keperluan dasar negara di samping juga memastikan pengurusan sistem dan bantuan sosioekonomi negara berlaku dengan lebih tepat dan adil terutamanya apabila kita mengambil keutamaan untuk menstabilkan kedudukan fiskal negara.

Platform ekosistem digital bersepadu ini akan mengintegrasikan maklumat individu dan isi rumah rakyat Malaysia yang akan menggariskan tahap sosioekonomi sehinggalah ke pendapatan boleh belanja bersih rakyat Malaysia. Pendekatan ini dijangka akan berupaya untuk membantu kerajaan mengenal pasti kumpulan sasaran serta membantu usaha negara dalam melaksanakan pelbagai kemudahan dan faedah berbentuk bantuan atau subsidi dari semasa ke semasa kepada kumpulan sasaran ini dengan kita memastikan kita juga boleh meminumkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *exclusion error* ataupun masalah-masalah keciciran yang berlaku sebelum ini.

Pembangunan PADU juga akan berupaya menghasilkan *tier* ataupun kelompok-kelompok bagi menyokong pelbagai domain dalam melaksanakan program bantuan kerajaan kepada rakyat secara bersasar, fokus dan adil. Perkara ini dapat dilakukan kerana PADU akan mengintegrasikan maklumat daripada pelbagai agensi seperti berikut, antaranya ya.

Pertama, maklumat asas individu dan lokaliti daripada data Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kedua, maklumat pendidikan setiap rakyat antaranya meliputi data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Ketiga, maklumat jenis kediaman melibatkan data daripada pihak berkuasa tempatan, banci penduduk dan perumahan dan juga daripada Tenaga Nasional Berhad.

Keempat, maklumat pekerjaan merangkumi data daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), JPA dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta dalam satu minit lagi untuk saya habiskan, boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Seterusnya ialah maklumat-maklumat pendapatan yang melibatkan data-data daripada LHDN, KWSP, PERKESO, JPA, Kumpulan Wang Persaraan dan juga Jabatan Akauntan Negara. Keenam, maklumat Orang Kurang Upaya merangkumi sistem maklumat Orang Kurang Upaya dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ketujuh, maklumat-maklumat penerima bantuan yang diperoleh daripada Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) dan juga agensi-agensi sehingga ke peringkat Lembaga Zakat negeri-negeri apabila ia diintegrasikan.

Jadi oleh itu, PADU juga akan dikemas kini sehingga menghampiri masa sebenar atau, dengan izin, *near real time updated* dan akan dikemas kini secara berkala juga melalui perkongsian data pentadbiran yang mampan dari semua agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri sehingga ke peringkat daerah. Melalui ekosistem ini, rakyat juga berupaya meningkatkan kebolehcapaian sistem ini kerana apabila ia dilancarkan nanti, rakyat juga akan boleh mengemas kini sendiri maklumat sosioekonomi mereka yang akan dipadankan dengan data pentadbiran.

Jadi secara kesimpulannya, *insya-Allah* ini akan menyediakan satu-infrastruktur, dan ekosistem data di peringkat *granular* berbeza daripada yang kita ada sekarang ini. Ini akan memberikan kelebihan kepada kerajaan untuk mengukur kedudukan sosioekonomi sehingga kepada kebolehan belanja bersih di peringkat setiap isi rumah. *Insya-Allah*, mekanisme penyalur bantuan itu akan ditentukan dan itu terpulang kepada kerajaan untuk membuat keputusan bagaimana untuk menyalurkan bantuan apabila kita sudah ada satu sistem data yang berintegrasi seperti PADU ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Senator.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih atas penjelasan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri tadi dan sudah tentu rakyat mengalu-alukan penubuhan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) ini yang mengumpul data-data maklumat yang komprehensif. Jadi soalan saya, apa langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk melindungi data peribadi individu dalam sistem PADU ini daripada digodam ataupun di-*hacked* menyebabkan data-data peribadi individu ini terdedah kepada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang akan menggunakan data peribadi individu-individu ini untuk tujuan yang menyalahi undang-undang, contohnya. Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara dasarnya, langkah dan juga strategi CyberSecurity memang lebih mudah dan lebih teratur apabila data itu disepadukan kerana dengan satu- pangkalan data yang lebih bersepadu terutamanya apabila ia berada di *cloud*, maka itu membolehkan lebih banyak proses dan lebih banyak sistem keselamatan yang boleh dilaksanakan. Berbeza dengan keadaan sekarang yang mana kebanyakan daripada data ini duduk di kementerian yang berbeza-beza, maka dengan pengurusan keselamatan siber yang berbeza-beza, kepakaran itu tidak dapat disatukan.

Jadi sudah tentu sebab itu pandangan kerajaan ialah untuk kita ke hadapan sementara kita memerlukan data ini, kita juga ingin memerlukan sistem yang lebih cekap. Sebenarnya sistem yang besar dan bersepadu seperti itu membolehkan kerajaan membina kepakaran dan langkah keselamatan siber yang lebih baik daripada yang berada dan berpecah-pecah di banyak tempat.

Sudah tentu daripada segi secara terperinci, perkara itu akan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terbabit. Akan tetapi dengan wujudnya PADU sebagai tulang belakang data kerajaan, itu juga akan disambut oleh pihak kerajaan untuk memastikan tenaga-tenaga pakar dalam bidang sains data dan juga dalam bidang keselamatan sosial ini dipupuk, jawatan dibentuk dan mereka dilatih dan itu akan meningkatkan tahap kepakaran keselamatan siber sistem kerajaan secara menyeluruh bukan sahaja untuk PADU ini, tetapi juga untuk keseluruhan sistem yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Aknan a/I Ehtook: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Ha sila, lepas ini Apandi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Senator.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terutama tahniah Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah lazimnya apabila kita buat suatu sistem, apabila bertukar kerajaan, akan berubah. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu bentuk akta untuk memastikan benda ini berlangsung dan juga memaksa setiap kementerian yang ataupun agensi yang bertaullah untuk memberikan data, menyumbang data itu supaya sistem ini dapat berlangsung dan dapat digunakan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang paling baik kerana itu menerangkan kenapa kita tidak berjaya mengusahakan satu- pangkalan data yang bersepadu seperti ini sebelum ini.

Pertamanya, kerana setiap akta itu sebenarnya mempunyai kekangan yang khusus mengenai perkongsian data. Jadi, itu sebabnya kenapa sebelum ini apabila ada usaha, dia tidak berjaya ke arah itu dan akhirnya membawa kepada masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi, selalu ia terbengkalai.

Oleh sebab itu, kerajaan akan membentangkan satu akta *omnibus* mengenai perkongsian data, dan juga keselamatan data, yang meliputi semua agensi kerajaan yang terlibat, supaya kita tidak perlu mengubah dan meminda setiap akta yang terbabit dalam perkongsian data jabatan-jabatan kerajaan. Melalui akta *omnibus* ini, ia bukan sahaja akan memastikan perkongsian data itu merupakan satu kewajipan yang akan berlaku dengan baik,

■1150

Ia juga akan memastikan bahawa proses perkongsian data itu satu mandat yang akan berterusan mengikut undang-undang demi menjamin bahawa PADU ini akan kekal sebagai satu- pangkalan data utama kerajaan yang berterusan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya sekarang menjemput Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali tahniah diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

6. Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, mengapa baru sekarang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengeluarkan arahan kepada semua syarikat telekomunikasi untuk menghalang penyertaan pautan URL dalam penghantaran SMS untuk mengatasi sejumlah penipuan atas talian yang sering menghantar SMS kepada pengguna dan mengapakah arahan ini baru dikeluarkan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan dan juga Senator baharu.

Untuk Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu saya ingin pohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk juga menjawab pertanyaan ini bersekali dengan dua lagi pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari mengenai perkara yang sama pada 20 Jun iaitu soalan nombor 120 dan juga 21 Jun iaitu soalan nombor 125.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, arahan tindakan sekatan terhadap SMS yang mempunyai kata kunci yang telah dikenal pasti berkaitan dengan aktiviti penipuan telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bermula Januari 2021 dan dilaksanakan oleh pemberi perkhidmatan telekomunikasi dari semasa ke semasa.

Arahan yang dikeluarkan ini adalah berdasarkan corak modus operandi dan taktik manipulasi yang telah dikenal pasti diguna pakai oleh penjenayah pada ketika itu. Walau bagaimanapun, melalui pemantauan terkini yang dilaksanakan oleh SKMM terdapat peningkatan kes penipuan melalui perkhidmatan SMS yang mengandungi perkara-perkara terlarang seperti mana berikut;

- (i) penggunaan pautan URL yang mengehendaki pengguna untuk klik kepada sesuatu pautan,
- (ii) memohon maklumat peribadi pengguna seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor akaun perbankan dan lain-lain,
- (iii) mengandungi nombor talian mudah alih atau talian tetap untuk dihubungi.

Sehubungan dengan itu, pada 14 Februari 2023, SKMM telah mengarahkan semua pemberi perkhidmatan telekomunikasi untuk menyekat secara berperingkat mana-mana SMS yang mengandungi kandungan terlarang seperti mana di atas sebagai usaha membanteras isu penipuan dalam talian melalui rangkaian perkhidmatan telekomunikasi.

Dari tahun 2021 sehingga 31 Mei 2023, sebanyak 581 juta SMS yang meragukan telah berjaya disekat dan sebanyak 237,999 talian mudah alih dan tetap yang menghantar SMS yang meragukan telah ditamatkan hasil kerjasama pemberi perkhidmatan telekomunikasi.

Secara teknikal terdapat banyak perkara yang perlu diteliti sebelum membuat mana-mana sekatan sebagai contoh pautan URL dalam perkhidmatan SMS yang diterima oleh pengguna hanyalah sebagai perantaraan sebagai sebuah portal ataupun aplikasi. Sehingga kini tiada kaedah yang khusus dapat mengesakan bahawa pautan yang disertakan dalam kandungan SMS tersebut adalah sah atau tidak kerana kekangan seperti berikut;

- (i) pautan ini lazimnya menggunakan nama-nama *domain* asing dan dihoskan di negara lain;
- (ii) tiada keupayaan untuk mengenal pasti pautan yang disediakan adalah berunsur pancingan- *phishing*; dan
- (iii) mengguna pakai fasa atau perbuatan yang sentiasa berubah.

Bagi maksud tindakan undang-undang terhadap pemberi perkhidmatan telekomunikasi, tindakan undang-undang jenayah tidak boleh dikenakan terhadap pemberi perkhidmatan telekomunikasi berdasarkan pengecualian yang telah diberikan di bawah seksyen 264, Akta 588 terhadap pemberi perkhidmatan yang telah melaksanakan kewajipan di bawah seksyen 263, Akta 588.

Walau bagaimanapun, tindakan sivil boleh diambil oleh rakyat terhadap pemberi perkhidmatan telekomunikasi sekiranya dibuktikan bahawa pemberi perkhidmatan tidak dengan sedaya upaya mencegah kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi, ataupun perkhidmatan aplikasi kandungan yang dimiliki mereka dengan perlakuan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua: Lagi banyak kah?

Puan Teo Nie Ching: Satu perenggan lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana ada tiga soalan saya jawab sekali. Bagi mengelakkan *scam*, pengguna juga perlu sentiasa berwaspada dan meneliti sebarang panggilan yang diterima dan kandungan SMS yang disyaki palsu atau meragukan dengan membuat semakan semula melalui organisasi yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat apa langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk menghalang penipuan, atau *scam* atas platform-platform sosial media selain menghalang pautan URL di SMS?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Kami akan sentiasa bekerjasama dengan *platform provider* media sosial ini kerana sebagai kerajaan kita tidak ada akses ataupun tidak boleh bagi arahan kepada mereka untuk turunkan mana-mana *posting* yang berunsur penipuan.

Akan tetapi setakat ini memang kita terima kerjasama, bekerjasama dengan seperti *platform provider* seperti *Meta Facebook*, *TikTok* juga, *Twitter*. Kalau memang kita dapati bahawa kandungan tersebut adalah berunsur penipuan, kami akan hantar link tersebut kepada mereka dan minta mereka untuk padankan secepat mungkin jadi itu usaha kementerian. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tersebut. Memang kita setuju bahawa kita kena menghalang pautan URL itu melalui SMS untuk mengurangkan kes penipuan.

Soalan tambahan saya ialah minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan selain daripada SMS yang kita katakan menghalang URL itu, kita biasa mendapat banyak mesej daripada SMS juga yang berkaitan *credit card*, pinjaman peribadi dan sebagainya. Memang ini merupakan isu penipuan yang akan berlaku, akan bermula.

So, soalan saya ialah apakah tindakan yang lain selain daripada menghalang URL itu yang boleh memastikan *phone* kita, nombor kita yang tidak diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengadakan niat penipuan? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Kami sekarang KKD juga sedang mengkaji semula Akta Perlindungan Data Peribadi kerana setakat ini memang kalau ada orang yang salah guna nombor telefon kami untuk hantar SMS kepada Yang Berhormat Senator, saya sendiri pun terima dan saya percaya banyak yang duduk dalam Dewan ini yang juga di luar terima SMS yang kita cakap *unsolicited* SMS. Mereka- hantar kepada kami.

Akan tetapi setakat ini Jabatan Pelindungan Data Peribadi boleh kita buat aduan kepada mereka dan mereka akan jalankan siasatan tetapi kami sekarang tidak

ada satu, *Do Not Call registry* di Malaysia ini bermakna kita- semua bolehlah daftar nombor telefon kami dengan *registry* tersebut untuk pastikan bahawa tidak ada sesiapa yang boleh guna nombor telefon kami untuk hantar SMS ataupun *call* yang kita panggil *unsolicited* ini.

Jadi sebab itu, kami sekarang, KKD sekarang ada usaha untuk mengkaji semula Akta Perlindungan Data Peribadi untuk mengetatkan undang-undang untuk pastikan bahawa kita boleh memberi perlindungan yang lebih meluas kepada semua rakyat jelata supaya data peribadi kita tidak boleh disalah guna dan untuk pihak yang menyalah guna data peribadi kita seperti nombor telefon, seperti e-mel, seperti alamat kita, tindakan boleh diambil di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi dan kami harap bahawa rang undang-undang meminta Akta Perlindungan Data Peribadi itu boleh dibentangkan di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara tahun hadapan. Sekian jawapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat seterusnya saya ingin memperingatkan kementerian supaya memanjangkan jawapan ini termasuk dengan soalan-soalan tambahan jawapan itu juga kepada penyoal pada 20 hari bulan dan 21 hari bulan.

■1200

Ini supaya beliau mempunyai rekod dan mengetahui soalan yang telah dijawab. Terima kasih.

7. Tuan Roderick Wong Siew Lead minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah penambahan cuti bersalin 98 hari telah diwajibkan kepada seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak serta sektor swasta.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam Malaysia Madani.

Sebelum itu bagi pihak Kementerian Sumber Manusia ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua atas amanah dan tanggungjawab di dalam memimpin Dewan Negara serta Yang Berhormat Senator yang turut mengangkat sumpah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Undang-undang Buruh utama yang menetapkan hak pekerja dan standard-standard minimum penggajian ialah Akta Kerja 1955 dan terpakai kepada pekerja sektor swasta di Semenanjung Malaysia dan Labuan sahaja. Manakala bagi Sabah,

Undang-undang Buruh yang terpakai merupakan Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Sarawak pula iaitu Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead mengenai penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari, peruntukan ini telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Di bawah Akta Kerja 1955, terpakai kepada pekerja sektor swasta di Semenanjung Malaysia dan Labuan sahaja.

Penambahan cuti bersalin ini adalah selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai *Maternity Protection Convention* 2000 (No. 183) dengan izin, yang menyarankan tempoh cuti bersalin hendaklah tidak kurang daripada 14 minggu bersamaan dengan 98 hari. Dalam kalangan negara Asian pula, tempoh cuti bersalin di Singapura 16 minggu, 112 hari, Vietnam 26 minggu, 182 hari dan Republik Rakyat China dan Jepun masing-masing 14 minggu, 98 hari.

Dijangkakan peruntukan yang sama ini akan turut diwajibkan pemakaiannya di bawah Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) dalam masa terdekat selepas kedua-dua ordinan ini dipinda selaras dengan Akta Kerja 1955. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada masa ini Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) telah pun diluluskan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri Sabah dan sedang dalam semakan Jabatan Peguam Negara.

Pindaan terakhir ke atas ordinan adalah pada tahun 2005 dan pindaan seterusnya adalah merupakan pindaan kali ke kedua. Manakala Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) pula akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Sarawak terlebih dahulu sebelum dikemukakan pada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Roderick Wong Siew Lead.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah hukuman jika pihak majikan swasta menolak pelaksanaan ini, 98 hari cuti bersalin ini? Kalau pihak swasta menolak? Terima kasih.

Tuan Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan tindakan pendakwaan atau kompaun dengan denda tidak melebihi RM50,000. Itu daripada segi kesalahan.

Untuk makluman, setakat ini selepas kita dikuatkuasakan untuk akta baru ini sebanyak 14 aduan telah dibuat. Untuk cuti paterniti, tiga aduan telah dibuat. Ini sahajalah sebab baru dalam enam bulan dikuatkuasakan.

Jadi, untuk menjawab sekali lagi bahawa tindakan pendakwaan kita ialah kompaun tidak melebihi RM50,000. Sekian, terima kasih.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Pertamanya, saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berhubung dengan perkara yang sama, kita bicara tentang 98 hari tetapi ada suara bagi pihak suami Tuan Yang di-Pertua. Sehingga hari ini cuti paterniti untuk suami satu minggu. Boleh atau tidak kerajaan mempertimbangkan untuk tambah cuti jadi dua minggu sebab Indonesia melaksanakan cuti paterniti untuk suami membantu isteri ini selama satu bulan. Terima kasih.

Tuan Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman yang baru dikuatkuasakan pada 1 Januari tahun ini iaitu tujuh hari. Itu dahulu yang kita dapat lakukan. Jadi sebarang cadangan baru ini akan dikaji kembali. Saya fikir itu memerlukan libat urus pelbagai pihak dan kita juga perlu mengambil kira tentang keadaan negara kita dan juga sama ada pihak majikan, kesatuan sekerja dapat bekerjasama dengan pihak kerajaan dengan bersetuju melaksanakan lebih daripada tujuh hari. Cadangan itu baik tetapi akan dikaji semula. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Boleh saya tanya sedikit lagi satu soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Kita sudah ada dua Yang Berhormat. Jadi saya sudah buat...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Penting ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya hendak lihat sebanyak mungkin soalan dijawab pada hari ini. Kalau hendak bincang lagi soalan *maternity leave* ini bolehlah bincang dengan Menteri dekat luar.

8. Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, selain Koperasi, adakah kementerian turut terlibat dalam menarik penglibatan anak muda/belia untuk menceburi perniagaan sektor agromakanan dan apakah program-program yang ditawarkan kepada golongan tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya secara peribadi rasa teruja, mantan Menteri KUSKOP dilantik menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Dengan izin, saya pohon untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator. Memandangkan soalan adalah untuk menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil selain daripada koperasi untuk membangunkan usahawan agromakanan, saya akan menghadkan jawapan kepada langkah-langkah yang diambil oleh kementerian selain daripada koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) tidak mempunyai program keusahawanan yang khusus dalam sektor agromakanan untuk golongan muda atau belia. Walau bagaimanapun, KUSKOP menyediakan perancangan jangka panjang dalam melatih belia-belia dan graduan lepasan universiti awam atau swasta bagi memastikan peningkatan penyertaan belai dalam bidang keusahawanan dalam pelbagai bidang ekonomi.

Program dan inisiatif yang dirancang meliputi elemen latihan, pembiayaan, bimbingan dan pemantauan bagi menjadikan bidang keusahawanan termasuk dalam sektor agromakanan sebagai salah satu pilihan kerjaya di negara ini. Usaha yang dilaksanakan ini mendukung Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DNK2030) iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul, mencipta lebih ramai *job creators* dan mewujudkan kelompok bangsa usahawan menjelang tahun 2030.

Di bawah RMK Ke-12 iaitu bagi tempoh 2021 hingga 2025, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk belia di bawah Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ). Peruntukan ini disasarkan akan memberi manfaat kepada 76,690 orang graduan.

■1210

Daripada peruntukan RMKe-12 tersebut, sebanyak RM5 juta telah diluluskan bagi tahun 2023 untuk membantu 12,450 orang graduan melalui pelaksanaan program. Selain itu, program latihan bimbingan serta pembiayaan untuk golongan belia juga disediakan oleh Bank Rakyat, TEKUN Nasional, SME Corporation Malaysia, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Itu sahaja jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Juhani binti Abd Aziz: Saya ingin tanya, sejauh mana penyertaan anak-anak muda dalam program-program pembangunan usahawan daripada pihak Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Puan Saraswathy A/P Kandasamy: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan belia ataupun anak muda khususnya daripada mahasiswa ataupun graduan adalah amat menggalakkan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera sebagai contoh. Untuk Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera di bawah SME Corp Malaysia terdapat sembilan peratus peserta TUBE bagi tahun 2020 yang menjalankan aktiviti pertanian berkaitan pertanian serta penternakan berikutan PKP pada masa ini. Maksudnya, daripada keseluruhan sembilan peratus terlibat dalam aktiviti pertanian dan berkaitan pertanian serta penternakan.

Di bawah Program TEKUN Nasional, seramai 1,857 orang dengan nilai pembiayaan RM31 juta telah terlibat dalam program yang dijalankan ini. Daripada jumlah ini jumlah usahawan dalam bidang pertanian iaitu 370 orang dengan nilai pembiayaan RM6.8 juta. Jadi pada keseluruhannya penglibatan anak muda dalam agromakanan adalah cukup menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah cili bil import negara terlalu tinggi melebihi RM50 bilion dan tokoh-tokoh usahawan agromakanan dunia umpamanya *Heinz* di Amerika Syarikat, *Nestle* menguasai pasaran dunia, *KFC*, *McDonalds* dan sebagainya.

Tidak bolehkah kerajaan mengambil langkah membawa masuk *influences* terkenal dunia bagi menaik minat anak-anak muda kita supaya menceburi sektor ini kerana sudah ada produk-produk dari Amerika Syarikat, produk dari Asia *Wendy's Kitchen*, *Koko's Kitchen* dan sebagainya. Ada di Asia Tenggara.

Jadi boleh tidak kerajaan mengambil kesempatan membawa masuk *influencer* terkenal untuk kita mengatasi masalah bil import makanan dan juga kita tidak selalu banyak kebergantungan kepada produk-produk luar, sekian terima kasih.

Puan Saraswathy A/P Kandasamy: Terima kasih atas soalan tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di sektor koperasi ada ramai yang telah mula menceburi dalam menanam cili dan makanan-makanan untuk menampung keperluan tempatan. Seperti yang sedia maklum, cabaran yang dihadapi oleh

pengusaha-pengusaha dalam menceburi di sektor pertanian adalah bukan setakat pertanian sahaja tetapi ada juga kekangan daripada segi pelaburan.

Di pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), kita memberi pembiayaan, latihan dan juga memantau kejayaan mereka. Akan tetapi untuk meningkatkan lagi ramai dalam sektor agromakanan, itu adalah usaha yang sedang diambil oleh pihak Kementerian Pertanian dan Kos Sara Hidup.

Di pihak Kementerian KUSKOP, kita menumpu kepada memberi pembiayaan dan juga latihan daripada segi pengusahawanan sebagai untuk mencari pasaran dan untuk memberi latihan daripada segi meningkatkan lagi cara untuk memasarkan hasil produk agromakanan.

Walau bagaimanapun apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator satu cadangan yang baik dan akan diteliti melalui program-program yang dirancang untuk masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah.

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tidak lupa juga kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan atas pelantikan sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

9. Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta Perdana Menteri menyatakan, apa langkah jangka panjang kementerian untuk menyekat isu banjir pelarian Rohingya yang seperti tiada kesudahan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai anak Sarawak saya ingin mengucapkan terima kasih atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Senator yang baharu. Terima kasih senator Dato' Arman.

Pengurusan pelarian dan permohonan suaka di Malaysia adalah di bawah Arahan MKN No.23. Dasar dan mekanisme pengurusan pelarian dan permohonan suaka melalui arahan MKN ini, Jawatankuasa Pengurusan Pelarian dan Permohonan Suaka yang telah bermesyuarat pada 11 April 2023 dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

sebagai Timbalan Menteri yang telah menetapkan untuk Malaysia mempunyai mekanisme pengurusan pelarian dan permohonan suaka sendiri tanpa bergantung kepada entiti asing.

Kerajaan telah memberikan penekanan terhadap perancangan dan usaha untuk mengukuhkan peranan kerajaan di dalam pengurusan pelarian dan permohonan suaka melalui empat kluster Tuan Yang di-Pertua:

- (i) mekanisme pengurusan pelarian dan permohonan suaka melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa dan pasukan petugas khas;
- (ii) penentuan status pelarian;
- (iii) penguatkuasaan undang-undang kepada pelarian dan permohonan suaka; dan
- (iv) sistem sokongan sosial iaitu hanya kepada pelarian yang berdaftar dengan kerajaan iaitu penyelarasan pemantauan bantuan dan sokongan sosial sepanjang tempoh keberadaan sementara pelarian dan permohonan suaka di dalam negara terhad kepada hanya pelarian yang berdaftar dengan kerajaan dan berdaftar dengan kerajaan sebagai persediaan untuk ditetapkan di negara yang ketiga.

Perincian mengenai pelaksanaan penambahbaikan-penambahbaikan dan penglibatan entiti kerajaan UNCHR dan NGO dalam negara dan luar negara perlu diselaraskan dan diperkemas dalam isu membabitkan pengurusan pelarian permohonan suaka ini, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri akan bertindak sebagai agensi penyelarasan dan pelaksanaan proses penambahbaikan ini bersama kementerian dan agensi yang berkaitan.

Kerajaan juga akan mempertingkatkan bersama antara agensi keselamatan seperti angkatan tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan agensi penguatkuasaan untuk menghalang lebih banyak kemasukan PATI serta imigran yang membawa dari sebagai pelarian ke dalam negeri.

Kerajaan Yang Berhormat tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warganegara atau bukan warganegara yang didapati bersekongkol dengan ejen-ejen pemerdagangan manusia menyeludup

masuk pelarian dan permohonan suaka ke negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah: Jumlah etnik Rohingya dalam negara kita ini sama ada sedar atau tidak sedar sudah mencapai 200,000 orang. Akan tetapi sehingga hari ini kita lihat penyelesaian tentang masalah Rohingya ini tidak selesai. Hari ini rakyat tertekan dengan masalah Rohingya.

■1220

Kita minta pihak kerajaan dan agensi kerajaan mengambil pemantauan yang lebih baik dan menyelesaikan masalah dengan lebih cepat kerana hari ini masalah ekonomi juga telah menjadi sebahagian daripada masalah apabila masyarakat Rohingya ini bebas berniaga di kawasan-kawasan penempatan awam. Jadi soalan saya kepada kerajaan, apakah langkah untuk menghalang pelarian Rohingya ini untuk menceburi bidang ekonomi dalam negara kita?

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat. Angka yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tidak sampai 200,000. Etnik Rohingya sebanyak 106,000 angkanya. Itulah kita syorkan dengan Arahan MKN 23 ini untuk memperketat lagi supaya negara kita bukan negara yang bersekongkol dengan pelarian tetapi negara kita bukan juga negara yang ditempatkan dalam ahli-ahli UNHCR ini Yang Berhormat. Jadi, kalau Arahan MKN 23 ini dapat dilaksanakan secepat mungkin, mungkin ini akan mengambil baik dan menitikberatkan supaya lambakan kebanyakan pelarian daripada negara lain tidak akan timbul jadi masalah kepada rakyat Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih, *alhamdulillah*. Tahun 2017, Yayasan Aman dan juga beberapa buah NGO gabungan di Malaysia bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia ketika itu untuk mengadakan *International Conference on Rohingya* (ICR). Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati, pelarian Rohingya ini penduduknya tiga juta lebih. Yang dihalau keluar sekarang ini sebanyak 1.5 juta lebih Tuan Yang di-Pertua.

Menurut UNHCR, manusia yang tidak diberikan pengiktirafan kerakyatan dan mereka dihalau ke merata pelosok tetapi mereka tidak boleh diambil sebagai pelarian kerana tidak ada IC. Isunya sekarang, lebih 100,000 orang yang berada di Malaysia,

1.5 juta orang yang berada di luar, Myanmar, di Bangladesh sendiri mereka sekarang ini diletak di sebuah pulau yang boleh tenggelam, bila-bila masa sahaja ombak besar datang.

Ertinya, suatu penyelesaian yang lebih serius terutama kita Malaysia, anggota kepada ASEAN. Kita ini golongan anggota ASEAN yang sangat terkemuka dan Myanmar merupakan anggota ASEAN. Pokok persoalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mungkin Malaysia sendiri harus mengambil suatu langkah bukan sekadar menyelesaikan isu Rohingya masuk tetapi menyelesaikan isu ratusan ribu dan jutaan orang Islam Rohingya yang sekarang berselerak tetapi tidak ada penyelesaian kerana mereka sebenarnya tidak dianggap sebagai pelarian kerana tidak ada IC? Ini saya sahkan melalui UNHCR sendiri semasa sesi *International Conference on Rohingya* (ICR) pada tahun 2017, kerjasama yayasan dan NGO-NGO Malaysia dengan Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat yang sangat prihatin. Yang Berhormat, seperti mana saya kata tadi Malaysia bukan ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Saya tahu Yang Berhormat. Itulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Mengenai Pelarian ini telah mengambil langkah supaya Arahan 23 ini dapat kita meterai dan juga syorkan supaya arahan itu nanti akan menjadi satu titik cara kita untuk menangani masalah-masalah tersebut.

Yang Berhormat, Malaysia menyeru juga supaya 149 buah negara, ahli kepada Konvensyen 1951 dan 147 buah negara ahli Protokol 1967 dapat melaksanakan hak dan tanggungjawab. Jadi, kita bersama-sama Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tahu di manakah pelarian itu, berikan laporan ke Jabatan Perdana Menteri supaya MKN dan juga agensi bersama PDRM, Imigresen dan sebagainya dapat mengatasi hal ini. Malaysia ini Yang Berhormat, negara yang perikemanusiaan. Takkanlah kita akan biarkan mereka tetapi kita mesti bekerjasama dengan UNHCR supaya titik beratkan keselamatan dan jaga kelambakan pelarian dari luar negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Apa yang disoal tadi adalah apakah tindakan Malaysia bukan sahaja di peringkat negara tetapi juga *regional* dan *international*, itu yang ditanya. Kita patut mencari satu inisiatif untuk menyelesaikan masalah Rohingya ini. Jadi Yang Berhormat, sekarang saya ingin menjemput...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini. Saya juga beri ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed yang telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

10. Datuk Paul Igai minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apa peranan Malaysia dalam pasukan pengamanan dan bidang keselamatan global sejak Malaysia menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu- *United Nations*.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kementerian Luar Negeri juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu dan juga kepada Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas pertanyaan yang dikemukakan pada tengah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sentiasa komited dalam menyokong usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak menjadi negara anggota PBB secara rasmi 17 September 1957. Dalam soal keamanan dan keselamatan, Malaysia pertama kali menyertai Misi Pengaman PBB pada Oktober 1960 dengan menghantar seramai 3,500 orang pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia ketika itu untuk menyertai operasi PBB di Congo di *United Nations Operation in the Congo* selama tiga tahun.

Sehingga kini, Malaysia telah menyertai 38 buah misi PBB di seluruh dunia dengan penglibatan sejumlah lebih kurang 40,000 orang pegawai dan anggota daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kini, Malaysia merupakan antara negara terbesar dalam menyumbang bilangan anggota kepada Misi Pengaman PBB.

Setakat 31 Mac 2023, Malaysia berada di tangga ke-25 daripada 123 buah negara daripada segi penyertaan ke Misi Pengaman PBB dengan kekuatan seramai 859 orang anggota termasuk 98 orang wanita yang terlibat dalam lima Misi

Pengaman PBB di Lubnan, Sahara Barat, Wilayah Abyei, Sudan Selatan dan Republik Demokratik Congo.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Malaysia dalam pasukan pengaman mencerminkan komitmen negara dalam sistem pelbagai hala serta mempamerkan keprihatinan Malaysia untuk memastikan keamanan dan keselamatan di peringkat global.

Selain itu, Malaysia juga telah memainkan peranan aktif dalam PBB dan telah dipilih sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1965, 1989 hingga 1990, 1999 hingga tahun 2000 dan tahun 2015 hingga tahun 2016 ketika Yang Berhormat Senator Dato' Sri Anifah bin Aman @ Haniff Amman yang ada dalam Dewan ini menjadi Menteri Luar Negeri. Saya juga berterima kasih, berkesempatan untuk menyertai legasi beliau ketika melobi untuk menjadi ahli tidak tetap PBB pada waktu itu.

Walaupun Malaysia bukan lagi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB, namun demikian Malaysia secara konsisten mengambil bahagian dalam debat dan taklimat terbuka- *open debate and open briefing*, di Majlis Keselamatan PBB untuk berkongsi pandangan dan mengetengahkan pendirian negara mengenai isu-isu yang dipertimbangkan oleh Majlis Keselamatan PBB.

Menerusi keanggotaannya dalam PBB, Malaysia akan terus memainkan peranan aktif di persada antarabangsa dengan mengambil bahagian dalam rundingan penggubalan resolusi-resolusi di Perhimpunan Agung PBB untuk memastikan pandangan, pendirian dan kepentingan negara di peringkat antarabangsa sentiasa diketengahkan dan dipertahankan selaras dengan dasar luar Malaysia. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

■1230

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: Soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Timbalan Menteri tadi kerana kes ini memanglah kita tahu Malaysia, biar kecil tetapi macam cili padi. Saya nak tanya, di mana anggota kita sekarang, selain dari Congo dan juga apakah pangkat anggota kita yang dihantar ke misi pengaman itu? Nombor dua, apa kedudukan Malaysia dalam pentadbiran urusan Majlis Keselamatan selain daripada dahulu kita jadi pengerusi, sekarang apalah kita? Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa seramai 859

orang anggota pengaman yang kita hantar setakat pada hari ini dan di mana 859 ini Yang Berhormat, yang paling ramai ialah yang berada di Lubnan iaitu seramai 832 orang anggota. Ini merupakan pasukan pengaman. Namun demikian, ada beberapa buah negara juga kita hantar sebagai *expert* ataupun pemerhati di beberapa buah negara yang lain seperti di Sahara Barat, Republik Demokratik Congo sendiri. Kemudian di Sudan dan di Wilayah Albeit.

Jadi ini adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa dan kita apabila menghantar anggota pengaman ini, untuk makluman Yang Berhormat, adalah berdasarkan permintaan daripada *United Nations Security Council* (UNSC) yang telah membuat kelulusan melalui resolusi mereka dan meminta negara-negara untuk menghantar anggota pengaman, termasuk juga Malaysia.

Kita juga menyahut saranan daripada *United Nations Security Council* untuk menghantar anggota kita di mana-mana negara, di mana resolusi itu diputuskan seperti di Lubnan tadi.

Untuk soalan Yang Berhormat yang kedua, kita terakhir menjadi anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 hingga 2016 dan untuk makluman, kita juga ingin mendapatkan pencalonan-*candidate*, dengan izin, pada tahun 2036. Itu merupakan giliran kita melalui Asia Pasifik. Jadi, *insya-Allah* kita juga akan berusaha keras demi mengangkat martabat nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, setakat rekod yang ada, berapa dah jumlah rakyat Malaysia yang terkorban dalam misi pengaman keamanan di dunia? Lebih kurangnya. Nak minta tangguh dan beri jawapan bertulis pun tak apa, cuma nak tahu sahaja.

Datuk Mohamad bin Alamin: Untuk detil, kita akan buat jawapan bertulis tetapi ada diberitakan tidak lama dahulu, seorang terkorban di Lubnan tetapi itu bukan terkorban akibat peperangan itu tetapi kemalangan jalan raya. *Insya-Allah* kita akan periksa dan nanti saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat secara detil. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soalan-soalan lisan pada hari ini.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG INSOLVENSİ (PINDAAN) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.34 tgh.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang baru dan seperti kata orang, “seperti sirih pulang ke gagang” nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, individu yang telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah sering berhadapan dengan kesukaran untuk membina semula kehidupannya. Dalam usaha untuk mengurangkan kes kebankrapan, pada tahun 2017, kerajaan telah meminda Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] dengan menaikkan nilai ambang keberhutangan daripada RM30,000 kepada RM50,000 dan seterusnya kepada RM100,000 pada tahun 2020.

Setakat bulan Mei 2023, sebanyak 291,445 kes kebankrapan sedang ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Tempoh kebankrapan yang lama bukan sahaja membebankan individu bankrap malahan merugikan pihak kerajaan kerana bankrap tidak dapat menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam hal ini, Kerajaan Madani telah mengambil pendekatan dasar peluang kedua bagi membantu bankrap untuk keluar daripada kebankrapan.

Selaras dengan itu, bermula 1 Mac 2023, kerajaan telah mengambil pendekatan untuk memberikan pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi kepada bankrap yang berhutang dalam skala kecil iaitu tidak melebihi RM50,000 dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam hal ini setakat 30 April 2023, sebanyak 4,228 kes yang melibatkan bankrap yang berhutang dalam skala kecil telah dilepaskan melalui sijil KPI.

Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 yang saya bentangkan di hadapan Dewan yang mulia adalah bertujuan untuk meminda Akta 360. Cadangan fasal-fasal yang sebagaimana diperincikan dalam rang undang-undang yang telah diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua yang baru, tahniah Yang Berhormat Senator.

Pertama, penggunaan teknologi dan sistem pendigitalan dalam pentadbiran kebangkrutan adalah penting bagi mempercepat pentadbiran kebangkrutan. Beberapa pindaan dicadangkan pada hari ini adalah untuk membolehkan komunikasi dalam perkara pentadbiran insolvensi dijalankan secara atas talian melalui sidang video atau apa-apa komunikasi elektronik yang lain.

Selain itu, penghantaran notis dan dokumen seperti pernyataan hal ehwal bankrap dan borang bukti hutang boleh dibuat melalui e-mel atau dimuat naik dalam sistem atau platform digital berbanding penghantaran melalui pos berdaftar prabayar.

Perkara ini adalah untuk menjimatkan masa dan kos semua pihak termasuk Jabatan Insolvensi, pembankrap, pemiutang serta pemegang taruh. Ia juga merupakan sebahagian inisiatif MDI ke arah pendigitalan pentadbiran kebangkrutan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua. Bagi mempercepatkan pentadbiran kebangkrutan, kewajipan mandatori ke atas Ketua Pengarah Insolvensi untuk mengadakan mesyuarat pertama pemiutang dicadangkan untuk dimansuhkan.

Pindaan ini dibuat bagi mengatasi kelengahan dan pembaziran masa dan kos yang berlaku apabila bankrap mahupun pemiutang tidak hadir pada mesyuarat pemiutang yang pertama. Seterusnya, mesyuarat pemiutang yang diadakan mengikut keperluan dan agenda yang jelas untuk menjimatkan masa dan kos pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memelihara kebajikan bankrap, kerajaan bercadang untuk menambah dua lagi kategori bankrap yang boleh dilepaskan melalui pengeluaran sijil KPI tanpa melalui bantahan pemiutang. Dua kategori tersebut adalah bankrap yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri akibat penyakit mental yang telah disahkan oleh pakar psikiatri hospital kerajaan dan bankrap yang telah berusia 70 tahun ke atas.

Pada pendapat dan pertimbangan KPI, berdasarkan statistik MDI, seramai 19,913 orang bankrap yang berusia 70 tahun ke atas layak dipertimbangkan untuk pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi sekiranya mereka memenuhi syarat yang ditetapkan.

Keempat, kerajaan akan menambah baik peruntukan pelepasan secara automatik di bawah seksyen 33C Akta 360 yang telah diperkenalkan melalui Akta

Kebankrapan (Pindaan) 2017. Antara pindaan penting yang dicadangkan ke atas seksyen 33C, Akta 360 adalah sebagaimana:

- (i) syarat penyelesaian amaun sumbangan sasaran atas hutang yang diperakukan digantikan dengan syarat pembayaran jumlah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi mengikut kemampuan kewangan bankrap;

■1240

- (ii) peruntukan baharu diperkenalkan berkenaan kuasa KPI untuk menggantungkan pelepasan automatik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun jika bankrap tidak mematuhi kewajipan dan obligasinya di bawah Akta 360;
- (iii) peruntukan baharu diperkenalkan berkenaan kuasa Ketua Pengarah Insolvensi untuk meminta bankrap memberikan maklumat lanjut mengenai pendapatan dan pendapatan yang dijangka atau harta bankrap;
- (iv) selaras dengan dasar peluang kedua ini, seksyen 33C yang terpinda adalah terpakai secara retrospektif iaitu ke belakang bagi memberikan peluang pelepasan kepada bankrap yang telah memfailkan pernyataan hal ehwal sebelum tarikh kuat kuasanya akta pindaan dan memenuhi syarat-syarat pelepasan automatik; dan
- (v) kerajaan bercadang untuk menyemak semula nilai terhadap perkara berkaitan pentadbiran kebangkrupan. Kesemua nilai yang sedia ada dalam peruntukan berkenaan akan dipinda kepada nilai yang ditentukan, dengan izin, *prescribed* oleh Menteri dalam peruntukan kaedah-kaedah insolvensi. Dengan cara ini, semakan nilai yang terlibat boleh dibuat mengikut keperluan semasa tanpa perlu meminda Akta Ibu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi mendapatkan pendekatan amalan perundangan insolvensi yang terbaik dan bersesuaian, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini turut mempertimbangkan kajian dan perbandingan terhadap amalan pentadbiran kebangkrupan yang dilaksanakan oleh negara-negara luar seperti *United Kingdom*, Australia, New Zealand, Kanada dan Hong Kong.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini melalui rang undang-undang ini amatlah penting bagi memastikan sistem pentadbiran yang dijalankan di Malaysia adalah berkesan dan memenuhi cabaran semasa. Selaras dengan dasar Malaysia Madani, penggubalan rang undang-undang ini telah mengambil kira aspek kepentingan awam iaitu pembinaan semula ekonomi negara dan jaminan kesejahteraan insan dalam memastikan tiada golongan rakyat yang tercicir dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis merupakan suatu akta untuk meminda Akta Insolvensi 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 16 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa- masa yang diberikan adalah sebanyak 7 minit seorang.

Jadi, saya dengan ini ingin menjemput pembahas nombor satu iaitu Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Senang dipanggil A.K Das.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat A.K Das, ya, baik.

12.43 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya menonton satu dokumentari di *Netflix* yang bertajuk "*How to Get Rich*" yang menampilkan seorang penulis yang juga merupakan pakar kewangan yang bernama Ramit Sethi. Ini bukanlah dokumentari tipikal yang memperagakan gaya hidup *American dream*, sebaliknya ia memaparkan realiti dunia hari ini yang menyaksikan manusia berbelanja mengikut nafsu tanpa ukur baju di badan sendiri.

Hakikat tersebut merupakan antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah kebangkrapan yang menghantui hidup seseorang penghutang. Akibat menanggung hutang yang gagal diselesaikan, seseorang boleh mengalami tekanan mental yang menjejaskan lagi kelangsungan kehidupannya.

Selain menumpukan usaha perundangan yang boleh membantu individu bankrap di negara ini untuk bernafas kembali, kerajaan juga seharusnya memikirkan tentang solusi ataupun pendekatan terbaik yang boleh mendorong rakyat untuk mengamalkan budaya berbelanja yang sihat. Berbicara tentang budaya berbelanja secara sihat, sudah tentu antara perihal pentingnya perlu diberi penekanan oleh kerajaan ialah kadar siling pinjaman perbankan. Kementerian Kewangan menerusi dukungan Bank Negara Malaysia sewajarnya meneliti semua piawaian permohonan pinjaman yang ditetapkan oleh bank kepada rakyat.

Penelitian terhadap piawaian kelulusan satu-satu pinjaman perbankan adalah penting untuk memastikan kadar pinjaman yang dipohon tidak menjejaskan pendapatan boleh diguna seseorang peminjam. Bank atau mana-mana institusi perbankan tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata. Konsep perbankan patuh syariah yang diterapkan oleh kebanyakan bank hari ini sewajarnya mendorong pengguna untuk lebih cermat dalam membuat satu-satu keputusan kewangan yang melibatkan pinjaman.

Sebagai individu yang peka dengan masalah kebangkrutan, saya berpandangan bahawa permohonan bagi mana-mana pinjaman bank yang melebihi RM50 ribu perlu dikenakan syarat yang lebih ketat. Bagi saya, antara syarat penting yang wajar dikenakan kepada peminjam ialah tempoh bekerja tetap sekurang-kurangnya lima tahun. Secara umumnya, individu yang bekerja tetap lebih daripada lima tahun mempunyai latar belakang kewangan atau *financial history*, dengan izin, yang boleh dikira stabil dengan mengambil kira pendapatan bulanan yang bermaruah. Jika seseorang peminjam meminjam melebihi jumlah pendapatan kasarnya dalam setahun dalam keadaan dia baru bekerja selama dua tahun, dikhuatiri peminjam tersebut tidak berupaya melakukan bayaran semula secara konsisten mengikut tempoh yang ditetapkan.

Kenaikan kos sara hidup termasuk kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) yang semakin merisaukan seharusnya dijadikan sebagai antara sandaran penting oleh pihak bank dalam mempertimbangkan satu-satu permohonan pinjaman pada masa hadapan. Kedua-dua senario tersebut boleh melemahkan kuasa pembayar balik pinjaman atau *payback power*, dengan izin, dan seterusnya boleh menghimpit peminjam dengan risiko yang diisytiharkan muflis bila mana hutang belum langcai melebihi pendapatan boleh guna yang banyak dibelanjakan untuk tanggungan sara hidup yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan pindaan Akta 30, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada Kerajaan Malaysia Madani untuk menyegerakan satu-pelan tindakan khusus yang melindungi rakyat yang terdiri daripada peminjam aktif daripada terus dipengaruhi oleh budaya beli sekarang, bayar kemudian. Biarpun individu bankrap atau muflis dengan tunggakan hutang kurang daripada RM50 ribu telah diberikan pelepasan automatik bermula 1 Mac yang lalu, namun kerajaan tidak seharusnya lepas tangan dalam melaksanakan dasar atau strategi kewangan yang holistik. Pelaksanaan dasar kewangan yang berteraskan kewangan bijak amat penting untuk dilaksanakan sebagai usaha untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat khususnya graduan yang memasuki alam pekerjaan.

Kerajaan seharusnya mewujudkan kesinambungan kepada Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 yang telah diperkenalkan ketika pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Dasar sebegitu perlu diteruskan menerusi sokongan institusi-institusi perbankan tempatan yang harus turut berperanan sebagai entiti yang boleh memberikan evokasi berkaitan pelan kewangan peribadi rakyat terutama individu yang memerlukan sokongan kewangan tambahan dalam bentuk pinjaman bank.

Berdasarkan perangkaan yang direkodkan bermula tahun 2020 hingga Mei 2022, seramai 17,599 orang individu yang diisytiharkan muflis. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,367 orang tinggal di Lembah Klang dan angka tersebut menggambarkan kepada kita bahawa individu yang bekerja dan menetap di kawasan bandar lebih cenderung untuk berhutang. Berbanding dengan Terengganu dan Perlis, kedua-dua negeri tersebut masing-masing mencatatkan jumlah individu yang muflis seramai 569 orang dan 99 orang.

■1250

Individu yang berumur antara 35 tahun hingga 44 tahun merupakan segmen umur yang mencatatkan jumlah individu muflis yang paling tinggi iaitu seramai 6,681 orang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, tujuh minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Just give me-* satu page lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Hari pertama saya, saya bagi peluang.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, terima kasih. Berkait dengan perihal saya nyatakan dalam perbahasan ini, saya ingin membangkitkan persoalan-persoalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertama, berapakah jumlah individu muflis belum lepas yang direkodkan antara Jun 2022 hingga Februari 2023? Daripada jumlah itu, saya minta Yang Berhormat Menteri memperincikan jumlah individu muflis mengikut segmen umur dan negeri yang telah diberikan pelepasan automatik menurut pindaan Akta 360 ini.

Kedua, apa kaedah pemudah cara yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Insolvensi bagi melancarkan segala proses yang melibatkan melepaskan automatik yang disebut boleh dilakukan dalam masa yang singkat.

Ketiga, apakah jaminan bahawa seseorang individu yang dilepaskan menurut rang undang-undang ini boleh mendapatkan semula hak kelayakan untuk bekerja atau memulakan perniagaan bagi melunaskan tunggakan hutang?

Keempat, apa usaha kesinambungan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan literasi kewangan rakyat, sejajar dengan kuat kuasa pindaan Akta 360 ini kelak?

Kelima, adakah menerusi Bank Negara Malaysia akan memperkemaskan semula syarat kelulusan pinjaman bank khususnya bagi pinjaman peribadi, kad kredit dan pinjaman kereta yang merupakan antara penyumbang terbesar kepada kebangkrutan anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, pandangan yang bernas, cadangan yang baik, saya ucapkan terima kasih.

Sekarang saya menjemput, Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff untuk berbahas.

12.52 tgh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama-pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed selaku Timbalan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar atas pelantikan sebagai Speaker Dewan Negara.

Terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk perbahasan Rang Undang-undang Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 bertujuan untuk meminda Akta 360. Akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperuntukkan bagi pentadbiran estet bankrap yang lebih efektif di Malaysia dan

untuk melepaskan bankrap dalam tempoh masa yang singkat bagi sumbangan yang lebih baik kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik dari Jabatan Insolvensi Malaysia, jumlah kes kebangkrutan yang ditadbir hingga April 2023 iaitu sebanyak 264,127 kes. Dari tahun 2019 hingga tahun 2023, seramai 13,073 orang yang berumur 35 tahun hingga 44 tahun telah diisytiharkan bankrap. Julat umur yang produktif yang sepatutnya mereka bekerja untuk membantu dalam pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini perlu disokong bagi memastikan pentadbiran bankrap lebih cekap dan kebajikan bankrap terjaga. Tahniah kepada kerajaan yang telah melaksanakan libat urus dan mendengar pandangan dari agensi-agensi dan juga pemegang-pemegang taruh berkaitan serta mengadaptasi amalan terbaik pentadbiran bankrap dari luar negara. Ia merupakan usaha yang baik bagi membantu rakyat yang bankrap mendapatkan pelepasan dengan mudah dan lebih cepat.

Dengan pindaan akta ini kita berharap dapat memudahkan pelepasan bankrap secara automatik. Orang-orang bankrap juga merupakan aset negara. Dalam usaha yang produktif ini, jika mereka dihukum bankrap dalam tempoh yang lama, ia amat merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, gagal membayar pinjaman peribadi, pinjaman perniagaan, pinjaman kereta, pinjaman rumah dan kad kredit merupakan penyebab utama seseorang menjadi bankrap. Kelulusan pinjaman ini menunjukkan bankrap berkemampuan dan seorang yang kompeten untuk memberi komitmen membayar balik pinjaman. Ia juga membuktikan individu-individu ini layak diberi penarafan kredit yang baik daripada pihak pemiutang sebelum pinjaman diluluskan. Oleh itu, peluang kedua perlu diberikan kepada bankrap supaya mereka dapat bersama-sama memberi sumbangan kepada negara dalam memulihkan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang dalam suasana ekonomi negara yang belum pulih sepenuhnya, dengan bilangan individu yang terjejas pendapatan, masih tinggi pasca pandemik COVID-19. Kos sara hidup yang makin tinggi dan kejatuhan Ringgit memberi kesan kepada kemampuan kewangan rakyat dan boleh mendedahkan rakyat kita kepada risiko kebangkrutan.

Para peniaga kecil contohnya, ramai yang menangguhkan pembayaran pinjaman ditambah dengan kenaikan OPR sebanyak lima kali, maka kuasa beli mereka menjadi semakin berkurangan sehingga terpaksa mengubah corak perbelanjaan sekali gus berpotensi menjejaskan aliran keuntungan kepada para

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Oleh itu, agensi kaunseling dan pengurusan kredit perlu berperanan dalam memberikan pendidikan kewangan kepada rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi kepada anak-anak muda.

Justeru itu saya ingin bertanya, apa program yang telah dilaksanakan untuk mempromosikan AKPK itu sendiri supaya lebih ramai tampil untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pendidikan dalam mengawal keadaan kewangan dan pengurusan hutang.

Khidmat kaunseling dan pendidikan kewangan AKPK perlu disebar luas kepada pengetahuan umum di semua peringkat umur tidak kira jantina, anak muda, wanita, usahawan dan sebagainya. Saya ada soalan, sejauh mana peranan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ini dapat membantu para peminjam menerusi perkhidmatan penstrukturan hutang pendidikan dan khidmat nasihat kewangan serta kesediaan bank-bank atau pemiutang berunding semula terma-terma pinjaman dengan peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menghadapi masalah anak-anak muda yang berusia kurang daripada 35 tahun yang diisytiharkan bankrap. Pun begitu, kita melihat trend penurunan jumlah belia yang muflis. Pada tahun 2020, seramai 1,741 orang belia telah mengalami muflis. Jumlah ini telah menurun kepada 1,060 orang pada tahun 2021 dan 425 orang sehingga Jun 2022. Harapan kita supaya jumlah ini terus menurun dan dengan usaha memberi kesedaran pengurusan kewangan kepada orang-orang muda ini.

Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, antara faktor-faktor utama yang menyebabkan ramai golongan muda diisytiharkan muflis adalah berpunca daripada hutang kad kredit, pinjaman peribadi dan tahap pengurusan kewangan yang lemah sehingga menyebabkan kecenderungan untuk berbelanja sebelum gaji.

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan pusat literasi kewangan bersepadu dalam usaha meningkatkan literasi kewangan terutama dalam kalangan belia bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang keperluan pembayaran balik dalam proses sebelum membuat sebarang pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, orang bankrap terpaksa menghadapi hidup dalam sekatan. Antaranya, pekerjaan adalah terhad. Ada sektor profesional tidak membenarkan orang muflis bekerja, tidak boleh memiliki perniagaan dan juga tidak boleh menjadi seorang pengarah syarikat. Jadi soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji dan mempertimbangkan semula

supaya bankrap boleh bekerja di sektor profesional seperti peguam, doktor dan akauntan yang tidak dibenarkan bekerja oleh badan profesional.

Golongan profesional merupakan aset yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama lagi Yang Berhormat? Sudah pukul 1 tengah hari.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Satu minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Saya juga ingin bertanya, apa usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjaga kebajikan orang bankrap sama ada dalam bentuk bimbingan kewangan atau bantuan mendapatkan pekerjaan atau dalam membina semula perniagaan baharu mereka setelah mereka dibebaskan daripada bankrap.

Masalah kewangan bukan masalah individu, ia boleh mempengaruhi dan memberi kesan negatif fizikal dan mental bukan sahaja kepada individu, malah kepada ahli keluarga, komuniti dan juga negara. Oleh itu, kerajaan perlu ada dasar dan polisi bagi menguruskan para peminjam untuk mengelak daripada tindakan mahkamah mengisytiharkan muflis. Kerjasama antara bank atau pemiutang dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam membantu peminjam mendapatkan khidmat nasihat terbaik dalam pengurusan kewangan dan hutang, sebelum bank membuat tindakan permohonan muflis.

Sekian, daripada saya. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ucapan yang saya rasa memang menyentuh hati orang-orang muda yang mempunyai masalah dengan kebankrapan ini.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah pukul 1 tengah hari, saya tangguhkan Dewan ini supaya kita masuk semula untuk meneruskan perbahasan pada jam 2.30 petang, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1432

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sambung semula perbahasan dengan saya menjemput Datin Hajah Ros Suryati binti Alang untuk berbahas.

2.32 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar kerana telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu.

Tahniah saya kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Semoga dengan pelantikan ini Dewan Negara akan terus gemilang dan terbilang dan kita Ahli Senator akan turut bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua untuk memperkasakan dan mengangkat martabat Dewan Negara dan Parlimen amnya di Malaysia dan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, isu kebangkrapan atau mufliis merupakan satu wabak yang serius melanda negara kita. Ia tidak mengenal lapisan masyarakat, warna kulit dan juga fahaman politik. Banyak kisah sedih kita dengar.

Orangnya baik tetapi apabila ditimpa masalah yang tidak dijangka sama ada menjadi penjamin atau perniagaan merudum disebabkan perintah kawalan, malang menimpa apabila seseorang itu diisytiharkan mufliis. Rata-rata mereka yang mufliis iaitu mereka yang membuat pinjaman untuk kereta, peribadi, perumahan dan lain-lain. Begitu juga penjawat awam, ramai yang terlibat dalam kes kebangkrapan.

Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 di hadapan kita ini adalah untuk menambah baik sistem pentadbiran kebangkrapan di mana antara inti pati rang undang-undang ini telah dan lebih kepada kelepasan automatik. Ini termasuk melaksanakan pendekatan berbeza terhadap mereka yang bankrap kerana hutang yang banyak atau bankrap dengan jumlah kecil ataupun bankrap hanya sebagai penjamin.

Apabila saya sendiri membaca RUU ini, saya bersetuju dengan pindaan kepada undang-undang sedia ada yang membolehkan sekurang-kurangnya 130,000 orang daripada 260,000 kes bankrap mendapat pelepasan. Jumlah peminjam muflis yang direkodkan sehingga kini sudah lebih daripada 46,000 ekoran tidak mampu membayar pinjaman disebabkan pandemik COVID-19 dan kini diburukkan dengan peningkatan kos sara hidup dan perkembangan ekonomi yang agak perlahan.

Statistik tahun 2020, menunjukkan secara purata sebanyak 16 kes kebangkrupan didaftarkan setiap hari. Manakala jumlah kes kebangkrupan yang dilepaskan melalui sistem pelepasan KPI bagi tempoh yang sama secara purata sebanyak 72 kes setiap hari. Saya juga melihat jika OPR yang terus menaik sejak kebelakangan ini yang menyebabkan rakyat terus ditekan untuk menambah bayaran ansuran pinjaman menyebabkan mereka yang seawal usia 25 tahun akan lebih ramai diisytiharkan muflis.

Dari awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini, terdapat lebih 46,000 orang rakyat sudah muflis disebabkan tidak mampu membayar pinjaman bank. Maka dengan itu, saya ingin tanya beberapa persoalan kepada pihak kementerian. Antaranya saya ingin tahu, sejauh mana kempen kesedaran yang dianjurkan oleh kementerian bagi mengurangkan kes kebangkrupan dan juga kursus dalam program agar mereka pandai mengurus kewangan?

Pada pandangan saya, pendedahan yang terbaik adalah di bangku sekolah. Sekiranya kos menjadi penghalang untuk menjalankan kempen, maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar memberi lebih peruntukan supaya kementerian dapat bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk menjalankan program-program yang saya sebut tadi.

Seterusnya, saya juga ingin tahu sejauh mana keberkesanan agensi berkaitan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam melaksanakan tugas mereka untuk mengurangkan kes kebangkrupan dari tahun ke tahun? Sejauh manakah peningkatan kes bankrap ini memberikan kesan kepada ekonomi negara? Ekonomi negara kita secara langsung terutamanya ketika fasa kos sara hidup yang tinggi pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa punca utama bankrap adalah kerana kegagalan melunaskan hutang peribadi iaitu hampir separuh daripada semua kes. Ini adalah amat membimbangkan kerana statistik pinjaman peribadi ini adalah berasingan dengan pinjaman perniagaan, kad kredit, perumahan sewa beli kenderaan dan sebagainya.

Maksudnya, separuh daripada kes bankrap disebabkan pinjaman peribadi bukan kerana pinjaman perniagaan atau kad kredit. Saya membawa isu ini kerana kadangkala saya melihat bank menjana keuntungan berlipat ganda apabila mereka dibenarkan melakukan perniagaan memberi pinjaman wang dengan banyak.

Ditambah pula dengan suasana ekonomi yang mencabar, bank-bank akan mengambil kesempatan atas masalah yang ditimpa orang biasa. Bank lantas menawarkan pelbagai produk pinjaman dan melantik syarikat proksi untuk mencari pelanggan-pelanggan dan itulah antara panggilan-panggilan telefon yang kita-semua terima setiap hari menawarkan pinjaman bank.

Bagi mereka yang tiada masalah, mereka akan menolak tetapi mereka yang bergelumang dengan masalah kewangan, mereka memilih dan tidak berfikir panjang terus bersetuju. Saya ingin bertanya bolehkah ada mekanisme kawalan yang kita boleh kawal penawaran tidak menentu oleh bank?

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu pindaan tempoh pelepasan secara automatik tiga hingga lima tahun bertujuan untuk membolehkan individu bankrap yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan seksyen 33C [Akta 360] yang sedia ada, mendapat pelepasan secara automatik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Sedikit lagi, seminit.

Timbalan Yang di-Pertua: Seminit sahaja Yang Berhormat.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Boleh tidak, seminit...?

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi peluang kepada orang lain Yang Berhormat.

■ 1440

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Seminit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat... [Ketawa]

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya juga melihat perkara ini merupakan langkah bagus diambil semasa kita meminda RUU ini.

Walau bagaimanapun, kebimbangan saya adalah, adakah mungkin wujud pihak yang mengambil kesempatan atas perkara ini? Persoalannya, adakah dengan pelepasan singkat ini akan dapat mengelakkan insiden kebangkrutan berulang?

Seterusnya, adakah mereka yang baharu dilepaskan daripada kebangkrutan ini mempunyai bantuan untuk bangkit semula daripada kebangkrutan sebelum ini?

Terakhir, adakah mereka yang terkeluar daripada senarai kebangkrutan ini iaitu rekod mereka sudah bersih dan akan dilihat sebagai prejudis kepada institusi

kewangan ataupun bank yang pernah meminjam wang ataupun mereka boleh lagi membuat sebarang bantuan pinjaman daripada institut kewangan yang lain?

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya cuma ingin nyatakan bahawa mereka yang terlibat dalam masalah kewangan ini sebenarnya tidak meminta untuk jatuh bankrap namun, 'disangka panas sehingga ke petang rupanya hujan di tengah hari', seperti 'sudah jatuh ditimpa tangga', malang tidak berbau. Mereka terjebak dalam kegawatan kewangan, sama ada akibat perniagaan yang tidak berjaya atau pelbagai masalah lain sehingga mengakibatkan jatuh muflis. Kita mesti berusaha dan memberi peluang kepada mereka dan mempermudah segala urusan untuk mengeluarkan daripada senarai hitam. Semoga usaha kita ini akan dibalas dan dipermudahkan segala urusan di akhirat. *Aamiin*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob.

2.42 ptg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. Saya ingin merakam mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed yang dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Saya ingin berbahas tentang isu muflis. Di bahagian bankrap sini terdapat di semua golongan yang terlibat, khususnya saya ingin bawa ke perhatian kepada Kerajaan Malaysia. Golongan istimewa pun terlibat dalam golongan muflis. Baru-baru ini saya telah melawat, menjelajah beberapa buah negeri, berjumpa golongan istimewa dan saya mendapati ramai golongan istimewa khususnya yang berniaga peniaga ini telah di tahap untuk disenaraikan dalam senarai muflis.

So, salah satu punca adalah faedah yang ditetapkan oleh bank-bank adalah terlampau tinggi, di mana golongan istimewa menghadapi masalah begitu susah untuk membayar balik. Puncanya faedah yang dibagi, ditetapkan oleh bank ini, di mana mereka tidak dapat dibayar balik. So, sekarang mereka mengalami banyak kesusahan untuk membayar disebabkan faedah ini.

So, saya mohon kepada Kerajaan Malaysia, pertimbangkan khususnya golongan istimewa, faedah yang dikenakan bank-bank terhadap golongan ini. Di mana golongan istimewa seperti saya, di mana kami bukan ramai yang mohon,

adalah segelintir daripada yang keseluruhan. Maka bank tidak akan rugi apabila mereka boleh kurangkan faedah ataupun tanpa faedah bagi golongan istimewa.

Saya merayu kepada kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk pertimbangkan isu-isu golongan istimewa untuk mereka hidup seperti golongan biasa. Kami pun ada perasaan hendak beli kereta, hendak beli rumah, hendak berniaga. Akan tetapi disebabkan faedah yang terlalu tinggi, saya sendiri sebagai golongan istimewa dikenakan faedah sehingga 6.8 *percent* apabila saya beli rumah. So, ini merupakan beban bagi kami golongan istimewa.

So, saya mohon kepada Kerajaan Malaysia untuk mempertimbangkan faedah, jikalau faedah boleh kurangkan. / rasa mufliis di kalangan golongan istimewa ini boleh dikurangkan. Dengan ini saya sepenuhnya menyokong Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Golongan istimewa memang bernasib baik memilih Yang Berhormat sebagai pejuang mereka dan tidak payah cakap lebih masa, tepat dan padat. Terima kasih... [*Tepuk*]

Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit untuk berbahas.

2.45 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua dan juga Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu dilantik pada pagi tadi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa kepada saya untuk membahaskan pindaan akta *bankruptcy* pada petang ini.

Saya melihat akta ini ataupun pindaan ini sesuatu yang sangat baik dalam keadaan kita menghadapi negara kita ini, negara Malaysia Madani yang ingin membantu rakyatnya dalam apa jua keadaan, terutamanya mereka yang di dalam bankrap ataupun mufliis ini.

Jadi, saya sangat percaya bahawa niat Parlimen ataupun Dewan Rakyat dan Dewan Negara kita pada hari ini adalah untuk membantu ataupun merencanakan lagi kerajaan kita dalam keadaan apa pun yang berlaku sekarang ini, terutamanya apabila mereka yang mufliis ataupun bankrap ini, mereka yang mampu bekerja dan ada yang profesional. Ada juga mereka yang muda. Sudah tentu kita memerlukan tenaga mereka untuk membantu negara di dalam merencanakan ekonomi kita.

Jadi, apa yang saya ingin bincangkan adalah berkaitan dengan memberi kesedaran kepada generasi muda. Malah kita yang sudah berusia pun supaya proses pengurusan kewangan itu penting untuk kita mengawal perbelanjaan kita dan saya sarankan kerana apabila kita memegang telefon pintar, kita buat masa ini kadang-kadang iklan yang kita tidak jemput pun datang di dalam *handphone* kita atau apabila kita melihat sesuatu tayangan di dalam *handphone* kita, *YouTube* contohnya.

Jadi, bagi saya, saya menyarankan supaya kerajaan juga aktif di dalam memberi kesedaran dalam memberi ingatan kepada rakyat, terutamanya kita sekarang ini memiliki telefon pintar ini supaya iklan-iklan ataupun ingatan-ingatan ini juga dikeluarkan di dalam TV kita, di dalam surat khabar, bahkan di dalam *handphone* kita supaya kita diperingatkan tentang pengurusan kewangan supaya bankrap ataupun mufliis ini tidak akan berterusan dan ini merupakan satu usaha yang baik untuk kita pada hari ini menyokong sesuatu akta yang membantu, melepaskan mereka yang bankrap ataupun mufliis.

Walau bagaimanapun, walaupun kita memberi kelonggaran tetapi kita pun berharap supaya anak-anak ataupun mereka yang terlibat dalam kes mufliis ini, jangan lupa tanggungjawab itu kepada mereka yang memberi pinjaman kepada kita.

Bagi pihak peminjam pula, seperti yang saudara ataupun Yang Berhormat sebelum ini katakan bahawa *interestnya* ataupun bunganya terlalu tinggi sampai 6.7 peratus dan malah ada juga yang mungkin lebih daripada itu. Jadi, inilah antara sebab pihak yang meminjam ini tidak mampu membayar hutang mereka. Justeru itu, kita cuba dengan adanya undang-undang ini untuk membantu. Akan tetapi kerajaan juga saya mencadangkan supaya kerajaan juga melakukan program-program kesedaran seperti yang dilakukan oleh AKPK dan sebagainya.

Justeru itu, saya sangat berharap supaya program-program tentang pengurusan kewangan kepada anak-anak muda ini dipergiatkan lagi. Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Insolvensi 1967 ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Padat dan tepat dan memperjuangkan kawal selia institusi kewangan yang lebih ketat daripada terlalu mempromosikan alat-alat yang boleh membawa rakyat untuk meminjam tanpa ada kawalan. Terima kasih.

■1450

Sekarang ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie bin Muda untuk berbahas.

2.50 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang pindaan bagi Akta Insolvensi 1967 ini.

Tujuan utama pindaan ini sudah tentulah untuk merealisasikan hasrat Perdana Menteri ataupun pimpinan Kerajaan Perpaduan seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2023 yang lepas iaitu untuk memberikan peluang kedua kepada individu yang diisytiharkan bankrap.

Sudah tentulah walaupun statistik yang dibekalkan menunjukkan bahawa generasi muda khususnya yang di bawah umur 25 tahun ataupun antara 25 tahun hingga 34 tahun bukanlah kelompok yang terbesar. Hanya 18.52 peratus tetapi usia 35 tahun hingga 44 tahun yang membentuk 38.4 peratus juga boleh kita kategorikan sebagai golongan belia ataupun penghujung belia.

Statistik ini sedikit sebanyak kalau kita tengok dari tahun 2019 sehingga ke tahun ini menunjukkan penurunan yang agak ketara umpamanya lebih kurang 16,000 tahun 2019. Kemudian, dalam 8,000. Kemudian, turun hingga 6,000, kemudian 5,000, dan untuk tahun ini sahaja dalam tempoh enam bulan saya difahamkan lebih kurang 1,600 jumlah yang diisytiharkan bankrap.

Sudah tentulah pindaan-pindaan yang akan dibuat ini akan membantu golongan-golongan yang terjejas kerana apabila mereka diisytiharkan bankrap, banyak kesan umpamanya golongan profesional. Mereka tidak boleh menjalankan profesion mereka. Bagi sesetengah kes umpamanya penjawat awam juga akan dilucutkan, bergantung pada keputusan Lembaga Tatatertib di jabatan masing-masing.

Cuma saya hendak bertanya pada Menteri, berapa ramai penjawat awam kita dalam tempoh empat tahun ini yang dilucutkan ataupun dibuang kerja atas sebab kerana status bankrap yang dikenakan kepada mereka. Itu yang pertama.

Seterusnya, dalam pindaan ini juga kalau kita tengok, memudahkan pelepasan automatik selepas tiga tahun daripada tarikh kebangkrutan, ini sudah tentu akan membantu golongan muda yang terjebak dengan perangkap hutang yang kalau kita tengok daripada segi statistik juga hampir separuh ataupun 49.12 peratus yang bankrap ini ialah kerana membuat pinjaman peribadi.

Sudah tentulah mereka ini dengan pelepasan automatik selepas tiga tahun, mereka ini akan sedikit sebanyak dapat dibantu memudahkan mereka untuk selepas

tempoh tiga tahun itu untuk mudah mendapatkan kembali pekerjaan. Lebih mudah untuk membuka semula akaun bank mereka. Sekarang ini boleh buka tetapi saya difahamkan satu akaun sahaja untuk urusan masuk gaji dan sebagainya. Mereka juga akan lebih mudah untuk mengumpul semula aset dalam kehidupan.

Cuma saya hendak bangkitkan dalam golongan yang bankrap ini. Kita tahu bahawa mereka ini memang bukan hendak bankrap. Walaupun kita faham petisyen untuk bankrap itu sama ada oleh pemiutang ataupun diri dia sendiri. Oleh sebab dia tidak hendak bayar jumlah yang sepatut dibayar kepada bank. Akan tetapi ada dalam golongan penghutang ini yang memang dia suka untuk bankrap.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Menteri. Apakah ada cadangan ataupun hasrat daripada kerajaan untuk membezakan tempoh pelepasan automatik bagi bankrap berulang sebagaimana di Singapura? Mereka dikenakan minimum lima tahun. Jadi, saya cadangkan kalau kita dalam akta ini, kalau kita mungkin hendak fokus kepada menghukum, saya cadangkan untuk hukuman yang berbeza itu dikenakan kepada bankrap yang biasa, yang terpaksa, dengan kelompok yang memang bankrap tegar, memang dia hendak dan dia suka untuk berulang-ulang bankrap itu.

Kemudian yang keduanya juga ada disebut oleh rakan tadi. Adakah kredit skor orang yang bankrap ini apabila telah dilepaskan ataupun dipulihkan itu akan sebagaimana sedia kala ataupun rekod itu akan kekal di situ sekali gus menyusahkan mereka untuk mendapatkan pinjaman?

Kemudian yang seterusnya, dalam pindaan akta ini juga membantu golongan yang bankrap ini bilamana sebelum ini mereka hanya dikecualikan aset-aset yang asas, yang jumlah aset ataupun nilai itu tidak lebih daripada RM50,000 dan sekarang ini dalam pindaan yang terbaharu dia memberi ruang kepada Menteri untuk membuat penilaian supaya jumlah aset yang dikecualikan dari bankrap bagi kelangsungan hidup dan untuk dia bekerja. Saya rujuk dalam kenyataan Menteri. Dia sebut motosikal. Jadi, saya fikir sekarang ini kalau sekadar motosikal kita benarkan, saya rasa tidak ramailah yang boleh pergi ke tempat kerja menggunakan motosikal.

Jadi, saya cadangkan untuk Menteri pertimbangkan supaya mungkin kereta dia yang sudah habis bayar itu tidak disita ataupun aset-aset yang lain itu tidak disita untuk memudahkan mereka meneruskan kehidupan mereka. Janganlah akta ini menghukum mereka dan yang dihukum itu juga bukan individu itu tetapi juga anak dia, isteri dia, keluarga dia.

Jadi apa pun saya menyambut baik hasrat kerajaan dan sudah tentulah pindaan ini selari dengan konsep Malaysia Madani yang memberikan peluang kedua, yang tidak menghukum tetapi memudahkan supaya mereka ini di samping mereka mengambil pengajaran dalam kesilapan dan keculasan mereka membayar hutang itu dalam masa yang sama mereka boleh hidup sedia kala.

Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberikan. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana tepat pada masa. Yang Berhormat juga telah menjelaskan isu masalah untuk memulihkan semula mereka yang telah bankrap daripada segi pekerjaan dan juga ekonomi. Itu satu cadangan yang baik.

Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Hatta bin Md Ramli.

2.56 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama mengucapkan tahniah dan syabas atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mudah-mudahan pengalaman yang ada pada Tuan Yang di-Pertua akan dapat membimbing bersama dengan Tuan Yang di-Pertua.

Dewan kita ini menjadi satu Dewan yang lebih dihormati dan mempunyai peranan yang besar dan kita tadi dimaklumkan beberapa *reform* yang akan dicadangkan oleh Tuan Yang di-Pertua yang mana merupakan lanjutan daripada usaha-usaha Tuan Yang di-Pertua, telah kemukakan semasa di Dewan Rakyat sebagai Timbalan Yang di-Pertua dahulu.

Jadi, kita harap Dewan kita ini akan menjadi sebuah medan perbincangan yang cantik. Kalau kita masih ingat Tuan Yang di-Pertua sebelum ini Tan Sri Dr. Rais Yatim mengingatkan kita bahawa Dewan inilah tempat berbincang, bukan tempat membaca. Jadi, dia sangat *particular* ke arah itu. Jadi, kita harap ia akan menjadi medan yang bernas untuk kita mengemukakan pandangan. Habis dua minit alu-aluan... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbincang sama dalam urusan untuk minda Akta Insolvensi ini. Kemungkinan bermula hasrat untuk meminda ini kerana kes-kes insolvensi meningkat dan menimbulkan masalah pada mereka yang diisytiharkan bankrap. Memang bermasalah dan tadi disebut oleh Senator Tuan Mohd Hasbie bin

Muda. Ada orang-orang yang bankrap ini berulang-ulang. Dia seronok hendak menjadi bankrap. Bila lepas sahaja, mula berhutang lagi, tidak bayar.

Jadi, apakah tindakan? Seperti yang diminta tadi, apakah tindakan kita dalam mendidik mereka ini supaya tidak menimbulkan kesusahan bagi diri mereka sendiri dan juga bagi keluarga? Begitu juga bagi urusan mendidik rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua. Apa peranan agensi yang di bawah Bank Negara untuk mendidik masyarakat. Betul-betul mendidik, bukan sekadar memberikan nombor-nombor telefon untuk dihubungi jika ada masalah. Akan tetapi secara proaktif keluar untuk mendidik supaya anak-anak muda kita khususnya yang saya hendak juga statistiknya kalau boleh.

Bagaimanakah kedudukan bankrap di kalangan anak-anak muda kita berbanding dengan rakan-rakan negara ASEAN kita? Adakah jauh lebih teruk ataupun kita ini agak terbaik? Saya mohon pandangan. Akan tetapi bagi kita, mana-mana kes di mana anak-anak mudanya mudah terisytihar bankrap, itu merupakan satu masalah besar. Ertinya, mereka tidak mempunyai satu kesedaran yang tinggi. Apa peranan Bank Negara untuk secara aktif keluar pada masyarakat mendidik di sekolah kah, di institut pengajian tinggi atau apa peranan mereka?

■1500

Selain daripada itu, saya juga amat bersetuju apabila kerajaan meminda akta ini untuk membolehkan Menteri yang berkenaan menentukan had-had aset dan tidak perlu dibawa kepada Dewan untuk dipinda akta ibunya.

Ini mungkin daripada segi pengurusan, ia lebih baik tetapi hasrat asal undang-undang ini, akta ini ialah untuk memastikan keputusan Menteri itu dibawa ke Dewan untuk dibincangkan oleh wakil rakyat. Ini pandangan daripada rakyat, tetapi kalau apabila ia sudah tidak melalui Dewan, Menteri boleh sahaja untuk melaksanakan pindaan ini.

Jadi, apa mekanismenya yang perlu diwujudkan supaya apa yang dibuat, langkah yang diambil oleh Menteri itu adalah juga selari dan selaras dengan harapan rakyat? Di mana ruang untuk mereka merujuk kepada wakil-wakil rakyat, termasuk daripada Dewan Negara? Untuk memudahkan urusan ini, memang memberikan kuasa kepada Menteri itu, satu yang *default*lah, memang kita anggap baik. Akan tetapi, cuma mekanisme bagaimana kita hendak menghalangnya daripada ia dibuat secara *arbitrarily*, tidak dirujuk kepada rakyat.

Kita juga bersetuju supaya paras hutang yang tidak berbayar ini ditingkatkan mengikut keadaan semasa. Kalau dua, tiga puluh ribu, kemudian dilonggarkan

kepada RM50,000 dan kini tadi disebut RM100,000. Bagi saya, ia sesuai. Bukan hanya kerana apa- kerana kadar inflasi pun sentiasa meningkat. Jadi, secara tabiinya perkara ini diambil kira dengan menaikkan jumlah had apabila mereka hendak diisytiharkan sebagai bankrap.

Akan tetapi, adakah itu juga membuat anak-anak muda, khususnya berasa lega, bahawa mereka boleh mengemukakan atau pun membuat pinjaman-pinjaman yang bagi sesetengah pada mereka, yang 'beli dahulu, bayar kemudian' ini merupakan satu perkara yang mesti diambil kira supaya mereka tidak terjebak dengan batas *cut-off* yang lebih tinggi ini, makin ramai pula mereka yang akan terjebak.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap pindaan kepada rang undang-undang ini amat memberikan kelonggaran kerana ramai di antara mereka yang *dideclare* bankrap ini bukannya sengaja, ya. Tiba-tiba ketika wabak, ketika pandemik dahulu, orang hilang pekerjaan. Mereka tidak dapat menyempurnakan urusan bayar hutang. Jadi, apabila kerajaan mengambil sikap untuk melonggarkan sedikit tekanan, ini merupakan sesuatu yang baik bagi rakyat.

Cumanya, saya harap ia dinilai dari semasa ke semasa. Ia tidak boleh relaks begitu sahaja. Apabila suasana telah menjadi lebih baik, ekonomi telah menjadi lebih baik, kita harus mengambil pendekatan-pendekatan yang lebih ketat, supaya urusan pinjaman, urusan pembayaran balik berjalan dengan baik dan tidak ramai antara anak-anak muda kita khususnya, terjebak dengan masalah pinjaman yang tidak berbayar ini. Sekian, tujuh minit daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Betul-betul tepat tujuh minit dan terima kasih atas saranan-saranan yang telah dibuat supaya kerajaan mendidik peminjam supaya meminjam dengan bertanggungjawab dan mengelakkan daripada terjerumus dalam kebangkrutan.

Seterusnya, saya ingin menjemput Datuk Noraini binti Idris untuk berbahas.

3.04 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah daripada saya. Terima kasih atas peluang dan ruang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023.

Selaras dengan pengumuman yang dibuat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 2023, iaitu salah satu- dasar kerajaan

untuk memberikan peluang kedua kepada rakyat yang telah diisytiharkan bankrap. Sudah tentu, kita menyambut baik dengan pindaan yang telah dibawa Yang Berhormat Menteri tadi bagi menambah baik Akta Insolvensi 1967 ini.

Jadi, saya melihat antara cadangan atau pun pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pertama sekali, penambahbaikan kepada seksyen 42 dan Jadual 'C', Akta 360 dengan memansuhkan kewajipan untuk mengadakan mesyuarat pertama pemiutang, atau pun *first creditors meeting* agar pentadbiran kebangkrutan boleh dilakukan dengan segera.

Keduanya, membolehkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi jarak jauh dalam urusan pentadbiran kes kebangkrutan. Contohnya, penggunaan seperti *Zoom meeting* dan sebagainya, seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi memudahkan urusan pelanggan, pemegang taruh, pemiutang dan Jabatan Insolvensi.

Ketiganya, penambahan dua kategori bankrap yang layak dilepaskan melalui sijil pelepasan tanpa bantahan oleh pemiutang, iaitu individu yang tidak berupaya mengurus dirinya dan hal ehwal dirinya kerana disahkan sebagai pesakit mental oleh pakar psikiatri hospital kerajaan dan individu yang berumur 70 tahun dan ke atas.

Jadi, usaha kerajaan untuk menambah baik Akta Insolvensi 1967 ini amatlah dialu-alukan untuk mengelak kes iaitu individu berstatus mufliis sehingga sampai hujung nyawa. Ia juga sebagai menjawab keluhan ribuan individu bankrap yang terbelenggu dengan masalah kebangkrutan sepanjang hayatnya.

Sudah tentu pada usia emas, individu yang sudah berusia 70 tahun dan ke atas, sepatutnya diberikan peluang untuk menjalani kehidupan dengan tenang dan selesa serta bebas daripada bebanan hutang. Banyak sekatan yang terpaksa dihadapi oleh individu yang bankrap ini, sebab kita pun tahu bahawa, antara lainnya, susah, tidak boleh berurusan dengan pihak bank untuk *bank account*, tidak boleh terlibat dalam transaksi jual beli hartanah, tidak boleh memohon lesen perniagaan, tidak boleh keluar negara kerana pasport ditahan dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya pindaan ini, diharap akan dapat memberi sinar baharu kepada individu bankrap untuk keluar daripada status kebangkrutan, terutama mereka yang menjadi bankrap kerana perkara yang di luar kawalan mereka. Contohnya, menjadi penjamin kepada pihak ketiga dan sebagainya serta bisnes yang rugi kerana *impact* daripada pandemik COVID-19.

Saya percaya dengan adanya pindaan baharu, yang akan memberi sinar kepada individu bankrap. Namun, pada masa yang sama, kerajaan juga melalui

kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Kewangan dan agensi terlibat perlulah aktif mengekang penularan pemberian pinjaman segera secara mudah. Semudah kurang sehari diproses untuk kelulusan bagi mengawal punca individu tersepit dalam gelaran bankrap seusia muda lagi terutamanya melibatkan pinjaman peribadi dan kenderaan yang di luar keupayaan kewangan mereka.

Hal ini kerana kalau kita lihat kepada statistik terkini, jumlah yang tertinggi melibatkan mufliis sebanyak 42.2 peratus, disebabkan pinjaman peribadi, diikuti pinjaman kenderaan, 14.39 peratus. Jadi, ini merupakan statistik dari Jabatan Insolvensi, dari tahun 2018 hingga 2022. Juga, golongan belia yang berusia antara 35 tahun dan 44 tahun adalah yang paling ramai diisytiharkan bankrap, iaitu 37.5 peratus.

Di sini, saya ada dua persoalan, yang saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama, saya ingin menyentuh mengenai pindaan pelepasan automatik yang melibatkan seramai 19,913 orang bankrap yang berusia 70 tahun ke atas dan individu yang disahkan sebagai pesakit mental. Layak dipertimbangkan untuk pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi, sekiranya mereka memenuhi syarat yang ditetapkan.

Adakah ia melalui permohonan individu tersebut, atau pun akan diberikan secara automatik. Bilakah golongan ini akan mendapat makluman berkaitan status mereka dan apakah prosedur yang perlu dibuat? Saya mengharapkanlah agar urusan ini dipermudahkan tanpa melalui kaedah birokrasi yang seperti kita fahami, akan mengambil tempoh masa yang panjang.

Persoalan yang kedua, bagaimana pula dengan hutang mereka seperti contohnya, hutang cukai pendapatan ataupun hutang KWSP. Ini dianggap sebagai hutang terhadap kerajaan yang boleh- di mana, kerajaan boleh dianggap sebagai *preferential creditors* atau pun pemiutang utama? Adakah, apabila mereka dilepaskan daripada mufliis, hutang ini masih perlu dibayar sepenuhnya oleh orang yang dilepaskan ini? Jadi, saya rasa itu sahaja yang ingin saya kemukakan, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1510

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tepat pada masa dan juga perbahasan Yang Berhormat menitik beratkan kepada proses pentadbiran untuk pelepasan mereka yang telah dikenakan kebankrapan itu. Saya rasa itu satu perkara yang penting juga.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan untuk berbahas.

3.10 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk pembahasan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 di Dewan yang mulia ini. Saya mengalu-alukan pindaan ini kerana pindaan ini menunjukkan bahawa kerajaan ini prihatin terhadap kesejahteraan rakyat sejagat. Terutamanya dengan pindaan kepada subseksyen 33B(2A) yang menambahkan dua lagi kategori yang boleh dilepaskan daripada kebangkrapan oleh perakuan Ketua Pengarah Insolvensi dan pembantahan oleh pemiutang.

Saya setuju dengan keputusan kerajaan untuk memberi pelepasan kepada mereka yang telah disahkan mempunyai masalah mental dan kepada mereka yang berumur lebih 70 tahun. Kebanyakan daripada mereka dalam golongan ini sudah pun terbeban dengan penjagaan kebajikan mereka sendiri. Pelepasan ini memberi ruang kepada mereka untuk mencari rezeki tanpa terbeban dengan status bankrap.

Namun, saya khuatir ada segelintir yang akan menyalahgunakan pelepasan ini. Saya ingin tegaskan supaya kerajaan memastikan kaedah penilaian bagi golongan ini dilaksanakan dengan teliti supaya hanya mereka yang benar-benar tidak mampu untuk menguruskan diri dan hal ehwal mereka sahaja yang diberikan pelepasan. Kita tidak mahu keprihatinan kerajaan ini dicabul dan memberi manfaat kepada yang tidak layak.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik dari Jabatan Insolvensi Negara sejak tahun 2019 sehingga April 2023, 38.4 peratus iaitu sebanyak 13,073 daripada bankrap adalah dalam lingkungan umur 35 hingga 44 tahun. Sebab utama kebangkrapan pula ialah pinjaman peribadi sebanyak 49.2% iaitu lebih 16,700 kes. Daripada statistik itu, kita dapat lihat bahawa kebanyakan bankrap adalah daripada golongan muda yang mengikuti andaian saya, sepatutnya semakin stabil menguruskan kewangan mereka. Mahupun, kita lihat hal yang sebaliknya yang berlaku.

Persoalannya, mengapakah hal ini berleluasa dalam kalangan orang muda kita? Adakah mereka ini dilengkapi dengan pengetahuan kecelikan kewangan bagi menguruskan kewangan mereka ataupun mungkin kos sara hidup yang sangat tinggi telah menyuruh golongan muda itu untuk membuat pinjaman yang mereka tidak mampu membayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun ini berada pada pertengahan kerjaya mereka. Ramai yang sudah mempunyai keluarga dan anak-anak. Menjadi bankrap pada usia ini semestinya akan menjadi batu penghalang besar dalam hidup mereka. Oleh itu, saya juga bersetuju dengan pindaan kepada sub perenggan 48(1)(a)(ii) untuk mengecualikan alat mata pencarian, barang pakaian, alatan tempat tidur dan lain-lain keperluan daripada menjadi barangan yang boleh dibahagikan antara pemiutang. Pindaan ini dapat memberi peluang kepada mereka supaya dapat meneruskan kehidupan mereka dengan memberi peluang tanpa perlu bermula dari bawah.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa status bankrap ini pada dasarnya merupakan satu polisi yang sepatutnya membatas kewangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, sekatan tambahan harus dilaksanakan supaya mereka ini tidak dilantik menjadi pengarah syarikat atau jawatan-jawatan pembuat keputusan lain.

Mereka juga harus dihalang daripada mendapat kelulusan pinjaman peribadi yang tidak produktif. Saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan bekerjasama dengan AKPK untuk mewajibkan golongan bankrap ini supaya menghadiri program kecelikan kewangan bagi memastikan mereka memahami pengurusan kewangan yang baik dan tidak melakukan kesilapan yang sama dan kembali bankrap semula.

Kerajaan juga harus mengambil berat isu kekurangan kecelikan kewangan ini. Kita perlu mendidik anak-anak kita dengan kecelikan kewangan dari bangku sekolah lagi supaya mereka dilengkapi dengan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak. Kementerian Pendidikan harus memasukkan pengajaran kecelikan kewangan ke dalam sukatan pelajaran sekolah rendah dan menengah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi persoalan saya kemukakan iaitu mengapa kebangkrupan disebabkan pinjaman peribadi merupakan sebab yang paling besar dengan jumlah 16,705 kes atau 49.2 *percent* daripada kesemua kes? Saya memohon kerajaan membuat kajian bagi mendapatkan kecerahan kepada fenomena ini. Apakah sebab-sebab utama pinjaman peribadi dimohon? Adakah pinjaman peribadi ini digunakan semata-mata untuk menyokong gaya hidup...

Timbalan Yang di-Pertua: Tan Sri.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: ...Setengah minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Tan Sri, *one minute*.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Atau sebab yang lebih kritikal iaitu untuk mengimbangi pendapatan rendah mereka supaya dapat meneruskan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri ucapan saya. Saya mohon agar pihak kerajaan terus prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan berusaha untuk menangani punca utama isu-isu ini dan bukan hanya cuba merawat simptom-simptomnya.

Akhir kata, saya menyokong Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 yang telah dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu untuk berbahas.

3.18 ptg.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Datuk yang telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dalam pembentangan rang undang-undang pindaan Akta Insolvensi ini, sudah semestinya akan menambah baik sistem kebangkrutan di negara ini. Jika dilihat daripada laporan-laporan media, pindaan Akta Insolvensi akan memberi impak positif kepada rakyat Malaysia di mana menarik perhatian saya iaitu menambah kategori kes yang boleh dilepaskan melalui sijil pelepasan tanpa bantahan oleh pemiutang.

Ada dua- golongan yang akan menerima faedah dari pindaan ini iaitu golongan bankrap yang berusia 70 tahun dan ke atas, dan individu bankrap yang tidak keupayaan kerana disahkan sebagai pesakit mental di bawah Akta Kesihatan Mental 2001. Ini merupakan satu cadangan yang baik daripada pihak kerajaan.

■1520

Namun begitu media melaporkan jumlah individu bankrap boleh mencecah lebih 30 kes tahun ini kerana semakin ramai peminjam tidak mampu membayar ansuran bulanan jika kadar dasar semalaman (OPR) terus dinaikkan. Jumlah ini berdasarkan jangkaan pertambahan sebanyak 10,000 lagi kes-kes individual muflis tahun ini. Selepas 2020, 258 kes dicatatkan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 antara 2020 hingga November 2022.

Malah jika dilihat daripada data Jabatan Insolvensi Malaysia, jumlah kes kebangkrutan yang didapati sehingga Mei 2023 ialah 261,445 kes malah statistik kes kebangkrutan kategori belia bagi tahun 2023 menunjukkan bahawa belia bawah 30 tahun yang telah bankrap iaitu 66 orang setakat dari Januari hingga Mei 2023. Malah lebih mendukacitakan sejak 2019 hingga Mei 2023, hampir 6,469 orang berumur bawah 34 tahun telah disahkan bankrap.

Oleh yang demikian saya ingin meminta pihak kerajaan mengambil dua, dengan izin, *two-pronged strategy* di mana satu sudut, pihak kerajaan berusaha meminda Akta Insolvensi tetapi dari satu sudut lagi, pihak kerajaan juga melihat bahawa boleh mendidik rakyat Malaysia tentang pengurusan wang supaya kes-kes bankrap dapat dikurangkan, terutamanya melibatkan mereka yang berumur 40 tahun. Ini adalah penting kerana apabila seseorang itu telah bankrap banyak perkara tidak dapat dilakukan oleh mereka selagi gus memberi impak yang negatif kepada individual tersebut dan ahli-ahli keluarga mereka.

Akhir sekali saya berharap pihak kerajaan akan memberi pertimbangan dalam mendidik rakyat Malaysia dalam hal-hal pengurusan kewangan seperti menjadikannya satu- mata pelajaran wajib di universiti supaya anak-anak kita memasuki alam pekerjaan, mereka mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang baik.

Ini juga akhirnya dapat mengurangkan jumlah rakyat Malaysia yang disahkan bankrap pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong pindaan RUU oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah untuk berbahas.

3.23 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak ucap tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2019 sehingga 2023, individu lingkungan 35 hingga 44 tahun merupakan paling ramai yang diisytiharkan bankrap iaitu seramai 13,073 orang. Individu bankrap di bawah umur 25 tahun, 107 orang itu sementara itu individu yang bankrap berumur 55 tahun adalah pada kadar 5,297 orang.

Orang lelaki merupakan golongan yang teramai berbanding wanita. Sehingga 2019 hingga 2023, kita lihat golongan orang Melayu merupakan golongan teramai yang terlibat dalam diisytiharkan sebagai bankrap.

Masalah muflis ini di kalangan rakyat bukan perkara yang boleh kita ambil mudah. Mengikut dapatan saya, lebih kurang 59 peratus daripada mereka muflis adalah yang berusia 44 tahun ke bawah. Dasar peratusan ini tidak dinafikan kerana gaya hidup mereka hari ini. Mereka terlibat dalam pinjaman peribadi, kad kredit dan sebagainya.

Namun begitu pihak kerajaan perlu bersama-sama memainkan peranan untuk memastikan mengatasi masalah ini. Sayang semua mereka merupakan pelapis pimpinan negara kita masa hadapan. Bayangkan golongan muda hari ini ramai muflis. Kalau ramai di kalangan mereka muflis, bagaimana mungkin negara kita hendak bergerak ke arah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, statistik Jabatan Insolvensi juga merekodkan terdapat penurunan kes muflis daripada 16,882 kes pada tahun 2019 kepada 5,695 kes pada tahun 2022. Namun begitu, ini disebabkan perubahan nilai ambang yang ditingkatkan menerusi pindaan yang telah dibuat pada tahun 2020.

Tanpa pengawasan dan tindakan sepatutnya daripada pihak yang saya rasa bertanggungjawab, jumlah individu muflis ini juga akan terus meningkat. Kalau kata kita naikan kadar muflis ini, kalau tidak ada pemantauan dan sebagainya, kadar muflis ini juga akan meningkat kembali sebab tidak ada pihak yang akan bertanggungjawab kalau pihak orang golongan muda ini tidak diberikan penjelasan.

Oleh sebab itu, perkara penting berhubungan dengan masalah muflis ini iaitu pendidikan pengurusan kewangan. Majoriti mereka menghadapi masalah ini kerana mementingkan gaya hidup- *lifestyle* tetapi persoalan saya di sini, adakah kita boleh minta kerajaan bantu selain rakyat bagi pendedahan tentang pengurusan kewangan selain daripada inisiatif yang dilakukan oleh AKPK.

Seterusnya saya ingin membangkitkan persoalan yang rata-rata dimainkan oleh masyarakat di luar iaitu kadar OPR sepertimana yang telah dibahaskan oleh sahabat Yang Berhormat Senator saya. Seperti kita dimaklumkan peningkatan OPR menjadi salah satu faktor punca kenaikan jumlah individu yang muflis. Bebanan

hutang ditanggung oleh mereka yang terlibat bertambah lebih lagi orang-orang muda, belia yang masih lagi merangkak, membina kehidupan.

Oleh sebab itu saya mohon supaya ada pertimbangan daripada kerajaan juga tindakan daripada pihak bersangkutan untuk membantu golongan muda ini untuk mengatasi masalah muflis. Dalam pindaan Akta Insolvensi ini ada menyatakan berkenaan tentang pelepasan pelaksanaan automatik bersyarat kepada individu muflis yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Namun begitu, saya rasakan ini bukan satu solusi mutlak sebab kalau kata ini diteruskan mereka akan mengambil mudah tanpa mereka memikirkan mereka kembali jadi muflis satu masa nanti. Oleh itu saya mencadangkan pihak kerajaan mewujudkan satu- dasar baharu, dasar yang boleh dijadikan pelan jangka masa panjang- memastikan rakyat kita bebas hutang.

Persoalan saya seterusnya adakah dengan memudahkan dan melonggarkan syarat bagi mengangkat status muflis ini, bagaimana reaksi pihak bank dan serta pelabur-pelabur luar. Begitu juga kerajaan tugasnya iaitu memudahkan urusan kehidupan rakyat tetapi implikasinya perlu juga kita ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun sekiranya tindakan-tindakan ini menggugat keyakinan pelabur luar yang akan datang, apakah kerajaan akan lakukan untuk mengatasi masalah ini? Saya mohon jawapan daripada pihak kerajaan. Saya juga merasakan cukup setakat ini kerana masa dilihat satu minit 52 saat.

Saya mengikuti bahas mengikut masa yang ditetapkan oleh Timbalan Yang di-Pertua yang saya hormati. Jadi saya mohon pihak kerajaan dengar, ambil berat sekiranya pindaan ini perlu ada penambahbaikan demi masa hadapan rakyat dan negara kita. Saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Senator untuk kerajaan membuat dasar bebas hutang untuk peminjam peribadi. Itu saya rasa satu cadangan yang bernas. Terima kasih kerana berhenti awal... *[Ketawa]*

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad untuk berbahas.

3.29 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama sekali saya hendak mengucapkan tahniah kepada sahabat saya yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Sri Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed yang telah dilantik secara demokratik sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua... [*Membaca sepotong doa*] Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

■1530

Akta yang kita bincangkan ini akan melalui proses pindaan bagi tahun 2023. Ia diperkenalkan tahun 1967 Akta Insolvensi 1967 akta yang bernombor 360. Pada waktu itu mana-mana pihak yang berhutang dan gagal menjelaskan hutang dengan apa jua sekalipun maka mereka telah diklasifikasikan sebagai bankrap ataupun muflis.

Pada waktu itu angka 1967 sehingga 30 tahun sehingga 40 tahun tempoh masih mengekalkan angka RM10,000 dan sudah diklasifikasikan sebagai bankrap. Sekarang kerajaan menaikkan angka tersebut kepada RM50,000. Akan tetapi kita kena ingat pada tahun 1967 mereka yang lepasan universiti ataupun gaji pada waktu itu, umpamanya kalau seingatan saya. Pada tahun 1967 gaji graduan universiti belum mencecah RM400 bahkan pada masa saya keluar universiti tahun 1983 gaji seorang jurutera baru RM985.

Sekarang sudah RM4,000 makna sudah empat kali lipat kenaikan dari tahun 1983. Sepatutnya bagi saya kalau pada asas tahun 1967, RM10,000 sekarang bukan RM50,000 sepatutnya sudah dinaikkan kepada RM100,000 baru boleh diklasifikasikan bankrap kerana kos sara hidup sudah meningkat. Asas kita untuk mengklasifikasikan mereka yang bankrap ini mesti ada faktor-faktor tertentu. Umpamanya dalam Islam, dalam Islam Rasulullah SAW berpesan bahawa sembilan daripada sepuluh rezeki itu daripada perniagaan.

Justeru itu, negara kita mesti menggalakkan iklim perniagaan masyarakat niaga. Bermula daripada bangku sekolah digalakkan untuk belia-belia, orang-orang muda terlibat dalam perniagaan. Ini adalah kerana ekonomi sebenar negara benar kata sabda Rasulullah SAW sembilan per sepuluh digerakkan oleh faktor *private sector*. Satu persepuluh sahaja melalui upahan langsung.

Jadi demi hendak mengerakkan ekonomi negara ekonomi benar kerana Timbalan Yang di-Pertua ini seorang akauntan bertauliah, dia tahu. Ekonomi matang iaitu ekonomi yang digerakkan oleh sektor swasta bukan sektor kerajaan. Sektor kerajaan cuma ada intervensi waktu-waktu tertentu dan kerajaan telah banyak kali

mengenakan intervensi umpamanya zaman Tun Dr Mahathir. Bila mana nilai mata wang ringgit kita telah cuba dimainkan oleh George Soros dan penyangak-penyangak lain. Maka dia telah melakukan satu intervensi supaya tidak boleh melebihi RM3.8 per dolar.

Akan tetapi sekarang tidak ada Dasar Intervensi Kerajaan. Mesti ada campur tangan Dasar Intervensi Kerajaan kadang-kadang kerana sekarang RM4.61 selalu RM4.65 tinggi. Kalau mereka sedang terlibat dengan perniagaan tiba-tiba naik mendadak macam itu sedangkan *substitute* kepada barang-barang pembuatan kita adalah *substitute* barang import. Bayangkan- bagaimana kebangkrutan tidak boleh berlaku sedangkan pada masa yang sama OPR juga naik.

Saya ada dua faktor serentak datang menyerang- mereka terlibat dalam peniaga dan kerajaan masih lagi berpeluk tubuh hendak membiarkan ia berlaku dengan kadar- tidak boleh. Kerajaan kadang-kadang kena ada Dasar Intervensi. Oleh sebab itu kita lihat umpamanya bukan kerajaan tidak pernah pada akhir tahun 90-an berapa ramai *billionaire* yang di-*bail out*, dengan izin, oleh kerajaan. Berapa kali bank bumi di-*bail out* oleh kerajaan? Ini menunjukkan apa? Ini menunjukkan bahawa kerajaan pada waktu-waktu tertentu hendak menyelamatkan kelompok seperti mana yang dibimbangkan oleh sahabat-sahabat Senator yang lain. Kelompok yang terlibat dengan kebangkrutan kelompok 44 tahun ke bawah.

Ini kelompok yang hendak menyara generasi tua. Generasi tua semakin ramai sebab itu kerajaan mesti memikirkan satu mekanisme bagaimana hendak membantu mereka yang benar-benar cuba mengaktifkan ekonomi negara tetapi dengan faktor-faktor luar kawalan umpamanya COVID. Itu luar kawalan.

Akan tetapi kalau mereka yang terlibat dengan gaya hidup umpamanya dengan penggunaan kad kredit, gaya hidup yang berfoya-foya itu pilihan mereka. Itu tidak bolehlah walaupun kerajaan memberi pilihan kedua peluang kedua. Tidak apa, bagus. Akan tetapi kena ingat itu bukan gaya yang kita hendak. Kita hendak gaya sekarang ini orang muda terlibat dalam perniagaan dia buat kerja betul-betul, bersungguh-sungguh tetapi di luar kawalan. Umpamanya saya, minta maaf Timbalan Yang di-Pertua. Okey dahulu Kerajaan Dasar Pandang ke Timur menggalakkan kita menjadi vendor-vendor kepada syarikat-syarikat multinasional terutamanya *Sony*, *Matsushita* berapa ramai termasuknya sudah menjadi Menteri ini tetapi sekarang bukan Menteri lagi.

Kita terpaksa meminjam untuk membeli mesin menjadi *subvendor* kepada syarikat-syarikat multinasional *Matsushita*, *Sony* sebutlah apa-apa Proton dan

sebagainya. Bila syarikat yang membantu kita dia pun teruk kerana campur tangan Soros. Bagi Asia Pasifik ini habis berapa ramai *billionaire* kena termasuk *Daewoo* dan sebagainya. Ini disebabkan kita- tidak ada pilihan. Di luar jangkaan kita mata wang kita telah diserang habis-habisan, semua negara Asia. Apakah pilihan? Oleh sebab itu kerajaan mesti pada waktu tertentu memikirkan negara secara keseluruhan. Dia kena bantu. Oleh sebab itu saya fikir yang terlibat dengan insolvensi ini- okey kita beri peluang, tetapi kena ingat selepas ini kerajaan mesti bertegas yang mana bankrap kerana gaya hidup itu kerajaan tidak boleh memberi peluang ketiga.

Akan tetapi kalau mereka benar-benar untuk meniaga bukan kerana apa untuk membantu negara, untuk menjadikan negara kita sampai ke tahap menghayati ekonomi benar bukan ekonomi intervensi. Maka yang itu kerajaan kena fikir fasal kita hendak menggalakkan budaya meniaga di kalangan masyarakat negara kita. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di antara beberapa langkah kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lama lagi?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Satu minit. Akauntan kita *share* la sikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan, seminit. Saya adil.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang lain pun seminit sahaja.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey, pertama kerajaan mesti bermula di bangku sekolah lagi sudah kena ada silibus di peringkat sekolah menengah lagi untuk menggalakkan ada subjek khusus supaya diadakan subjek untuk menggalakkan. Kita hendak menghidupkan komuniti budaya niaga. Kemudian juga kita hendak, maknanya supaya rakyat faham negara faham bahawa biar dia ada dalam niat kita untuk niaga daripada hendak bekerja. Saya bimbang fasal ayah saya dahulu minta maaf tahun dahulu-dahulu antara peniaga yang berjaya di kawasan Jeli dan Gua Musang.

Akan tetapi bila sampai ke saya dia tidak menggalakkan saya berniaga. Dia tidak menggalakkan saya berniaga tetapi kerana pilihan saya hendak berniaga saya pilih berniaga. *Alhamdulillah* bila kita berniaga ini ada pasang surut dia. Silap-silap hari bulan bankrap. Ramai kawan kita yang bankrap tetapi oleh sebab kita hendak Allah SWT- tolong, ada waktunya kita dengan mekanisme, kita berjaya.

Alhamdulillah empat kali merosot kemelesetan ekonomi, empat kali *cycle* fasal ekonomi kita ini sepuluh tahun sekali memang meleset. Akan tetapi empat kali

cycle saya *Alhamdulillah* selamat dan *insya-Allah* bukanlah nasib juga bukan kebijakan juga, jadi kawan-kawan kita ada yang tidak terlepas dengan perangkap tersebut. Jadi minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kita minta kerajaan memikirkan supaya menaikkan kadar daripada RM50,000 kepada RM100,000 untuk membolehkan lebih ramai mereka yang dapat bebas daripada bankrap dan memberi peluang kedua kepada mereka *wallahuaklam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat perbincangan yang menarik daripada segi usahawan-usahawan yang tidak berjaya dan bankrap. Jadi saya rasa itu boleh dipertimbangkan oleh kerajaan oleh *bill* yang terakhir nanti.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan untuk berbahas. Nama dalam *list* Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama saya juga ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara hari ini.

Terima kasih juga atas peluang yang diberikan untuk turut serta dalam berbahas dalam Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023. Isu yang saya ingin bangkitkan berkenaan Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 ini ialah rakyat yang diisytiharkan muflis berhak mempunyai peluang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi muflis bukanlah suatu perkara yang boleh dibanggakan lebih-lebih lagi kerana apabila muflis seseorang individu itu tiada lagi kuasa terhadap kewangan sendiri malahan aset milik mereka mungkin dilelong untuk melangsaikan hutang.

■1540

Mereka yang muflis akan berada di bawah pengawasan Ketua Pengarah Insolvensi dan berdepan beberapa sekatan seperti akaun simpanan dan pelaburan dibekukan, tidak dibenarkan keluar negara dan tidak dibenarkan berbelanja lebih RM1,000 menggunakan kad kredit. Semua aset seperti rumah dan kereta besar kemungkinan akan disita dan dilelong untuk membayar balik hutang. Walaupun begitu, mereka yang muflis masih perlu bekerja dalam usaha untuk melangsaikan hutang berkenaan. Gaji yang diterima, sebahagian besar akan diperuntukkan untuk membayar hutang.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Statistik Kes Kebankrapan Mengikut Sebab Kebankrapan dalam tahun 2019 hingga bulan Mei 2023 yang diterbitkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, pinjaman peribadi menjadi punca utama muflis disebabkan ia mudah diperolehi tetapi mempunyai caj faedah yang agak tinggi. Oleh sebab ini mudah diperolehi, sebahagian besar pinjaman berkenaan diambil untuk membeli perkara tidak perlu atau di luar kemampuan.

Antara punca utama seseorang itu bankrap ialah kegagalan mengurus dan mengambil hutang berdasarkan kemampuan semasa dan tidak melihatnya sebagai satu komitmen jangka panjang. Malahan, ada yang mengambil pinjaman peribadi dan menggunakan kad kredit untuk tujuan bermewah-mewah semata-mata. Walaupun begitu, tidak dinafikan persekitaran semasa seperti pandemik COVID-19, kehilangan pekerjaan, sakit atau kenaikan harga barang juga boleh menyebabkan seseorang itu gagal melangsaikan pinjaman sedia ada kerana gaji yang diterima tidak lagi cukup untuk membiayai kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tekad kedua Belanjawan Madani 2023 iaitu reformasi, institusi dan tata kelola baik bagi memulihkan keyakinan melalui ikhtiar yang kelima iaitu pembaharuan sektor awam di bawah sub ikhtiar keempat iaitu menangani isu-isu rakyat. Kerajaan telah mengumumkan rakyat yang diisytiharkan muflis berhak mempunyai peluang kedua. Kerajaan akan meminda Akta Insolvensi 1967 supaya kes muflis dapat dilepaskan secara automatik pada masa yang singkat sementara menunggu pindaan kes-kes kecil dan hutangnya kurang RM50,000 yang memenuhi syarat dan dilepaskan serta-merta bermula 1 Mac lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya sangat menyambut baik usaha dan inisiatif kerajaan atas penambahbaikan penting Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 ini di mana pelaksanaan mekanisme pelepasan individu daripada kebankrapan secara automatik dan dalam tempoh singkat serta had muflis RM50,000 ketika ini dinaikkan kepada RM100,000 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad tadi.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, saya memohon supaya pihak kerajaan turut membuat kajian terperinci untuk mempertimbangkan pemberian peluang kedua dan pelepasan secara automatik juga bagi kes-kes yang nilainya kurang daripada RM100,000 untuk mengurangkan jumlah rakyat Malaysia yang muflis akibat tekanan dan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia dan peningkatan kos sara hidup. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa untuk berbahas.

3.45 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan pindaan terhadap Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri atas lantikan beliau sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan atas lantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada mantan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara terdahulu. Saya ingin hadiahkan sebuah pantun untuk Tuan Yang di-Pertua.

*Tari inang tari bergendang,
Berlagu tari kita gandingkan;
Hari tenang mari berbincang,
RUU Insolvensi kita rundingkan... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada tujuh minit sahaja... *[Ketawa]*

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Saya menyambut baik usaha kerajaan dalam memperjuangkan perubahan dalam undang-undang berkaitan kebangkrutan di Malaysia. Sesungguhnya konteks dan keberkesanan sesebuah undang-undang apabila diaplikasikan amat bergantung pada keadaan semasa. Penyemakan semula Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 ini sangat diperlukan atas beberapa faktor iaitu:

- (i) kesan wabak COVID-19 yang telah menjejaskan keadaan ekonomi dan kos sara hidup rakyat;
- (ii) situasi negara menua yang menunjukkan trend kepada rakyat yang berusia dan tidak bersedia untuk persaraan; dan
- (iii) perubahan teknologi yang kini membolehkan komunikasi lebih mudah mengikut cara konvensional seperti surat-menyurat.

Saya berasa amat gembira bahawa ketiga-tiga trend ini diambil kira dalam pembentukan pindaan ini. Syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan pihak kementerian dalam pembaharuan nafas baharu kepada Akta Ibu ini. Saya sememangnya menyokong pindaan ini. Akan tetapi saya ingin menyentuh dan mendapat penjelasan berkaitan perluasan kuasa budi bicara- *discretionary powers*, dengan izin, pihak Ketua Pengarah Insolvensi dalam dua perkara, iaitu:

- (i) kategori pelepasan bagi warga 70 tahun dan golongan yang disahkan mempunyai penyakit mental; dan
- (ii) kuasa Ketua Pengarah Insolvensi dalam menentukan jumlah serta syarat pembayaran mengikut kemampuan amaun kewangan pihak yang berhutang.

Berkaitan perkara pertama, kategori pelepasan bagi warga 70 tahun dan orang yang berpenyakit mental. Seperti yang kita sedia maklum, pindaan Akta Insolvensi 1967 membolehkan dua kategori baharu individu bankrap layak dilepaskan- *discharged*, dengan izin, melalui pengeluaran sijil Ketua Pengarah Insolvensi tanpa perlu melalui bantahan pemiutang. Kategori ini merupakan individu bankrap yang tidak mampu menguruskan diri sendiri akibat penyakit mental yang disahkan oleh pakar hospital kerajaan serta individu bankrap berusia 70 tahun ke atas yang layak pada pendapat dan pertimbangan Ketua Pengarah Insolvensi.

Pindaan ini melibatkan fasal 8 subseksyen 33B(2A) dengan memasukkan dua kategori itu sebagai perenggan (e) dan (f). Pelepasan kedua-dua kelompok ini amat wajar memandangkan kebanyakan daripada mereka merupakan golongan rentan yang mempunyai cabaran tersendiri untuk menguruskan kehidupan terutamanya buat mereka yang sudah berusia serta tidak mempunyai kebolehan untuk menyara diri.

Saya mengambil maklum bahawa walaupun bantahan pemiutang ini tidak diperlukan, ia masih memerlukan keputusan kuasa budi bicara pihak Ketua Pengarah untuk memberi pelepasan terlebih dahulu.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan perkara kedua, kuasa Ketua Pengarah Insolvensi dalam menentukan jumlah serta syarat pembayaran mengikut kemampuan amaun kewangan pihak yang berhutang. Pindaan seksyen 33C dengan meminda syarat penyelesaian amaun sumbangan sasaran atau hutang yang

diperlakukan kepada syarat pembayaran jumlah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi mengikut kemampuan amaun kewangan penghutang.

Kita boleh lihat statistik seperti yang telah dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Arman bahawa remaja 44 tahun dan sebagainya. Ini merupakan satu jumlah yang agak merisaukan rentetan daripada impak negatif selepas COVID-19 ini.

Kebanyakan daripada kategori ini terjejas disebabkan sektor ekonomi yang tidak stabil dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Anak muda juga dibebani hutang yang sangat banyak sehingga mereka tidak dapat melakukan sebarang transaksi peribadi apabila mereka terlibat dengan pengisytiharan kebangkrutan. Jelas, pindaan berkaitan dengan kedua-dua perkara ini memperluaskan kuasa budi bicara pihak Ketua Pengarah Insolvensi.

Oleh itu, demi memastikan keadilan bagi kedua-dua pihak yakni pihak bank, pihak pemiutang dan juga pihak penghutang, saya ada beberapa persoalan. Yang pertama, adakah kerajaan sudah meneliti dengan mempertimbangkan kedua-dua belah pihak termasuk pihak pemiutang? Ini kerana walaupun terdapat dua kategori baharu yang dilepaskan daripada *bankruptcy* ini, namun begitu bukan semua golongan yang berusia 70 tahun ke atas tidak berdaya atau setengah daripada mereka masih mampu untuk bekerja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama lagi Yang Berhormat?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Sedikit sahaja lagi. Oleh sebab pantun tadi ambil masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat bagi pantun tadi, boleh tambah masa kecederaan *last minute*. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat...
[Ketawa] Berdaya dan sesetengah daripada mereka masih mampu untuk bekerja serta mempunyai pendapatan atau gaji yang mencukupi. Saya khuatir sekiranya pihak bank atau pihak pemiutang dan juga pihak penghutang tidak mendapat kesaksamaan dan perlu menanggung bebanan, rentetan daripada RUU ini.

Kedua, bolehkah kerajaan mempertimbangkan garis panduan buat Ketua Pengarah Insolvensi yang diuar-uarkan kepada pihak awam bagi memastikan penggunaan kuasa budi bicara ini boleh terkawal dan memberikan keadilan kepada semua pihak.

Ketiga dan terakhir ialah lebih kepada penjelasan. Adakah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mempunyai sebarang peranan dalam menasihati

pihak penghutang yang dilepaskan daripada status bankrap? Jika tidak, saya ingin menyarankan mereka diwajibkan untuk melalui kursus kesedaran dan perancangan kewangan ataupun disebut sebagai literasi kewangan supaya mereka dapat menguruskan kewangan sendiri, yang telah diuar-uarkan oleh Yang Berhormat Abun dan Yang Berhormat Vell Pari mengatakan daripada bangku sekolah. Sekarang ini pula kita lihat daripada selepas mereka bankrap apakah pendidikan yang perlu kita berikan kepada mereka.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, berakhirlah perbahasan saya. Saya berhasrat agar kerajaan dapat terus menitikberatkan kepentingan dan nasib kedua-dua belah pihak iaitu penghutang dan pemiutang dengan meneliti semula secara holistik dan mempertimbangkan cadangan yang dilontarkan. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berikan tadi masa kecederaan lebih seminit tetapi perincian kepada kuasa Ketua Pengarah Insolvency itu saya rasa satu perkara yang juga penting untuk dijelaskan oleh kementerian. Nampaknya Yang Berhormat kita *on track* ya untuk meluluskan rang undang-undang ini pada hari ini juga. Kalau boleh lepas ini undang-undang yang berkenaan dengan teks al-Quran ini kalau lancar persidangan boleh juga diluluskan pada hari ini.

Setakat ini cukup baik, dan saya mengalu-alukan kerjasama daripada Yang Berhormat yang telah mengikuti had masa yang berucap tadi.

Seterusnya, saya ingin menjemput Dato' Juhanis binti Abd Aziz untuk berbahas.

3.55 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Mohamed sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas peluang untuk saya turut saya membincang dan membahaskan Rang Undang-undang Insolvency (Pindaan) 2023 hari ini.

Berdasarkan statistik yang telah direkodkan setakat Disember 2022, jumlah bankrap dan mufli yang diluluskan, ditadbir adalah seramai 47,929 orang. Daripada jumlah itu seramai 10,378 orang atau 22 peratus ialah mereka yang berumur di antara 34 tahun dan ke bawah. Manakala mereka yang berumur 35 dan 44 tahun

mewakili kira-kira 37 peratus atau seramai 17,900 orang mufliis. Ini bermakna daripada keseluruhan jumlah orang bankrap dan mufliis yang direkodkan, sebanyak 59 peratus iaitu individu yang berumur 44 tahun ke bawah. Data ini amat membimbangkan apabila melihat lebih daripada separuh daripada rekod ini iaitu belia negara. Mereka ini sepatutnya lebih terdedah daripada pelbagai ilmu dan maklumat yang berkaitan pengurusan kewangan. Namun mengapa mereka terjebak?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh tentang rang undang-undang ini, saya ingin menegaskan kepentingan untuk kita menerapkan serta kesedaran rakyat terutamanya golongan belia mengenai kepentingan untuk menguruskan kewangan dengan berhemah. Ini disebabkan belia-belia sekarang sangat gemar berbelanja mewah dengan keadaan hidup suasana sekarang berbelanja lebih daripada kemampuan mereka menyebabkan mereka terpaksa menanggung pelbagai hutang termasuk kad kredit dan pinjaman-pinjaman yang lain. Natiujahnya, ramai di antara mereka diisytiharkan mufliis pada usia muda.

Saya amat menyokong tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperkenalkan topik baharu dalam kurikulum matematik iaitu Matematik Pengguna: Simpanan dan Pelaburan, Kredit dan Hutang. Kata pepatah kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungunya. Saya yakin penerapan mengenai ilmu pengurusan kewangan sejadi sekolah sedikit sebanyak akan meningkatkan literasi kewangan golongan muda.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan individu yang bergelut dengan masalah kewangan, menyangka mufliis merupakan alan terakhir dan terbaik untuk mereka. Namun begitu, setelah diisytiharkan mufliis barulah mereka rasa kesusahan. Individu yang diisytiharkan bankrap akan menghadapi kesukaran untuk meneruskan kehidupan, menyelesaikan hutang kerana dikenakan pelbagai jenis halangan seperti sekatan perjalanan, kredit terhad, aset dirampas dan peluang kerja juga terhad. Isu yang sama kepada mereka yang bekerja dalam bidang profesional seperti doktor, pejuang, akauntan dan juruukur kerana sekatan dikenakan oleh persatuan profesional.

Sebagai contoh, seorang doktor mungkin berhadapan dengan masalah kewangan apabila membuat pinjaman untuk membuka klinik. Namun disebabkan beberapa masalah, klinik tidak dapat beroperasi menyebabkan dia hilang mata pencarian dan gagal untuk membayar hutang apabila diisytiharkan mufliis. Doktor ini tidak boleh mencari pekerjaan menggunakan lesen perubatan yang mereka ada.

Meskipun bankrap tidak menghalang individu untuk bekerja, namun halangan dan kekangan yang mereka dihadapi sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kerja mereka. Individu yang diisytiharkan bankrap juga tidak boleh memiliki perniagaan atau menjadi sebahagian daripada pemilik perniagaan.

■1600

Ini bermakna, setelah menjadi bankrap, individu tersebut tidak boleh melakukan sebarang perniagaan untuk dijadikan mata pencarian. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk memberi kelonggaran terhadap sekatan yang berkaitan dengan pekerjaan supaya penghutang boleh terus bekerja menyara kehidupan dalam masa yang sama menyelesaikan hutang mereka?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan fasal 8 yang memperuntukkan pindaan ke atas subseksyen 33B(2A) merupakan usaha yang sangat baik. Pindaan ini memberi pelepasan kepada individu muflis yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri akibat penyakit mental yang disahkan oleh pakar psikiatri hospital kerajaan serta individu yang berusia 70 tahun dan ke atas.

Saya berpandangan, pelepasan status muflis kepada kedua-dua kategori ini adalah amat berpatutan memandangkan mereka terutamanya pesakit mental tiada keupayaan dan kemampuan untuk memberi kerjasama dan sumbangan dalam menyelesaikan hutang. Status bankrap mereka hanya akan menyukarkan pihak Jabatan Insolvensi untuk mentadbir kes mereka serta menambah tekanan kepada ahli keluarga yang menguruskan mereka.

Saya ingin mendapat kepastian mengenai syarat yang ditetapkan untuk mengesahkan sakit mental dalam pindaan ini. Saya lihat pengesahan supaya boleh dibuat oleh pakar psikiatri hospital kerajaan sahaja. Namun kita tahu, hospital kerajaan yang sesak akan membuat proses ini menjadi lebih lama di samping menambahkan lagi kesesakan di hospital kerajaan. Adakah syarat dibuat pakar psikiatri hospital kerajaan adalah bagi mengurangkan risiko doktor untuk memalsukan diagnosis?

Saya ingin mencadangkan agar pengesahan penyakit mental oleh pakar psikiatri dari hospital swasta juga patut dibenarkan. Ini memandangkan pakar di hospital swasta juga tidak terikat dengan etika perubatan yang sama. Malah kebenaran ini juga dapat mempercepatkan proses menyahsenarai bankrap kerana hospital swasta tidak sesak dan senarai menunggu temu janji dengan pakar adalah lebih pendek jika dibandingkan dengan hospital awam. Saya juga ingin mendapatkan

kepastian mengenai sekiranya pesakit mental ini telah sembuh setelah mendapat rawatan, adakah mereka akan menjadi bankrap semula?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menggesa kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang drastik dan proaktif bagi mengatasi isu literasi kewangan dan masalah insolvensi dalam kalangan rakyat. Kerajaan, kementerian dan agensi yang berkaitan perlu melaksanakan inisiatif dan pendekatan yang komprehensif dan berfokuskan kepada perlindungan serta memulihkan kewangan rakyat. Diharapkan masalah ini dapat diatasi dengan efektif lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut senarai yang ada di hadapan saya ini, ada seorang lagi iaitu Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Sila Yang Berhormat.

Namun sebelum Yang Berhormat bermula, saya cakap sedikit dahulu. Sedikit sahaja, duduk dahulu. Dalam Peraturan kita- peraturan ini digubal pada tahun 1956, dan pada tahun 1959, Tun Abdul Razak mempengerusikan satu 'jawatankuasa penggubalan peraturan' dan wujudlah Peraturan Dewan Negara pada ketika itu.

Jadi, bagi kedua-dua Dewan ini, istilah "Tuan Yang di-Pertua" adalah termasuk Timbalan Yang di-Pertua, dan mana-mana Pengerusi- orang yang dilantik mempengerusikan sementara, dipanggil "Tuan Yang di-Pertua."

Tidak perlu panggil "Pengerusi Khas." Cukup dengan "Timbalan Yang di-Pertua", "Tuan Yang di-Pertua"- iaitu untuk istilah Ahli yang duduk dekat sini... *[Menunjukkan tempat duduk Tuan Yang di-Pertua]* Dalam Jawatankuasa pula dipanggil "Tuan Pengerusi" iaitu di bawah Peraturan 6(5).

Terima kasih. Yang Berhormat, sila.

4.05 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang sulung bagi Mesyuarat Kedua ini, dan akan menyentuh Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 yang berkenaan dengan kemas kini beberapa perkara yang terdapat dalam rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan ini menyentuh isu insolvensi itu secara makro yang seperti dibahaskan oleh Ahli-ahli di Dewan Negara yang mulia ini bahawa kita tahu ramai rakyat di negara kita terutama yang berada dalam umur yang sepatutnya mereka menyumbang kepada negara dan terutamanya

pembangunan ekonomi iaitu 35 tahun ke atas digolongkan sebagai teramai dalam kategori kebangkrapan di negara kita.

Kemungkinan besar mereka tersangkut dalam kemudaratatan kesihatan kewangan disebabkan oleh keadaan ekonomi, keadaan pandemik, keadaan ketidaksusunan kewangan mereka yang seperti, dengan izin, *a dominant effects*. Maka apa yang perlu kita benarkan kepada mereka adalah dua perkara:

- (i) penerapan pengetahuan yang berkenaan dengan kesihatan kewangan itu adalah penting; dan
- (ii) peranan agensi kerajaan yang perlu dijadikan sebagai benteng akhir yang mempertahankan seseorang sebelum orang tersebut jatuh menjadi muflis.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada beberapa buah agensi di negara kita. Antaranya di bawah seliaan Bank Negara Malaysia iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang tadi Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa katakan. Mereka ditugaskan antara lain ialah menjadi:

- (i) pengimbang penyebaran maklumat;
- (ii) kaunseling kewangan; dan
- (iii) membantu menjadi perantara pemiutang dan penghutang.

Memang pada pendapat saya AKPK itu memainkan peranan yang memuaskan. Namun, persoalan sering timbul adalah adakah peranan AKPK itu cukup? Adakah peranan AKPK itu berkesan? Adakah peranan AKPK itu ada impak yang bagus? Ini soalan yang biasa kita tanya diri sendiri.

Saya sebagai bekas profesor di UTM, saya memang percaya penyelesaian ialah melalui pendidikan. Oleh itu, saya kata saya percaya pendidikan dan pengetahuan berkaitan kesihatan kewangan adalah sangat penting. Ia perlu diserapkan kepada setiap seorang dalam langkahnya berkaitan kewangan. Bukan kita hendak mendekati mereka selepas mereka sudah hendak hampir jatuh.

Kita perlu memberi peluang, dengan izin, *starting from the point, they apply for the financial products*. Adakah sistem sedia ada menekankan perkara tersebut? Memang jelaslah tidak ada. Seseorang individu memohon, lulus, guna habis, terlepas bayaran *accumulated debts*, dengan izin, dan peringkat inilah mereka *approach* AKPK. Sebenarnya bukan semua yang sedar akan ada AKPK. Ada yang tidak tahu keberkesanan AKPK. Maka jelasnya, kebangkrapan ini juga berkaitan

dengan pengetahuan, berkaitan dengan kesedaran, penerapan seseorang dalam aspek kewangan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian-kementerian yang berkaitan terutamanya Kementerian Kewangan mengarahkan institusi-institusi di bawahnya untuk:

- (i) giat meneliti; dan
- (ii) mengadaptasikan kaedah-kaedah secara *customize* mengikut isu.

Kalau boleh, seseorang itu perlu diterapkan berkenaan dengan kepentingan kesihatan kewangan yang sihat di peringkat di pengajian tinggi lagi.

■1610

Mungkin Kementerian Pendidikan Tinggi boleh mewajibkan setiap penuntut institusi pendidikan tinggi mengambil kursus teras pengurusan kewangan termasuk juga impak dan bertanggungjawab, tidak kiralah mereka belajar perubatan, muzik atau kejuruteraan, wajiblah mereka- semua belajar kursus ini.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga perlu mewajibkan seseorang yang ingin memohon pinjaman kewangan daripada institusi kewangan swasta mengikut modul wajib penerangan kewangan, impak dan solusi yang boleh dipohon. Dengan izin, *let the borrowers know the assistance that they are qualified for*. Kita mesti ingat kita bukannya memberi laluan kepada seseorang dengan sengaja terlepas komitmen. Yang kita perlu tekankan iaitu tiga perkara sahaja. Satu, nilai pengetahuan; kedua, memberi ruang kepada seseorang untuk bangun semula; ketiga, melangsaikan tanggungjawabnya.

Oleh sebab itulah kita katakan, pendidikan kesihatan kewangan merupakan perspektif makro dalam isu kebangkrapan ini. Melalui perbahasan, yang ini saya memohon pihak berkuasa untuk memberikan pendekatan-pendekatan yang sewajarnya bukan sahaja daripada segi penerapan pengetahuan kesihatan kewangan, juga acuan-acuan lain yang membolehkan rakyat sekalian tidak sangkut dengan ancaman muflis. Sekian sahaja. Dengan ini, saya menyokong pindaan yang dimaksudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Dr. Dominic. *Alhamdulillah*, ada 16 orang pembahas yang telah memberi pandangan dan idea dalam rang undang-undang ini.

Maka pada petang ini, kita juga menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

4.12 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Seperti pembahas-pembahas lain hari ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan, juga kepada Timbalan Yang di-Pertua yang telah pun *Chaired earlier*.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kesemua 16 orang pembahas yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan yang penting ini iaitu berkenaan dengan pindaan-pindaan bagi menambah baik *the Insolvency Act*, dengan izin, melalui pindaan-pindaan yang dicadangkan di sini. Saya akan menjawab kepada soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan dan saya juga akan menyentuh terhadap cadangan-cadangan yang juga telah pun dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas atau AK Das, yang telah pun bertanya, berapakah bilangan individu mufliis bagi tempoh bulan Jun 2022 hingga Jun 2023 mengikut umur dan negeri? Secara keseluruhannya bagi tempoh tersebut, sejumlah 4,830 kes kebangkrutan telah direkodkan di Jabatan Insolvensi Malaysia.

Kes kebangkrutan tertinggi dicatatkan di Selangor iaitu sebanyak 1,603 dan keduanya di Wilayah Persekutuan sebanyak 1,035. Golongan umur 35 hingga 44 tahun merekodkan kes kebangkrutan yang tertinggi bagi tahun 2022 iaitu sebanyak 2,237 kes diikuti oleh golongan 25 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 759 kes. Setakat bulan Mei 2023, sejumlah 759 kes kebangkrutan direkodkan yang melibatkan golongan umur 35 hingga 44 tahun dan 221 kes melibatkan golongan umur 25 hingga 34 tahun.

Juga telah pun ditanya soalan iaitu, berapa jumlah orang mufliis yang akan dapat dilepaskan setelah akta ini diluluskan? Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjangkakan sejumlah 130,000 orang mufliis akan dilepaskan daripada kebangkrutan setelah pindaan-pindaan yang dicadangkan di sini terutamanya di bawah seksyen 33A dan seksyen 33C dilaksanakan ataupun dikuatkuasakan.

Soalan yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kepentingan literasi kewangan dan peranan kementerian dan agensi dalam membendung masalah kebangkrutan. Sejauh mana keberkesanan agensi seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menangani kes kebangkrutan, juga apa program-program yang dilaksanakan oleh AKPK untuk meningkatkan literasi kewangan dan pengurusan kewangan.

Bagi mengelakkan lebih ramai individu diisytiharkan kebangkrutan, kerajaan melalui AKPK menyediakan program-program seperti perkhidmatan penstrukturan hutang, pendidikan dan khidmat nasihat kewangan secara percuma sebelum seseorang itu diisytiharkan sebagai bankrap oleh mahkamah. Program penstrukturan hutang dan khidmat nasihat yang diberikan ini dapat membantu masyarakat untuk mengatur semula keseluruhan hutang dengan pemiutang selain memastikan aliran tunai yang baik.

Persoalan seterusnya adalah sejauh mana usaha agensi seperti AKPK ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah dan isu trend peningkatan muflis di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan belia. AKPK giat menjalankan program-program pendidikan kewangan kepada orang ramai termasuk golongan belia. Bagi pelan jangka pendek, AKPK mengadakan program-program berbentuk literasi kewangan yang dianjurkan dengan kerjasama strategik dengan kementerian-kementerian yang berkaitan yang lain seperti Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memberi pendedahan kepada belia tentang kaedah pengurusan kewangan dan perbelanjaan berhemah. Program ini terbuka kepada belia termasuk juga pelajar-pelajar universiti.

Antara pelan-pelan jangka masa sederhana kementerian dalam meningkatkan literasi kewangan terutamanya golongan belia adalah melalui AKPK di mana beberapa program telah berlangsung dan masih diteruskan seperti:

- (i) Program Pengurusan Kredit- *Debt Management Programme*, dengan izin;
- (ii) Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil- *Small Debt Resolution Scheme*; dan
- (iii) Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan- *Financial Resilience Support Scheme*.

Antara pelan jangka masa panjang kementerian dalam meningkatkan literasi kewangan terutamanya di beberapa program pendidikan kewangan telah

berlangsung dan masih diteruskan seperti Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) sejak tahun 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia terutamanya untuk golongan muda dan mereka yang baru membuat pinjaman kewangan.

Selain itu, terdapat juga program pendidikan kewangan yang memenuhi ketepatan masa iaitu bagi mereka yang baru masuk dan juga kepada bakal graduan yang akan menempuhi alam pekerjaan. Program pendidikan kewangan AKPK mengandungi modul yang menyentuh isu yang dihadapi oleh kebanyakan golongan belia dalam menguruskan hal ehwal kewangan dan pengurusan hutang mereka yang disampaikan secara interaktif, relevan dan juga kreatif.

■1620

AKPK juga telah memperkenalkan subjek Pengurusan Kewangan Peribadi di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang membawa dua jam kredit. Subjek ini telah dilaksanakan di beberapa buah institusi pengajian tinggi. Selain itu, terdapat juga program *Social Enterprise Literacy for Youth* dengan objektif untuk memberikan pendedahan kepada kaedah pengurusan kewangan secara praktikal serta menekankan tanggungjawab sosial belia.

Seterusnya, persoalan yang timbul adalah apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan literasi kewangan selain usaha perundangan untuk mengurangkan kes-kes muflis.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) telah mengambil pendekatan untuk memantapkan literasi kewangan. Oleh itu, bagi memupuk kesedaran mengenai amalan pengurusan kewangan yang baik, MDI telah mengadakan program *outreach* yang mendekati masyarakat agar mereka mendapat informasi atau maklumat yang betul berkenaan pentadbiran kebangkrupan oleh MDI serta perkara-perkara berkenaan masalah keberhutangan yang serius.

Bagi memupuk kesedaran mengenai amalan pengurusan kewangan yang baik di kalangan belia, MDI telah mengadakan program *outreach* bagi mendekati golongan belia yang berada di peringkat sekolah dan juga di institusi pengajian tinggi. Ia merupakan program literasi kewangan pelan jangka pendek yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada belia berkenaan kesan keberhutangan yang serius dan kebangkrupan ke atas seorang individu.

AKPK turut menjalankan Program Literasi Kewangan di peringkat pendidikan formal. Dalam usaha untuk menerapkan ilmu pengurusan kewangan di peringkat awal, AKPK telah memperkenalkan subjek Pengurusan Kewangan Peribadi di

institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia, yang saya telah rujuk tadi iaitu MQA, yang membawa dua jam kredit. Subjek ini juga telah dilaksanakan di beberapa buah institut pengajian tinggi yang lain.

Selain daripada itu, ilmu pengurusan kewangan turut diterapkan dan diintegrasikan dalam mata pelajaran yang diajarkan di sekolah. Pendedahan awal terhadap pengurusan kewangan yang berhemah amat penting dalam memupuk kesedaran di peringkat awal lagi.

Soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, iaitu berkenaan dengan apakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji, untuk membenarkan bankrap bekerja di bidang profesional seperti doktor, peguam dan akauntan selepas dilepaskan.

Individu yang bankrap tidak dihalang untuk bekerja dan boleh terus bekerja dengan majikan yang sama atau diambil bekerja oleh majikan yang baharu. Namun demikian, bankrap yang kerja dalam bidang profesional seperti akauntan adalah terikat dengan kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan profesional mereka dalam memelihara tahap profesional dan integriti profesion tersebut. Selain itu, kontrak pekerjaan melibatkan persetujuan antara majikan dan pekerja.

Sehubungan dengan ini, bagi membenarkan bankrap bekerja di bidang profesional kajian berkenaan perkara ini perlu dilaksanakan dan sesi libat urus akan diadakan dengan atau perlu diadakan dengan badan-badan profesional yang berkaitan.

Soalan seterusnya yang ditimbulkan adakah mereka yang terlibat dalam pelepasan secara automatik ini diberikan bantuan kemudahan kewangan untuk bangkit semula dalam kehidupan mereka dan masa depan pekerjaan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, apa-apa bantuan kemudahan kewangan yang ingin disediakan memerlukan kajian yang lebih lanjut dan mendalam untuk menentukan bentuk bantuan yang bersesuaian yang boleh diberikan kepada bankrap yang telah dilepaskan daripada kebangkrutan. Pada masa yang sama, kerajaan melalui agensi berkaitan secara berterusan memberikan khidmat nasihat kewangan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, menawarkan khidmat nasihat kewangan secara percuma untuk memastikan bankrap dapat menguruskan kewangan yang lebih baik setelah diberikan peluang kedua oleh kerajaan.

Saya ingin menyentuh lagi kepada usaha-usaha kerajaan untuk menyelesaikan ataupun mengatasi kebangkrutan di kalangan belia oleh sebab isu ini telah pun ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Seperti yang saya

katakan tadi, kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk menyelesaikan isu kebangkrapan di kalangan masyarakat termasuk golongan belia.

Antara usaha-usaha daripada aspek perundangan Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti berikut. Seperti yang kita sedia maklum, dalam tahun 2022 *the threshold* untuk ambang keberhutangan bankrap telah pun ditingkatkan atau dinaikkan kepada RM1,000,000 daripada RM50,000. Pada tahun 2017, perkiraan sukarela ataupun, dengan izin, *voluntary arrangement* telah diperkenalkan di bawah akta ini untuk membolehkan individu yang berhadapan dengan prosiding kebangkrapan memohon kepada mahkamah untuk pergantungan prosiding dan berunding dengan pemiutang berhubung pelan cadangan bayaran balik hutang. Apabila satu persetujuan dicapai tiada perintah kebangkrapan akan direkodkan.

Kerajaan juga telah melaksanakan dasar peluang kedua kepada rakyat yang telah diisytiharkan bankrap. Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi pembentangan Belanjawan 2023, pada 24 Februari lalu. Bermula 1 Mac 2023, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melepaskan bankrap dengan jumlah hutang berskala kecil di bawah jumlah RM50,000 yang memenuhi syarat.

Setakat 30 April 2023, sebanyak 4,228 kes yang melibatkan bankrap yang berhutang dalam skala kecil telah dilepaskan melalui Sijil KPI. RUU ini juga telah mencadangkan penambahbaikan kepada seperti yang kita telah sedia maklum, ke Seksyen 33C, agar bankrap dapat dilepaskan daripada kebangkrapan dalam tempoh singkat iaitu antara tiga hingga lima tahun.

Agensi kerajaan juga berperanan penting untuk membantu membendung masalah kebangkrapan di kalangan rakyat. Pertamanya, AKPK menawarkan khidmat nasihat dan kaunseling kewangan. Program pengurusan kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma kepada mereka yang berdepan dengan masalah keberhutangan. Jabatan Insolvensi Malaysia sentiasa melaksanakan program-program seperti yang saya telah pun sebutkan tadi, program-program kesedaran seperti Hari Bersama Pelanggan dan Klinik Insolvensi.

Saluran media sosial juga digunakan untuk menggalakkan bankrap berurusan dan bekerjasama dengan MDI agar bankrap dapat memahami serta menjalankan tanggungjawabnya. Perkara tersebut dapat membantu bankrap untuk keluar daripada kebangkrapan dalam tempoh yang singkat.

Berkenaan dengan isu penjawat awam yang terlibat dengan kes kebangkrapan sehingga kini dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membantu

mereka. Berdasarkan statistik bagi tahun 2019 hingga bulan Mei 2023, sebanyak 3,770 kes kebangkrutan telah direkodkan melibatkan penjawat awam. Bagi kes kebangkrutan melibatkan penjawat awam, Jabatan Insolvensi Malaysia perlu mengemukakan laporan berhubung bankrap kepada Ketua Jabatan selaras dengan Peraturan 14 (2), Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Juga telah pun ditimbulkan sejauh mana kempen kesedaran bagi mengurangkan kes mufliis khususnya di khususnya di bangku sekolah.

■1630

Dicadangkan, beberapa cadangan telah pun dibuat supaya kerajaan memberi lebih peruntukan untuk menjalankan program kesedaran pengurusan kewangan bagi memastikan golongan muda khususnya di peringkat sekolah sebagai kesedaran ataupun pendedahan awal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menerapkan ilmu pengurusan kewangan di peringkat awal, AKPK telah memperkenalkan subjek pengurusan kewangan peribadi di institusi pengajian tinggi seperti yang telah pun saya sebut tadi. Pada masa sekarang, belum ada subjek khusus berkenaan pengurusan kewangan di peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, elemen pengurusan dan perancangan kewangan telah diintegrasikan dalam mata pelajaran di sekolah.

Di peringkat sekolah menengah, elemen pengurusan dan perancangan kewangan dalam pendidikan kewangan telah diintegrasikan dalam mata pelajaran teras seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Selanjutnya elemen ini turut diintegrasikan dalam mata pelajaran elektif iaitu Ekonomi, Prinsip Akaun, Perniagaan, Sains Rumah Tangga dan Pertanian yang melibatkan pelajar di peringkat menengah atas.

Saya- atas merumuskan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, lagi panjang?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Tidak berapa panjang, mungkin dalam- *I tried* dalam seminit, terima kasih. Juga telah pun ditimbulkan soalan berkenaan apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji atau mewujudkan dasar jangka masa panjang untuk menyasarkan rakyat Malaysia bebas bankrap hutang di masa akan datang.

Bagi Jabatan Insolvensi Malaysia, Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 merupakan antara usaha jangka masa panjang kerajaan untuk menyasarkan rakyat Malaysia dibebaskan daripada keberhutangan, dan masalah kebangkrutan seperti yang telah pun kami membahaskan secara mendalam usaha-

usaha melalui pindaan untuk di bawah seksyen 33C akan sudah tentunya akan memberi penambahbaikan kepada masalah kebangkrapan dan hutang secara *long-term*.

Selain daripada itu, usaha jangka panjang telah dilaksanakan oleh AKPK dalam menyediakan program pengurusan kewangan dan literasi kewangan yang berterusan, literasi kewangan juga telah diintegrasikan di peringkat sekolah seperti yang saya katakan tadi.

Akhirnya, saya menyentuh kepada soalan Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa yang bertanya berkenaan sama ada *creditors* sama ada mereka telah pun juga dipertimbangkan. Sudah tentunya dalam membuat kajian, *creditors* juga diambil kira oleh sebab mereka merupakan pihak yang juga berkepentingan.

Akan tetapi, perlu ditekankan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa di bawah akta ini masih terdapat ruang untuk membuat *judicial review* iaitu di bawah seksyen 86 dan juga di bawah seksyen 33C(4) di mana sekiranya seorang *creditors* itu tidak berpuas hati kepada- terhadap keputusan KPI, beliau boleh membawa perkara itu ke mahkamah bagi tujuan keputusan itu di *review*. Itu merupakan salah satu *safe guard* yang masih dikekalkan di bawah akta ini bagi tujuan menjaga kepentingan *creditors* juga.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan yang telah pun saya-berharap menyentuh semua persoalan yang ditimbulkan, itu sahaja...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh saya mencelah satu soalan sahaja Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan yang *very precise*. *Alhamdulillah*, syukur. Akan tetapi saya mungkin saya terlepas pandang mengenai jawapan garis panduan untuk KP Insolvensi itu, supaya keadilan terhadap semua pihak terjamin dengan hanya menggunakan budi bicara, SOP dengan izin, jika ada, terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum itu ingin membuat satu pembetulan kepada jawapan saya tadi. Apabila saya rujuk kepada *judicial review*, *actually*, ia merujuk kepada rayuan.

Seorang *creditor* boleh membuat rayuan terhadap satu keputusan KPI, bukan *judicial review*. Itu merupakan satu kesilapan, saya minta maaf.

Untuk isu *guidelines* sama ada terdapat *guidelines* untuk KPI untuk melaksanakan budi bicara mereka ataupun budi bicara beliau. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kuasa KPI telah diperuntukkan dalam akta ini dan pertimbangan dan perkara-perkara yang perlu diteliti juga dinyatakan dengan jelas dalam akta dan kaedah-kaedah yang berkenaan. Selanjutnya, mana-mana pihak seperti yang saya katakan boleh merayu, tetapi sama ada *guidelines* seterusnya akan dibuat, kami mungkin akan membuat kajian yang seterusnya, oleh sebab ini merupakan satu isu yang penting saya- *I think it's an important issue* dan juga kami akan- seperti yang saya kata membuat kajian yang sewajarnya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak dan Tugas-tugas Khas (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERCETAKAN TEKS AL-QURAN
(PINDAAN) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.40 ptg.**

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023 dibaca di Dewan Negara ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan keputusan Majlis Mesyuarat Raja-raja Kali ke-129 pada 8 Februari 1984.

■1640

Demi menjaga kesucian ayat-ayat Al-Quran di negara ini, Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran 1986 telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada 8 April 1986 dan telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1987 melalui P.U. (b) 763/1986. Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 (APTQ 1986) bertujuan untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan, pengedaran teks Al-Quran dan bahan Al-Quran. Pentadbiran dan penguatkuasaan akta ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Bagi melaksanakan fungsi di bawah akta ini, Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) telah diwujudkan melalui peruntukkan seksyen 3, APTQ 1986. LPPPQ berperanan untuk menjalankan fungsi di bawah APTQ 1986 dan Lembaga hendaklah tertakluk kepada kawalan, pengawasan dan arahan yang Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Keahlian LPPPQ terdiri daripada 15 orang yang mewakili negeri-negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan serta Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri.

Pelantikan ahli LPPPQ bagi Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Manakala, negeri-negeri lain oleh Raja negeri masing-masing. Akta ini dicadangkan untuk dipinda oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) bagi menambah baik dan memastikan APTQ 1986 selaras dengan pengedaran waktu dan perkembangan semasa supaya ia lebih realistik, efisien dan mantap.

Keanggotaan LPPPQ termasuk dari sudut kedudukan LPPPQ yang lebih kemas dan kukuh serta penguatkuasaan yang lebih wajar dan sesuai. Mesyuarat Persidangan Ketua-ketua Jabatan (PKJ) Seluruh Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 31 Mac 2014 telah bersetuju dengan cadangan pindaan dan mencadangkan supaya cadangan pindaan diangkat sembah bagi meminta perkenan Majlis Raja-Raja.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Jun 2016 juga telah bersetuju dengan cadangan pindaan APTQ 1986 dan mengesyorkan supaya cadangan pindaan diangkat bagi perkenan Majlis Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan APTQ 1986 juga telah dibentangkan dan dibincangkan dengan kesemua Majlis Agama Islam Negeri dan segala input serta pandangan daripada MAIN telah diambil kira dalam penyediaan cadangan pindaan ini.

Selanjutnya, cadangan pindaan APTQ 1986 ini telah dibentangkan pada *Pre-Council* Majlis Raja-Raja pada 23 Mei 2017. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja melalui surat bertarikh 14 November 2017 telah memaklumkan perkenan Majlis Raja-Raja, atas cadangan pindaan APTQ 1986. Setelah mendapat perkenan pada Majlis Raja-Raja, draf cadangan pindaan APTQ 1986 telah dikemukakan pada Jabatan Peguam Negara pada 25 Januari 2018 untuk semakan dan kelulusan sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan.

Namun, pelaksanaan cadangan pindaan APTQ 1986 ini tertangguh ekoran daripada perubahan kerajaan yang memerintah pada tahun 2018. Pada 1 September 2020, cadangan pindaan APTQ 1986 ini diteruskan semula atas arahan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang baharu. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri juga telah meminta agar Majlis Raja-Raja disembah maklum mengenai kedudukan terkini pindaan APTQ 1986 semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257.

Oleh yang demikian, pada 4 Januari 2021, Majlis Raja-Raja secara berutus telah mengambil maklum mengenai kedudukan terkini pelaksanaan cadangan pindaan APTQ 1986. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 15 Jun 2022 ketika menimbangkan memorandum daripada Menteri Dalam Negeri, NO.M330/2022 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang (RUU) Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2022 dibentangkan di Parlimen. RUU ini telah berjaya dibaca untuk kali pertama pada 19 Julai 2022.

Majlis dialog Rang Undang-undang Akta Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2022 bersama Ahli Parlimen- *Backbenchers Council* telah diadakan pada 3 Ogos 2022. Manakala, bacaan kali kedua dan ketiga telah diluluskan tanpa bahas di Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2022. Rang Undang-undang ini tidak sempat dibaca di Dewan Negara yang dijadualkan bersidang pada 21 November 2022 kerana pembubaran Parlimen ke-14 pada 10 Oktober 2022.

Oleh itu, pindaan Rang undang-undang ini perlu dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang baharu sebelum didaftarkan dan dibahaskan semula di Parlimen. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 18 Januari 2023 ketika menimbangkan memorandum daripada Menteri Dalam Negeri, NO.M25/2023 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023 dibentangkan di Parlimen. Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023 telah melalui Bacaan Kali Pertama di Dewan Rakyat pada 15 Februari 2023.

Selain itu, sesi taklimat pindaan pada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah diadakan pada 24 Februari 2023. Rang undang-undang ini telah berjaya dibaca dan dibahaskan untuk Bacaan Kali Kedua dan Ketiga pada 22 Mei 2023 lalu.

Secara umumnya, Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023 ini merangkumi perkara-perkara berikut. Demi menjaga kesucian Al-Quran agar tidak dicemari dan disalah guna oleh golongan yang tidak bertanggungjawab terutama daripada segi penerbitan dan percetakan, jumlah penalti yang diperuntukkan di dalam APTQ 1986 dilihat tidak memadai lagi dan perlu dinaikkan bagi memberikan pengajaran kepada seseorang yang melakukan kesalahan di bawah akta ini selaras dengan kesucian dan keagungan Al-Quran.

Untuk makluman, Al-Quran di negara ini yang hendak diterbitkan, dijual, diedarkan dan diimport dalam negara perlu melalui permohonan kepada KDN. Setelah permohonan diterima, pruf akhir teks Al-Quran akan disemak oleh Ahli Jawatankuasa penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran KDN.

Setelah penilaian dan penyemakan dilaksanakan, pruf akhir teks Al-Quran tersebut akan diperakui melalui Mesyuarat Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran. Setelah diperakui oleh LPPPQ, maka pruf akhir teks Al-Quran tersebut boleh dicetak dan diterbitkan serta boleh diedarkan di dalam negara. Al-Quran yang telah diperakui oleh LPPPQ mestikan mengandungi nombor perakuan dan pelekat hologram KDN.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2018 sehingga Januari 2023 penguatkuasaan KDN telah melaksanakan sebanyak 63,408 pemeriksaan di lapangan dan premis di seluruh negara. Sepanjang tempoh enam tahun itu, sebanyak 108,992 jumlah rampasan yang bernilai RM2,341,797.50 melibatkan naskhah Al-Quran yang merujuk kepada teks Al-Quran berbahasa Arab yang mengandungi satu juz atau lebih dan bahan Al-Quran yang merujuk kepada dokumen yang mengandungi mana-mana ayat Al-Quran yang tiada perakuan Kementerian Dalam Negeri.

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 50,356 pemeriksaan dan operasi di pintu masuk telah dilaksanakan. Sebanyak 894,071 konsainan, dan bungkusan telah diperiksa dengan nilai rampasan melalui pintu masuk negara berjumlah RM4,129,970.30 yang melibatkan sebanyak 63,183 penahanan naskhah Al-Quran dan bahan Al-Quran yang tiada perakuan Kementerian Dalam Negeri. Peningkatan kesalahan-kesalahan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan meningkatkan penalti di bawah akta ini supaya kemuliaan Al-Quran terpelihara.

Buat masa ini, dalam APTQ 1986 naskhah Al-Quran versi tulisan *braille* tidak dimasukkan ke dalam akta. Terdapat keperluan agar penulisan Al-Quran menggunakan tulisan *braille* dikawal rapi agar tidak disalah guna dan diselewengkan. Oleh yang demikian, pindaan akta luas meliputi penggunaan tulisan *braille* dalam teks Al-Quran dan bahan Al-Quran. Tiada peruntukkan yang dinyatakan dalam APTQ 1986 mengenai kuasa pegawai awam iaitu Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri khasnya untuk menjalankan siasatan bagi kesalahan di bawah akta ini.

■1650

Ini menyebabkan pegawai-pegawai penguat kuasa tidak boleh menjalankan siasatan bagi mana-mana kesalahan di bawah akta ini. Amalan sedia , segala siasatan bagi kes di bawah PTQ 1986 akan dirujuk kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjut sebelum pihak Timbalan Pendakwa Raya memutuskan tindakan selanjutnya. Akta sedia ada juga tidak memberi kuasa bagi pihak kementerian untuk melaksana kompaun bagi kesalahan di bawah APTQ 1986.

Justeru, nilai kompaun ditetapkan dengan amaun yang tidak melebihi 50 peratus amaun denda maksimum. Kaedah ini merupakan langkah segera untuk pelaksanaan penguatkuasaan bersifat kawalan dengan mengkompaun mereka yang melakukan kesalahan sebelum suatu pertuduhan dimulakan di bawah akta ini. Bagi menambah baik tadbir urus Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), beberapa cadangan penambahbaikan diadakan khususnya tempoh

lantikan ahli lembaga sepanjang menjalankan tugas di bawah APTQ 1986 ini. Wujudnya pelantikan ahli silih ganti agar kuorum mesyuarat dipenuhi bagi mendapat keputusan yang lebih cepat dan efisien.

Selain itu, sebelum ini lembaga tidak dilindungi dari apa jua tindakan semasa menjalankan tugas serta tiada seksyen yang jelas untuk mereka mengeluarkan apa juga arahan serta garis panduan bagi mengawal selia akta ini. Lembaga juga diberi tanggungjawab bagi memastikan kaedah penulisan yang ditentukan melalui tulisan *Rasm Uthmani* dalam penulisan teks al-Quran di Malaysia. Maka dengan pindaan ini mampu memantapkan pengurusan lembaga. Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023 ini mengandungi 22 fasal seperti berikut:

Fasal 1 memperuntukkan bagi perkara yang berhubung dengan tajuk ringkas akta dan tarikh permulaan kuat kuasa.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akta 326 dengan memasukkan tulisan Braille dalam tulisan bahasa Arab.

Fasal 3, fasal 4, fasal 6, fasal 16 dan fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 3, seksyen 6, seksyen 7, seksyen 15 dan seksyen 18 untuk memantapkan lembaga termasuk tempoh lantikan, penetapan anggota silih ganti, tata kelola pengurusan lembaga serta kuasa lembaga adalah untuk menolak mana-mana penulisan selain kaedah penulisan yang telah ditentukan oleh lembaga.

Fasal 5, fasal 6, fasal 7, fasal 8, fasal 9, fasal 10, fasal 11, fasal 12, fasal 13 dan fasal 14 bertujuan untuk meningkatkan kadar denda dengan meminda seksyen 5, seksyen 6, seksyen 7, seksyen 8, seksyen 9, seksyen 10, seksyen 11, seksyen 13 dan seksyen 14. Seksyen ini adalah berkaitan peningkatan kadar denda dan penjara iaitu dari RM5,000 hingga RM20,000 atau satu tahun ke-lima tahun penjara kepada denda tidak melebihi RM50,000 atau lima tahun penjara.

Fasal 15 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14A ke dalam Akta 326 berkenaan kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah akta ini, diberikan kepada mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam sebuah negeri atau Wilayah Persekutuan.

Fasal 16 bertujuan meminda subseksyen 15(1) dengan memberi mahkamah kuasa untuk perlucutan hak suatu teks al-Quran atau bahan al-Quran jika tidak mengikut kaedah penulisan yang telah ditentukan oleh lembaga.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 17, Akta 326 dengan meluaskan penguasaan dengan elemen menyita, menahan, memeriksa aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan.

Fasal 18 pula bertujuan untuk meminda seksyen 18 berkaitan teks al-Quran dan bahan al-Quran yang disita dan ditahan di bawah seksyen 17, Akta 326 dikembalikan kepada orang yang daripadanya ia disita, tidak lewat daripada enam bulan daripada tarikh penyitaan itu jika lembaga memperakunya mengikut kaedah penulisan yang ditentukan atau dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh lembaga jika Lembaga memperakui bahawa ia tidak mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga.

Fasal 19 pula bertujuan memasukkan seksyen baharu 20A ke dalam Akta 326 berkenaan pengkompaunan kesalahan sebelum suatu pertuduhan dimulakan.

Fasal 20 pula bertujuan memasukkan subseksyen baharu 21A, dan 21B ke dalam Akta 326 bagi melindungi lembaga dengan disifatkan sebagai pekhidmat awam sebagaimana Kanun Keseksaan Akta 574, dan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

Fasal 21 bertujuan memasukkan seksyen baharu 26 ke dalam Akta 326 bagi memberi Lembaga kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dan arahan untuk mengawal selia kata ini dan fasal 22 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian.

Oleh itu, cadangan pindaan APTQ 1986 ini amat penting kerana bertujuan memperkukuhkan kuasa penguatkuasaan pegawai awam yang diberi kuasa di bawah Akta 326 dan untuk menaikkan jumlah penalti serta penyelarasan peruntukan undang-undang dengan peredaran waktu dan perkembangan isu semasa ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sejumlah 7 orang yang telah mendaftar untuk membahaskan, tetapi sebelum saya meminta pembahasan. Minta maaf, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi. Sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan, biar saya membuat pengisytiharan dahulu ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang baharu seperti yang telah diluluskan pindaannya oleh Majlis dalam sesi Mesyuarat yang lalu, saya hendak menetapkan, bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan (D.R. 1/2023) Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023 seperti yang tertera di nombor 2, dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Selasa, 20 Jun 2023.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 dibaca kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai tujuh orang ahli yang hendak membahaskan. Maka saya membuat ketetapan bahawa, masa yang diberikan iaitu 7 minit. Ahli-ahli Yang Berhormat, sila.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Boleh teruskan Yang Berhormat?

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Saya dahulu ya? Kita hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada dua orang ini yang saya sudah tangguh dari tadi. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff dari tadi pun tidak dapat jawab soalan. Jadi, saya ingat masa itu...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

4.58 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran saya memulakan perbahasan bagi Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023 pada petang ini.

Pertamanya, saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan ataupun Kementerian Dalam Negeri kerana berjaya membawa rang undang-undang ini ke Dewan Negara untuk dibentangkan dan dibahaskan. Mendengar tadi panjang rentetan mesyuaratnya, libat urusnya sehinggalah ke hari ini kita dapat bentangkan di Dewan Negara.

Mashaf Al-Quran Braille Malaysia juga telah dilancarkan pada April tahun lepas dan pindaan akta ini amat bertepatan pada masa ini demi menjaga kemuliaan

dan ketulenan al-Quran, bukan sahaja dalam bahasa Arab tetapi juga dalam bahasa Braille.

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW bagi memberi panduan dan petunjuk kepada seluruh manusia. Petunjuk jalan menuju keredaan Allah SWT untuk mendapatkan keselamatan dunia dan akhirat.

■1700

Allah SWT berjanji untuk memeliharanya, dan kerana itu Al-Quran tetap terpelihara dan terjamin daripada sebarang perubahan.

Pemeliharaan Al-Quran dalam pelbagai bentuk teknologi termasuk fizikal, digital serta *hafazan* menjadi bukti kukuh bahawa Al-Quran tetap terpelihara daripada segala kekurangan dan kesilapan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hijr ayat 9, yang bermaksud, *“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”*.

Allah SWT melindungi Al-Quran daripada pendebatan tentang intinya, daripada mendustakannya, daripada mempersendakannya, daripada mengubahnya, daripada menggantikannya, daripada menambah atau mengurangkannya pada bila-bila masa dan dalam mana-mana zaman.

Takdir dan kehendak Allah SWT berjalan dalam penjagaan Al-Quran ketika ayat-ayat Al-Quran turun kepada Nabi Muhammad SAW, baginda membacakan di depan para sahabat dan memerintahkannya untuk mencatatnya. Al-Quran ini diwahyukan secara lisan namun Al-Quran sendiri secara konsisten menyebut sebagai kitab yang tertulis seperti maksud Surah At-Thur ayat yang kedua, *“Demi kitab yang tertulis dengan rapi...”*

Saya hendak cuba pendekkan ucapan saya. Sesungguhnya Allah SWT menjamin Al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud, *“Sesungguhnya Al-Quran adalah diturunkan oleh Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Ia dibawa turun oleh Malaikat Jibril yang amanah ke dalam hatimu supaya engkau wahai Muhammad menjadi seorang daripada pemberi peringatan kepada umat manusia. Ia diturunkan dengan Bahasa Arab yang fasih serta terang nyata”*, Surah Asy-Syu'ara ayat 192 hingga 195.

Tuan Yang di-Pertua, pada 13 November 2022 yang lalu Kementerian Dalam Negeri telah merampas 2,874 naskhah Al-Quran tanpa kelulusan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPQ), Kementerian Dalam Negeri yang bernilai lebih RM500,000. Menurut laporan Portal Astro Awani serbuan dibuat berikutan maklumat risikan pada tahun 2018.

Soalan saya, mengapa pihak berkuasa mengambil masa yang begitu lama dan panjang untuk membuat risikan dan membuat tindakan serbuan dan serta dan rampasan dibuat iaitu dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 November lalu. Ini mengambil masa hampir empat tahun untuk rampasan dibuat kepada Al-Quran yang tidak mendapat kelulusan daripada LPPQ.

Bagaimana kerajaan memantau dan melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan tiada kemasukan Al-Quran bercetak yang tidak mendapat kelulusan dari Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPQ), Kementerian Dalam Negeri? Ini dua soalan saya.

Soalan saya yang terakhir adalah adakah akta ini juga dapat melindungi, memberi perlindungan kepada kemuliaan Al-Quran dalam bentuk aplikasi di telefon pintar, atas talian dan juga di halaman sesawang. Untuk itu saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang kita jemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

5.04 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta dalam Perbahasan Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023.

Al-Quran merupakan kitab suci yang tinggi nilainya. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin menyatakan kesyukuran dan tahniah kepada pihak kementerian kerana membawa rang undang-undang yang saya lihat amat bertepatan dengan Malaysia yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara dan majoriti rakyat Malaysia yang beragama Islam.

Ini menjadi kewajipan kepada kita untuk memelihara kesucian Al-Quran Al-Karim. Saya bersyukur dan berhasrat dengan hasrat dan iltizam, Kerajaan Madani komited agar rang undang-undang ini adalah untuk meletakkan Al-Quran di tempat yang tinggi dengan memperkemaskan pindaan-pindaan dalam undang-undang ia terutama yang antara lain memberi kuasa siasatan, kompaun, meningkatkan hukuman dan pengurusan lembaga yang lebih efisien.

Al-Quran di negara ini yang hendak diterbitkan, dijual, diedarkan dan diimport di dalam negara perlu melalui permohonan dari Kementerian Dalam Negeri. Setelah permohonan diterima, *proof* akhir teks Al-Quran akan disemak oleh Lembaga

Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Saya ingin terus menjurus kepada soalan saya kepada pihak kementerian iaitu saya ingin tahu mengenai komposisi ahli lembaga ini dan juga tempoh jawatan yang disandang oleh mereka semasa menjadi ahli lembaga? Seterusnya, saya ingin tahu mengenai tempoh lantikan adalah selama tiga tahun dan apakah kriteria kelayakan yang mesti ada pada setiap ahli lembaga untuk memegang jawatankuasa dalam Lembaga ini?

Selain itu, adakah wakil setiap negeri turut ada dalam Lembaga? Ini kerana apabila berkait dengan agama Islam, setiap negeri adalah tertakluk ke jabatan agama setiap negeri. Sejauh mana kerjasama dengan yang kementerian terima daripada peringkat negeri dan adakah kemungkinan berlaku pertindihan kuasa antara peringkat negeri dan Persekutuan?

Oleh sebab lembaga ini akan membuat penilaian mengenai *proof* teks Al-Quran, sejauh mana kaedah atau mekanisme untuk mereka meninjau dan menilai teks sedia ada? Ini kerana kita lihat di Kuala Lumpur sahaja kedai-kedai buku menjual dengan banyak sekali teks Al-Quran dan bahan agama kepada orang ramai.

Dengan adanya RUU ini, adakah kementerian dapat memantau teks terbaharu yang dicetak? Ini kerana teks yang telah diperakui oleh LPPQ, *proof* akhir teks Al-Quran tersebut boleh dicetak dan diterbitkan serta boleh diedarkan dalam negara. Al-Quran yang telah diperakui oleh LPPQ mestilah mengandungi nombor perakuan dan pelekat hologram Kementerian Dalam Negeri.

Soalan saya bagaimana pula dengan meneliti teks sedia ada di pasaran? Apakah kementerian sedia memantau teks terbitan lama atau menunggu laporan dibuat oleh orang awam sekiranya berlaku salah teks yang dicetak?

Tuan Yang di-Pertua. Dalam kita memelihara teks Al-Quran, kita tidak boleh lari daripada pihak yang tidak bertanggungjawab mencemarkan kesucian teks Al-Quran itu sendiri. Pernah tersiar di berita ada pihak yang tidak bertanggungjawab telah membuang naskhah suci itu di dalam longkang atau teks Al-Quran yang dicetak tetapi tertinggal satu atau dua surah demi mengaburi pembeli dan pembaca.

Saya juga ingin menyentuh mengenai kedai-kedai dan restoran yang pamer tulisan Al-Quran untuk menarik pelanggan beragama Islam. Saya rasa kita semua sedia maklum berlaku juga kes iaitu kedai memaparkan surah atau ayat suci Al-Quran tetapi tuan punya kedai bukan beragama Islam. Saya ingin tahu adakah

terdapat peruntukan di bawah rang undang-undang ini yang kita boleh mengambil tindakan terhadap mereka?

Seterusnya saya ingin beralih kepada seksyen 5, hingga seksyen 14 pada rang undang-undang ini. Ia berhubung meningkatkan kadar denda dan penjara iaitu dari RM5,000 hingga RM20,000 atau satu tahun kepada lima tahun. Saya ingin cadangkan kepada kerajaan, oleh sebab kita wajib pelihara teks suci Al-Quran maka naikan kadar denda kepada melebihi RM70,000 atau tujuh tahun penjara. Ini sebagai pengajaran bagi mereka di luar sana agar tidak terfikir untuk mengganggu gugat kesucian Al-Quran itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2018 hingga Januari tahun 2023, sebanyak 108,992 teks telah direkodkan dengan jumlah rampasan yang bernilai lebih dari RM2 juta. Peningkatan kesalahan-kesalahan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan meningkatkan penalti di bawah akta ini supaya kemuliaan Al-Quran terus terpelihara.

Baru-baru ini telah dianjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di PWTC di pesta buku tersebut pelbagai *booth* menjual teks-teks agama dan tidak lupa juga naskhah Al-Quran.

■1710

Malangnya, saya melihat hanya segelintir sahaja mempunyai pelekat hologram. Ini belum ditambah pula dengan naskhah Al-Quran terbitan luar negara.

Soalan saya, bagaimanakah pula dengan mekanisme pemantau untuk Al-Quran yang dicetak di luar negara? Bagaimanakah pula dengan yang dijual dalam talian atau secara persendirian? Selain itu, saya juga ingin tahu, adakah berlaku sebarang rampasan buku atau teks semasa Pesta Buku Antarabangsa baru-baru ini oleh kementerian? Hal ini kerana setiap kali penganjuran pesta buku, akan berlaku rampasan buku oleh penguat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita lihat mutakhir ini, platform e-Dagang dan media sosial mendapat permintaan yang tinggi terhadap naskhah Al-Quran dalam kalangan umat Islam. Bagaimanakah dengan RUU pindaan ini? Kita dapat mengawal teks-teks Al-Quran yang dijual secara maya? Saya percaya, semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini membaca Al-Quran melalui aplikasi Al-Quran dalam telefon bimbit, juga melalui aplikasi di komputer dan gajet peribadi. Apakah bentuk pengawalan dan pemantauan oleh kementerian terhadap perkara ini? Adakah kementerian bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

bagi memantau penjualan melalui platform e-Dagang? Terakhir, adakah kementerian mampu untuk mengenakan tindakan dengan pindaan yang kita buat hari ini?

Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

5.11 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Saya ikut menyampaikan ucapan tahniah dan syabas pertama, kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri dalam rangka waktu yang masih segar untuk saya menyampaikan ucapan tahniah atas pelantikan. Tahniah kepada kerajaan kerana mengangkat isu ini sebagai isu penting sejajar dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan. Ternyata bahawa dua orang pembicara yang terdahulu telah memberikan ucapan yang kira-kira sama seperti yang ingin saya sampaikan. Maka, ucapan perbahasan saya lebih merupakan penegasan dan sedikit perincian tentang isu yang kira-kira sama.

Pertama, yang ingin saya timbulkan ialah soal versi. Mungkin sekali lalu disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu versi *rasm Uthmani* sebagai versi yang standard atau baku yang diterima. Ini juga penting diambil perhatian kerana seperti kata Yang Berhormat sebelum ini, di pasaran terdapat juga mashaf Al-Quran yang tidak merupakan versi *rasm Uthmani*, tetapi versi lain. Barangkali yang dulunya sewaktu saya belajar di peringkat kanak-kanak, ada yang dibawa dari India, Pakistan dan sebagainya, yang ternyata memang berbeza daripada *rasm Uthmani*. Ini tentu menjejaskan soal keseragaman dan juga soal pendidikan Al-Quran itu sendiri kerana terdapat versi yang lain daripada versi *Uthmani*.

Kedua, telah juga disentuh tadi soal bahawa dalam perkembangan zaman dengan teknologi canggih, mashaf Al-Quran tidak hanya terdapat dalam bentuk mashaf yang kita lihat dalam bentuk pencetakan, tetapi pada aplikasi. Kalau saya sendiri membaca Al-Quran pada *MuslimPro*, maka ternyata versi itu jauh sekali daripada versi *rasm Uthmani*, dan banyak aplikasi yang lain lagi. Hal ini tentulah akan menjejaskan keseragaman dan mungkin penguasaan qiraah golongan muda yang mahu tidak mahu, banyak bergantung pada alat-alat teknologi canggih ini. Jadi, ini saya kira harusnya tercakup dalam pindaan akta ini.

Demikian juga yang ketiga, yang ingin saya sentuh dalam soal ini ialah kegiatan-kegiatan sesetengah pihak yang suka mencetak petikan-petikan surah tertentu. Yang paling masyhur iaitu Surah Yasin, tetapi ada juga surah-surah lain. Ini juga saya kira harus dikawal untuk dipastikan bahawa surah-surah yang dipetik dalam bentuk-bentuk mashaf kecil itu menepati yang asal, bukan merupakan suatu versi yang lain daripada naskhah induk atau pun naskhah yang baku, yang standard.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan Negara yang saya muliakan, disebut bahawa selain versi bahasa Arab, tetapi versi *braille*. Ini bagi saya, satu pujian besar kerana kita harus melihat keperluan masyarakat yang berbilang-bagai, termasuk orang yang mempunyai masalah kurang keupayaan daripada segi penglihatan. Akan tetapi terkait dengan itu juga, tentulah kita melihat adanya mashaf Al-Quran iaitu daripada segi terjemahan. Jadi, adakah pindaan akta ini turut mencakup aspek terjemahan? Ini kerana kita dapati ada banyak versi Al-Quran-betul, *rasm Uthmani*. Cuma, daripada segi terjemahan dan juga ini terkait dengan soal kualiti, soal mutu terjemahan yang juga harus dikawal dalam pindaan akta ini, pada hemat saya. Hal ini disebut dalam Perkara 22 dalam huraian. Ertinya, terjemahan perlu diambil kira.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, seperti juga disinggung oleh Yang Berhormat sebelum ini, saya juga ingin menanyakan komposisi itu. Siapakah- benar, telah dijelaskan, wakil-wakil negeri bagi negeri yang diketuai oleh Raja dan bagi yang tidak diketuai oleh Raja itu, oleh Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi soalnya bukan sekadar wakil negeri, *qualification* dengan izin, kata Yang Berhormat tadi. Apakah ciri-ciri pemilihan wakil dalam lembaga itu?

Kita tidak harus bergantung kepada ahli qiraah. Kita harus melihat bahawa soal pengajian Al-Quran dan sunnah di pengajian universiti. Itu menunjukkan keluasan ilmu yang perlu dimiliki oleh anggota-anggota Lembaga ini. Bukan sekadar daripada segi birokrasi mewakili negeri, tetapi harus ada ketetapan penentuan ciri-ciri tertentu supaya yang duduk dalam lembaga itu dapat memberikan pengawasan yang tepat dalam segala aspek. Yang boleh saya rumuskan, harus bersifat merentas bidang pengajian Al-Quran.

Terkait dengan itu, tentulah juga soal pakar itu tadi. Kalau terjemahan diiktiraf sebagai satu versi bersama-sama dengan mashaf Al-Quran, maka harus dilibatkan orang yang mahir dalam soal terjemahan Arab ke dalam bahasa Melayu, kerana ada pelbagai terjemahan yang juga canggung dan kadangkala menyalahi makna. Sampai sekarang, kita masih lagi '*mohon berlingung dengan Allah*', seolah-olah Allah

sebagaimana kita berlindung daripada syaitan yang direjam. Itu tentang *ta'awuz*. Terjemahan itu puluhan tahun, masih tidak dapat dibetulkan walaupun telah ditegur berpuluh-puluh tahun.

Jadi, itu antara perkara yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan dapat diberi pandangan balas secara lebih konkrit oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih dan saya mohon menyokong pindaan undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Prof. Sekarang, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta.

5.18 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Awalan, ucapan tahniah dan penghargaan atas pelantikan Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Mudah-mudahan kita akan mendapat bimbingan daripada kemahiran dan pengalaman Tuan Yang di-Pertua.

Saya turut ingin berbahas secara ringkas kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan tadi, perkaranya sama. Kita pun telah diberi kronologi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, panjang. Dari tahun 2016, 2018, pertukaran kerajaan. Isunya agak *straightforward* Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya apa juga berlaku di sepanjang tempoh itu tidak menjejaskan proses untuk meluluskan rang undang-undang ini, tetapi begitulah. Mungkin atas sebab ketelitian, maka hari ini, tahun 2023, baru kita di Dewan ini menjadi kelompok pembahas terakhir sebelum ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong. Jadi, ya lah. Masa yang lama, tetapi atas perkara yang penting ini, kita bersedia untuk menerimanya.

Kemudian, satu perkara yang saya hendak sentuh iaitu ada orang yang beragama Islam yang tidak dapat membaca Al-Quran dengan *original wordings* yang dalam bahasa Arab. Jadi, ada kelompok yang me-*ruminize*-kan sebutan Al-Quran tersebut. Dieja secara tulisan Rumi. Jadi, kejahilan tidak patut menjadi alasan untuk kita tidak dapat membaca versi bahasa originalnya, bahasa Arab.

■1720

Akan tetapi, atas kelemahan masing-masing, ada. Jadi, bagaimana kita hendak memastikan ejaan-ejaan rumi itu bertepatan atau adakah kaedah tertentu penggunaan bahasa- iaitu bahasa Arab *Romanize* kah. Bahasa Melayu atau macam

mana pun. Jadi, bagaimana kita hendak menentukan bagaimana ia paling tepat walaupun tidak akan sama sekali menjadi tepat berbanding dengan bahasa Arab yang asalnya.

Seterusnya, dalam menunggu lebih lima tahun untuk diluluskan ini, kita diberitahu tadi berlaku peningkatan penyelewengan, kesilapan-kesilapan, kesalahan sehingga yang dirampas, yang didakwa semakin meningkat. Jadi, ertinya kita telah membiarkan sesuatu itu berlaku. Jadi, sekarang ini bila kita sudah pinda ini apakah jaminan bahawa penguat kuasa ahli-ahli lembaga itu kita tahu mereka alim bab ini. Mereka tahu. Akan tetapi, mereka yang diberikan amanah untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini. Yakni yang akan turun kelapangan. Apakah bekalan ilmu yang ada kepada mereka?

Atau adakah mereka hanya akan turun untuk melaksanakan kuat kuasa undang-undang ini bergantung pada laporan daripada ataupun daripada khalayak ramai yang mengesan bahawa seperti disebut oleh rakan kita Yang Berhormat Senator tadi *mushaf* yang tidak ada cap kah ataupun logo hologram tersebut. Itu maklumat yang kita dapat daripada orang luar.

Jadi, adakah pihak penguat kuasa akan mengambil tindakan secara proaktif membuat penelitian turun ke lapangan untuk mengesan supaya tidak hanya menunggu aduan-aduan ataupun laporan daripada orang ramai. Jadi, ini memerlukan juga suatu usaha dipihak kerajaan untuk memastikan pihak penguat kuasa ini, walaupun bukan daripada kalangan penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri mungkin ada diambil kumpulan-kumpulan yang mahir, yang pakar dalam bab ini untuk melaksanakan tanggungjawab ini supaya ia lebih selamat.

Seterusnya, kita sebagai umat Islam kita bergantung pada al-Quran dan al-Hadis. Hadis Rasulullah SAW. Dalam memimpin, dalam memandu kehidupan kita ini untuk dunia dan juga untuk akhirat kita. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian dalam hal ilmu hadis ini? Al-Quran ini satu hal lah. Ilmu hadis pula.

Ini kerana yang menjadi pertelingkahan semasa kita umat Islam hari ini iaitu pemahaman dan interpretasi hadis yang berbagai-bagai dan ada dakwaan bahawa interpretasi mereka lebih tepat, lebih sahih berbanding dengan kesahihan pandangan-pandangan yang lain. Bagaimana kita hendak memastikan kalau kita boleh menyelamatkan al-Quran dengan ketepatannya sampai bila-bila dan dijamin oleh Allah SWT dan selamat hingga akhirat.

Bagaimana pula, satu lagi aspek amalan agama kita ini iaitu melaksanakan panduan melalui hadis ini mendapat suatu cara garis panduan, petunjuk yang lebih tepat. Bagaimana kedudukan itu ataupun mungkin ia tentulah berbeza dengan kepentingan al-Quran ini tetapi tidak juga kurang pentingnya dalam kita menyusun kehidupan sosial masyarakat kita ini melalui perkara ini. Al-Quran ini.

Kemudian, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan tadi daripada segi *translation*. Ini saya rasa sangat perlukan kepakaran dipihak kita- supaya bagi kita yang tidak mahir, *Arab is not our first language*. Tentunya kita sangat bergantung pada *translation* dan juga penjelasan yang lebih tepat. Ini saya rasa memerlukan lebih banyak kerja daripada pemantauan seperti yang telah disenaraikan dalam rang undang-undang ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan saya dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

5.25 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, dalam saya membahaskan rang undang-undang ini yang sepatutnya menjadi rang undang-undang pertama bagi 2023 tetapi ia ke terbelakang. Penggal Kedua duduk lepas pada nombor 21. Sebelum ini insolvensi 21 dia jadi 22. Sepatutnya dia duduk nombor satu.

Makna kepentingan sepatutnya dibahaskan pada mula-mula lagi pada Penggal Pertama sidang Parlimen dan sidang Dewan Negara. Walau macam mana pun, *alhamdulillah* ia berjaya dibentangkan pada kali ini pada Penggal Kedua sama ada di Dewan Negara ataupun di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana dapat sama-sama memberi pandangan tentang Akta Percetakan Teks Al-Quran ini yang mana akta ini mula diperkenalkan pada 1986 lagi. Akta bernombor 326. Sekarang kita melalui proses pindaan. *Alhamdulillah*, kita melihat pada akta ini pelbagai pembaikan-pembaikan telah dilakukan. Umpamanya, di antaranya memperkukuhkan kuasa penguatkuasaan pegawai awam yang diberi kuasa yakni paling minimum, inspektor.

Kedua, menaikkan jumlah penalti bagi pesalah ke bawah akta ini. Umumnya, daripada RM10,000 atau RM5,000 sehingga kepada RM50,000 dan hukuman

penjara daripada setahun jadi lima tahun. Jadi, faktor-faktor *deterrent* kepada mereka yang hendak melakukan kesalahan ini.

Ketiga, meliputi perluasan takrif dengan memasukkan Braille kerana orang buta pun hendak kena baca al-Quran juga, kan? Jadi, *alhamdulillah* kita bersyukur dan kita mengucapkan terima kasih pada kerajaan kerana *alhamdulillah* walaupun ia lewat daripada jadual asal tetapi berjaya dibentangkan pada kali ini.

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membaca satu firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat satu, ayat dua. Semua kita baca belaka...
[Membaca sepotong ayat al-Quran]

Alif, Lam, Mim hanya Allah SWT yang tahu. Diturunkan al-Quran ini sebagai petunjuk bagi mereka yang takut pada Allah. Maknanya, al-Quran ini Tuan Yang di-Pertua, keaslian dia bermula pada Sayidina Uthman bin Affan, Khalifah Islam yang ketiga, 14 tahun selepas kewafatan Rasulullah SAW. Mula dikumpulkan sahabat-sahabat untuk dikumpulkan hendak dijadikan bahan seolah-olah macam bahan cetakkan pada ketika itu. Dikumpulkan *mushaf* daripada segala simpanan yang tertulis di tulang-tulang, di kulit-kulit dan sebagainya.

Itulah pengumpulan mengikut sejarah yang pertama al-Quran itu sendiri. Bahkan keaslian al-Quran ini tidak boleh disangkal dan sangsi. Ini kerana di dunia sekarang, jutaan mereka yang *memorised* dengan mereka yang hafal al-Quran. Jutaan, bukaan ratusan. Jutaan. Bahkan saya sendiri anak saya dua orang. Anak perempuan saya yang pertama doktor. Anak perempuan saya kedua *lawyer*. Dua-dua hafal al-Quran. Dalam masa dua tahun dia boleh hafal al-Quran. Begitu juga anak Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail. Seramai 9 orang anak dia hafal al-Quran. Jadi, *insya-Allah* keaslian al-Quran kita tidak sangsi.

Jadi, *alhamdulillah* daripada faktor-faktor yang saya gariskan itu keaslian al-Quran ini dari sudut kalau ada unsur penipuan, ada unsur hendak pindaan, ia tidak akan berlaku. Ini kerana kita boleh kumpul 20 orang kalau memberikan benda yang sama maka kita jelas ada yang berbeza selepas itu mereka ada tersesat daripada yang sebenarnya.

Alhamdulillah dalam al-Quran kita, dalam jaminan kerajaan *mushaf* yang dibenarkan cetak *Mushaf Uthmani*. Selari dengan nama Khalifah Uthman, khalifah ketiga Islam. Cuma, sekarang ini saya sedikit longgar pandangan saya, kedudukan saya. Selama mana bagi saya al-Quran itu sekiranya masih di kelompok Ahli Sunah Wal-Jamaah maka kita kena faham dalam negara kita ada Mazhab Hanafi, ada Mazhab Hambali. Walaupun majoriti terbesar iaitu Mazhab Syafii.

Akan tetapi, al-Quran itu ia ada sedikit beza seperti mana yang dibimbangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan. Cuma, yang kita bimbang yang sentiasa kita diingati di setiap khutbah lah selalu, khusus di Negeri Selangor dan banyak negeri lain di mana kita bimbang kalau datangnya *Mushaf Syiah* yang banyak beza. Itu kita bimbang dan mereka cukup cekap masuk cetakan mereka.

■1730

Begitu juga sejauh mana kekuatan penyemak-penyemak ini yang disebarakan melalui gajet-gajet ini kerana kita sekarang ini sudut undang-undang ini dia menyatakan tentang bilangan Ahli Lembaga ada diwujudkan Lembaga Silih Ganti sebenarnya syarikat-syarikat korporat bagus.

Kita pun tidak bimbang kerana keanggotaan dia ini diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong di peringkat Malaysia Ke bawah Duli Al Sultan-sultan di peringkat negeri-negeri dan yang mana negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan di bawah Ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong.

Anggota Lembaga itu *insya-Allah* kita yakin dan percaya kepada pimpinan agama kita sama ada Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Cuma sekarang masalahnya kekuatan, reaksi kepada semakan. Saya yakin dengan apa yang ada ini lebih kepada dengan keanggotaan yang ada ini lebih kepada laporan yang diterima baru dia bertindak. Kalau dengan keanggotaan yang dia ada itu dia tidak mampu.

Jadi sekarang ini dia mesti laporan daripada orang yang tengok tidak betul buat laporan. Maka dia pun arah polis yang berpangkat tidak kurang daripada inspektor. Saya dari sudut Tuan Yang di-Pertua pun bekas polis lama, selain itu peguam.

Saya rasa dengan keupayaan inspektor ini untuk mengetahui salah silap ini minta maaf lah dengan realiti yang ada tidak mampu. Dia mesti bawa bersama pakar-pakar agama di mana daripada majlis-majlis agama dia kena ada bawa bersama baru dia boleh semak. Kalau tidak ditipu oleh geng-geng pencetak lah.

Kita kena faham serangan pada Islam di dalam negara kita ini datang daripada pelbagai dan mereka cekap. Mereka ada duit. Orang yang hendak memesongkan ini mudah. Kita pun tengok sudah. Jadi sebab itu saya, Allah. Saya ambil satu minit Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sekarang ini kita hendak tengok boleh tidak kerajaan memberi tempoh apabila ada laporan secepat mana reaksi untuk mengambil tindakan. Tindakan semakan dahulu atau tindakan geledah dahulu.

Walaupun dia telah dinaikkan pegawai penguatkuasaan kepada paling minimum inspektor. Itu kena ada jaminan daripada kerajaan. Jangan dibiarkan berlarutan sampai tiga tahun, empat tahun. Jadi nampak kelemahan dari sudut-padahal Al-Quran ini sebagai panduan kehidupan kita umat Islam dan mukjizat paling besar yang diturunkan kepada manusia ini berbeza dengan mukjizat Nabi Isa a.s yang boleh menghidupkan orang mati.

Al-Quran mukjizat paling besar bagi manusia bagi kita. Sebagai dia dustur Perlembagaan. Jadi sebab itu kita hendak tahu kerajaan lah pertama setakat mana. Boleh kah kerajaan satu dia panggil piagam daripada laporan yang diterima. *How fast* reaksi dapat dibuat.

Yang lain itu *insya-Allah* kerajaan sudah fikir panjang banyak sudah penambahan, pembaikan yang dibuat ini. *Insya-Allah* kita yakin dan percaya. Saya rasa bersyukur kerana saya dapat sempat dapat berdebat juga lah pada usia saya di Dewan Negara tidak lama lagi sudah.

Jadi sempat saya bersyukur tetapi saya hendak kerajaan jawab setakat mana reaksi, respons tindak balas selepas daripada laporan yang dihantar kepada pihak-pihak yang berwajib. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikummusalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya akan menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

5.33 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara yang saya hormati dan saya kasihi sekalian... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ertinya, "*Sesungguhnya kamilah yang menurunkan Al-Quran dan kamilah yang memelihara dan menjaganya...*"

Hari ini kita bincang sebahagian daripada maksud untuk mengawal, menjaga dan memelihara Al-Quran. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ada dua perkara. Pertama orang yang mencetak dan menerbitkan Al-Quran. Saya bercakap ini dalam sekitar seksyen 7(a)(b).

Orang yang menerbitkan Al-Quran dan mencetak Al-Quran ada dua niat. Satu niat memang menyebarkan Al-Quran iaitu kalau ada kekurangan, ada kesilapan, ada perkara yang kurang padanya harus difikirkan bagaimana harusnya. Kita memperbaiki, mengolah sehingga tugas yang bukan sekadar tugas kerajaan tetapi tugas seluruh umat ini disatukan bagi pengeluaran sebanyak mungkin Kitab Suci Allah.

Kedua memang satu kelompok yang memang keluar Al-Quran untuk menyeleweng Al-Quran. Ini sebab mereka yakin apa ini sebut permulaan surah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bagi orang Islam, ini kunci dia, kitab ini Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ertinya, “Tidak ada keraguan baginya...” *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ertinya: “Bagi orang-orang yang bertakwa kepada Allah SWT.”

Lari daripada maksud ataupun tulisan yang benar maka akan berubah. Berubah makna, berubah sikap orang itu sendiri. Saya ingin juga- Timbalan Menteri? Tiada. Saya ingin hendak bertanya tadi dalam maksud yang disebut oleh Timbalan Menteri. Saya nampak gambaran bahawa hampir sebahagian besar yang terlibat dalam maksud akta ini ialah berhubung dengan Al-Quran dari luar negara.

Jumlah peratus sebenarnya Al-Quran di Malaysia ini yang di-*produce*-kan, diterbitkan oleh pencetak ataupun penerbit Al-Quran di luar negara. Peratus yang dikeluarkan di dalam negara. Saya yakin kalau yang berlaku yang membabitkan percetakan Al-Quran dalam negara ia agak mudah sebab dia ada lesen, dia ada apa semua sekali dipanggil untuk diselaraskan supaya segala kekurangan dan kesilapan itu dapat diperbetulkan, diperkaya, diperkasakan supaya tugas ini dapat disempurnakan.

Cuma isu sekarang ini untuk Al-Quran di luar negara. Saya hendak *highlight*-kan satu perkara Tuan Yang di-Pertua. Kenapa Al-Quran di luar negara ini diimport masuk. Saya agak banyak terlibat juga dalam program menghantarkan Al-Quran di luar negara. Al-Quran di luar negara kos dia sekitar 2.5 US Dollars ke- 3 US Dollars. Al-Quran tempat kita ini ada sampai beratus-ratus Ringgit.

Kita pentingkan kualitinya tetapi mereka di luar mementingkan dari sudut sebarannya. Hal ini adakah mungkin kita di peringkat kerajaan boleh membantu mengolah suasana ini supaya apabila harga Al-Quran dalam negara ini pun boleh murah tidak perlu lagi diimport dari luar negara tetapi itu perniagaan mungkin. Jadi saya harap perkara ini juga harus diambil perhatian oleh pihak yang berwajib.

Saya ingin juga menyebutkan tentang satu, dua perkara yang lain iaitu berhubung tadi tentang Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPQ). Soalnya sekarang ini tadi betul kita kata ada, ada hologramnya, ada copnya. Jadi saya fikir yang ini kalau boleh pihak kementerian perkasakan betul-betul supaya apabila Al-Quran yang berada di dalam negara dan yang hendak bawa masuk dalam negara ini.

Bagaimana olahan itu boleh dibuat supaya semua dicap tetapi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad tadi tidak mudah sebab ruangnya, kawasannya luas.

Ketiga, saya ingin mencadangkan untuk kalau boleh dalam negara. Adakah ada satu- majlis khusus untuk para penerbit dan pencetak supaya usaha penyelarasan, pengeluaran, penulenan cetakan Al-Quran ini dapat dibuat dengan cara yang lebih rapi, *insya-Allah*. Saya sebutkan perkara ini sebab dia dua hal kalau dicetak tidak betul hukumnya satu lagi, dosa. Orang yang baca pun turut sama terbabit walaupun bukan dengan niat dia.

Kemudiannya yang lain juga saya ingat saya juga ingin sebut tentang satu kes dahulu pernah di berlaku rampasan kalau tidak silap saya. Al-Quran cetakan rumi kalau tidak silap dari Indonesia dan ini pun perlu dirumikan Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya saya fikir tidak silap, saya bukan tidak silap saya. Saya ingat saya pernah baca dahulu bahawa Majlis Fatwa Negara sudah pun meletakkan hukum haram bagi mencetak Al-Quran yang dirumikan. Tidak timbul yang disebut tadi Al-Quran mashaf ini lain, Al-Quran mashaf ini berbeza. Ini saya fikir sudah ulama sebut Al-Quran di mana-mana pun tidak ada perbezaan. Cuma cara penulisan kalau kita di sini dikatakan Al-Quran Uthmani mungkin Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof boleh perbetulkan saya kalau saya silap.

■1740

Akan tetapi, kalau di Afrika cetakkannya, Al-Qurannya dipanggil “*warsh*” sebutan itu makhraj tidak tepat- *warsh*. Jadi kalau kita pergi sana kita baca dengan upaya kita di sini kita baca kadang susah hendak baca Tuan Yang di-Pertua. Seperti juga dia datang sini, tetapi kita tengok dalam masa kita buat pertandingan Al-Quran peringkat antarabangsa semua ini dalam pertandingan bacaannya sama. Cuma cara penulisan yang dikatakan berbeza bukan Quran itu berbeza. Saya ingin juga memberi penegasan perkara ini sebab nanti takut ada salah faham bahawa rupanya Al-Quran ini berbeza-beza di antara di Malaysia mahupun di negeri lain. Hendak tengok beza tengok dalam musabqah Quran, itu semua diiktiraf.

Kemudiannya ialah tentang tadi kita ada e-dagang jualan Al-Quran ada lagi al-Quran yang disebar terus dalam Internet. Jadi yang ini pihak kementerian apa usaha kementerian untuk memastikan bahawa Quran yang *direct* tersebar di dunia tanpa sempadan ini boleh dikawal tentang keabsahan dan ketulenannya. Saya harap perkara ini juga pihak kementerian akan dapat memberikan satu perhatian yang khusus sebab populariti penyebaran Quran dan jangan anggap ini sebagai satu yang negatif, sangat positif.

Saya satu pengalaman di Sabah Tuan Yang di-Pertua bila saya berjumpa dengan seorang, saya sampai ke rumah dia datanglah- ditanya sudah hendak mari mana? Hendak buat apa? Saya kata mari ziarah. Kena dakwah kah? Apa yang menjadi kemarahan dia kata selama ini, dia belum Islam jadi *pagan*. Dia belum Islam tetapi dia kata saya selama ini hendak tengok Quran yang betul tetapi tidak diberi sebab alasannya saya ini najis sebab dia belum Islam dia tidak boleh, bukan dia alasan saya ini belum Islam jadi saya tidak boleh pegang Quran. Maksudnya saya ini najis ke?

Allah, pilu tuan-tuan tetapi akhirnya hari itu saya bawa Al-Quran serta dengan terjemahan. Hari itu dibaca-baca separuh Quran dengan terjemahan petang esok dia telefon boleh tidak saya masuk Islam? Ini pun satu bab, susahnya hendak dapat Al-Quran sebab tadi kefahaman yang tidak berapa tepat tadi. Walhal kalau dengan sebaran Quran melalui telefon ramai orang boleh baca Al-Quran walaupun mungkin tugas untuk memperbetulkan salah faham ini juga harus diberi satu perhatian.

Saya rasa itu sahaja yang saya hendak *highlight* dengan tempoh waktu yang sangat singkat, habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya juga sama-sama ingin menyatakan sokongan yang sungguh-sungguh terhadap usaha ini dan saya harap *insya-Allah* usaha untuk meluluskan RUU ini yang tertangguh disebabkan oleh PRU lepas pada bulan November. Hari ini kita dapat sempurnakan bersama *insya-Allah*, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat pembahas yang terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, sila. Tujuh minit Yang Berhormat masa itu nampak.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya ucapkan terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mulakan dengan firman Allah... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Surah Ali 'Imran ayat ke-15, "Wahai Ahli Kitab, telah sampai kepada kamu rasul kami yang menjelaskan kepada kamu banyak sekali daripada apa yang telah kamu sembunyikan daripada kitab dan Dia telah

mengampunkan dosa kamu dan telah sampai kepada kamu dari sisi Allah cahaya dan kitab yang jelas”.

Saya mulakan ini sebagai peringatan kepada kita bahawa di sebalik kita membincangkan ikhtiar kita untuk memelihara Al-Quran itu kita juga harus mempelajari pengalaman daripada mereka yang sebelum daripada kita yang ada kitab khususnya ahli kitab. Ada dua sebab kenapa berlakunya fakta yang boleh menyebabkan Al-Quran ataupun kitab lain itu boleh diselewengkan. Pertama ialah, faktor luaran yang mana pihak-pihak yang berkepentingan dan daripada kalangan pendeta dan *rahban* serta agamawan menyalahgunakan fahaman agama itu sendiri.

Adapun faktor dalaman yang pada masa yang kita sedang berbincang ini iaitu faktor mereka mengubah, mereka memadamkan, mereka mengurangkan, mereka menambah teks-teks suci daripada kitab-kitab mereka. Maka berlakulah apa yang disebut sebagai *tahrif*- penyelewengan, ataupun *inhiraf* daripada perkara yang patutnya asal ia diturunkan.

Oleh sebab itu sokongan saya kepada akta ini berpandukan kepada ia mencapai maksud *maqasid* syariah tujuan syariat diturunkan iaitu salah satu dari limanya ialah... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Memelihara agama. Maka salah satu simbol yang mana agama itu tertegak ialah Al-Quran itu sendiri. Maka saya tidak fikir di kalangan kita yang mahu menolak apa-apa yang terkandung dalam akta ini kerana secara khusus ia telah memberikan ruang kepada kita melaksanakan tujuan... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Atau memelihara agama.

Seterusnya yang menjadi persoalan dalam perbincangan kita ini adalah bagaimana yang kita hadapi sekarang bukan sangat teks yang tercetak itu walaupun memang ada berlaku penyelewengan tetapi yang kita lebih khuatir dan bimbang ialah sesuatu yang kita tidak dapat kawal. Apa yang kita tidak dapat kawal iaitu daripada aplikasi. Aplikasi yang kita tengok hari ini bercambah, berlonggok di dalam *gadget* kita, *device* kita dan sebagainya.

Persoalan saya hari ini ialah apakah lembaga ini LPPPQ punya kuasa *regulatory* terhadap platform ini yang kita bicara sekarang iaitu teks dalam konteks pencetakan. Akan tetapi apa yang *regulatory body* yang boleh memantau lambakan Al-Quran yang terkait dengannya terjemahan terkait dengannya mungkin pentafsiran yang datang dalam bentuk aplikasi yang mana di situ kemungkinan sukar untuk kita hendak pantau. So, adakah *regulatory body* yang boleh melihat ini sebagai platform baru yang tadi disebut perkembangan semasa, inilah perkembangan semasa.

Kedua, yang membimbangkan saya Tuan Yang di-Pertua hari ini apa yang kita kata- *artificial intelligence* (AI) kita ada hari ini ChatGPT saya pun hampir sudah ketagih dengannya. Jadi dalam ChatGPT ini anda boleh sahaja taip Al-Quran dan terjemahan ayat sekian-sekian maka... [*Membuat isyarat bunyi*] Ia akan keluar.

Sejauh mana kesahihan ayat-ayat yang dikeluarkan dalam ChatGPT ini? Saya sekali pernah ChatGPT ini Tuan Yang di-Pertua saya tanya Dr. Mujahid Yusuf Rawa dia keluar habis cerita Dr. Mujahid Yusuf, mana dia dapat saya pun tidak tahu. Maknanya data raya yang ada hari ini memungkinkkan ChatGPT menghimpun dalam masa terdekat tetapi soalnya kalau terjemahan dalam Al-Qurannya bagaimana?

Begitu juga sekarang ini apa yang dinamakan sebagai *Bard* ataupun *google check board*. *Google check board* juga sekarang ini menggunakan *Artificial Intelligence* yang mana kalau kita taip apa-apa sahaja berkenaan tafsir Al-Quran atau sebagainya maka akan keluar semua maklumat itu daripada data raya yang berlambak. Apakah kawalannya apakah kawalan kita terhadap perkara tersebut?

Bagi saya, saya kita katalah kita *out of control* tetapi sukar untuk kita kawal maka lembaga ini juga harus mengikuti perkembangan semasa di mana kepakaran itu tidak hanya terbatas kepada mereka yang pakar di bidang bahasa Arab tetapi juga mereka yang pakar di bidang platform AI supaya mereka dapat sekurangnya mensahihkan maklumat yang tidak betul yang keluar daripada data raya yang dihipunkan.

Adapun tadi yang disebut tentang *rasm uthmani* dan tunjuk tadi sedang bacaan *warsh*. Bacaan *warsh* itu dibaca di sebelah Afrika Utara. Contoh kalau anda mendengar... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Orang ingat Imam ini 'Imam Kelantan'. Walhal itu adalah di bukan tulisan sebenarnya tetapi dia ialah qiraat *sab'ah*. Ia ada Imam *Hafs* yang banyak kita baca ini ialah Imam *Hafs* jadi di situ lebih daripada persoalan pembacaan dari sudut *Ya* itu, *Alif* itu dibaca dengan imlak ataupun dengan *Ye*. Macam jadi, "*Waddhuha..*" Dibaca jadi, "*Waddhuhe...*"

■1750

Akan tetapi penulisannya itu tetap kepada huruf yang dibaca dalam bahasa Arab. Apa pun, perkara itu kalau ada mashaf yang sedemikian, yang menunjukkan tanda-tanda tertentu kepada, "*Wadduhe walaili izasaje..*". Ada lagi beberapa perkara yang daripada segi makhraj katanya itu, daripada segi imlak pembacaannya. Contoh, kalau kita kata "*Tho'haa*", ditulis "*tho-alif-ha*". Kalau biasa "*Tho'haa*" saja. Perkara-perkara ini saya kira ulama sudah pun berbincang perkara ini, saya rasa tidak ada isu. Saya mohon menyokong akta ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tujuh orang pembahas telah membuat perbahasan dan saya ucapkan terima kasih dan tahniah. Saya dapati bahawa ucapan-ucapan sangat baik dan bermutu. Terima kasih. Saya pun rasa bangga jadi sebahagian dari Dewan ini, mendengar ucapan-ucapan yang begitu baik sekali...
[Tepuk]

Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau dapat dalam masa 20 minit.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Saya cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau ia panjang, saya hendak Yang Berhormat menyenaraikan soalan-soalan yang cukup relevan dalam persoalan ini, dijawab secara bertulis kepada yang tidak dapat dijawab secara lisan tetapi minta 20 minit Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: *Insya-Allah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang membahaskan Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023. Walaupun tujuh orang tetapi banyak persoalan dibangkitkan, lebih banyak daripada di Dewan Rakyat.

Merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, bagaimanakah Akta 326 ini dapat mengawal teks Al-Quran digital? Saya hendak sebut bahawa memang benar mengikut semakan daripada kementerian, terdapat banyak aplikasi Al-Quran digital yang tersedia dalam *Google Play Store* dan juga yang lain. Semakan kita mendapati sebahagian daripada aplikasi Al-Quran digital ini menggunakan kaedah tulisan *Rasm Uthmani* yang digunakan di Malaysia dan sebahagian yang lain menggunakan resam yang lain.

Oleh demikian, aplikasi Al-Quran digital ini kita memberi alternatif kepada masyarakat iaitu *Smart Quran*. Ini aplikasi yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Maknanya, kita sediakan alternatif untuk membolehkan rakyat menggunakan yang rasmi, yang disediakan oleh kerajaan.

Aplikasi *Smart Quran* adalah satu-satunya aplikasi telah melalui semakan- Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri dan seterusnya diperakui Lembaga Pengawalan

dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ). Selain itu, aplikasi tersebut menggunakan terjemahan daripada tafsir pimpinan Ar-Rahman. Manakala bacaan qari diambil dengan kebenaran bertulis daripada Muja'mma' Malik Fahd daripada Arab Saudi. Itu kita sediakan alternatif kepada rakyat.

Yang Berhormat juga menyebut daripada segi bagaimana pihak berkuasa KDN memastikan penguatkuasaan seluruh negara dapat dijalankan dengan komprehensif termasuk kerjasama dengan negeri-negeri. Memang benar pihak berkuasa Kementerian Dalam Negeri sentiasa menjalankan kerjasama dengan penguat kuasa hal ehwal agama Islam di negeri-negeri.

Yang Berhormat juga bangkitkan tadi berkaitan dengan Al-Quran Braille. Walaupun sebenarnya tidak ada lagi kesalahan-kesalahan yang dikesan berkaitan penggunaan tulisan Braille Al-Quran di negara ini. Namun demikian, Kementerian Dalam Negeri memulakan inisiatif untuk menjaga Al-Quran Braille bagi memastikan Al-Quran Braille mengikut penulisan *Rasm Uthmani*. KDN juga membentuk *Lajnah Tashih Al-Quran Braille* di bawah lembaga. *Lajnah Tashih Al-Quran Braille* meneliti keseluruhan kandungan Al-Quran Braille supaya menepati Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT.

Yang Berhormat juga sebut kes yang mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Sebenarnya setiap laporan yang diterima oleh kementerian, kita memerlukan penelitian yang terperinci bagi setiap kes yang dikemukakan. Oleh sebab itu kita memerlukan masa. KDN memerlukan kuasa siasatan yang diperlukan bagi memastikan kes-kes berjalan dengan efisien. Oleh sebab itulah, kita membuat pindaan dalam akta ini bagi memastikan kes-kes diuruskan dengan berkesan dan ada kuasa-kuasa tertentu yang tidak ada sebelum ini kita masukkan.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Daripada segi kriteria bagi kelayakan anggota lembaga yang dilantik dalam tempoh tiga tahun. Jadi, saya hendak sebut bahawa kriteria ahli lembaga adalah terletak di bawah budi bicara Tuanku Sultan negeri-negeri dan Yang di-Pertuan Agong. Maknanya, kuasa terletak di bawah kuasa Sultan negeri-negeri dan juga Yang di-Pertuan Agong.

Selain itu, saya mungkin boleh sebut berkaitan dengan- kita juga buat pelantikan anggota silih ganti di bawah budi bicara Sultan negeri-negeri dan Yang di-Pertuan Agong. Anggota silih ganti berperanan untuk menggantikan ahli lembaga sekiranya dia tidak hadir disebabkan keuzuran, kesihatan ataupun bertembung dengan acara-acara lain. Itu untuk mengelakkan supaya fungsi lembaga ini dapat berjalan dengan baik dan sempurna. Daripada segi perkembangan kelulusan yang

telah diberikan sejak tahun 2017 sehingga kini. Setakat ini, sebanyak 916 perakuan prof akhir telah dikeluarkan oleh LPPPQ. Data ini sehingga Mei 2023.

Yang Berhormat juga sebut dan ingin nyatakan daripada segi apakah kewajaran atau signifikan cadangan peningkatan denda dan juga tempoh hukuman ini. Sebenarnya peningkatan jumlah denda dan tempoh hukuman ini adalah bagi memastikan kesucian Al-Quran dapat dipelihara sebaik mungkin. Tentunya kita mahu supaya memberi pengajaran kepada seseorang yang melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa pihak kementerian sentiasa membuat pemantauan dan kita melakukan pemantauan di semua premis, pintu masuk seluruh negara, sama ada yang bersangkutan dengan aduan-aduan yang diterima ataupun yang kita syak, dan tentunya kita membuat semakan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat juga mencadangkan hukuman denda bagi kesalahan di bawah seksyen 5, APTQ dinaikkan kepada RM70,000 dan penjara tujuh tahun. Sebenarnya melalui pindaan ini, hukuman penjara telah dinaikkan daripada tiga tahun kepada lima tahun, kita telah naikkan. Denda juga dinaikkan kepada RM50,000. Ini merupakan denda yang tertinggi dan kita telah membuat kajian dan memadai buat masa ini. Pihak KDN akan mengkaji keperluan untuk menaikkan jumlah hukuman pada masa akan datang. Maknanya kita tidak statik, kajian-kajian kita buat dari semasa ke semasa.

Seterusnya, daripada Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan tadi berkaitan dengan *Rasm Uthmani*. LPPPQ telah menetapkan hanya *Rasm Uthmani* sahaja dibenarkan untuk cetakan Al-Quran di Malaysia. Ini telah pun kita buat ketetapan. Yang Berhormat juga menyebut apakah kawalan terjemahan dalam tulisan tafsiran Al-Quran? Di bawah akta ini Yang Berhormat, KDN mengawal percetakan dan penerbitan teks Al-Quran sahaja. Untuk terjemahan, Kementerian Dalam Negeri merujuk tafsir pimpinan Ar-Rahman iaitu terbitan JAKIM. Ini memang ada rujukan yang kita buat.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli tadi juga bangkitkan berkaitan dengan tulisan rumi pada Al-Quran. Adakah kebenaran untuk digunakan di negara ini? Untuk makluman Dewan, berdasarkan peruntukan Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 (APTQ 1986), Kementerian Dalam Negeri berperanan mengawal, memastikan bahan dan teks Al-Quran yang diterbit, dicetak, diimport dan diedarkan di dalam negara tidak mengandungi kesilapan yang boleh

menjejaskan Al-Quran serta memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan bahan dalam teks Al-Quran.

■1800

Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa telah menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi mengawal selia aktiviti percetakan dan pengedaran bahan dan teks Al-Quran tersebut. Bagi Al-Quran berbentuk tulis rumi atau tuli lain selain daripada bahasa Arab, IPTQ 1986 tidak membenarkannya, kerana Al-Quran mestilah menggunakan teks asal iaitu Al-Quran dalam Bahasa Arab sahaja di negara ini. Makna kita benarkan.

KDN turut merujuk kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke-24 yang bersidang pada 5 dan 6 Jun 1989 yang telah memutuskan bahawa adalah haram ditulis atau digunakan mana-mana bahagian daripada Al-Quran dengan tulis yang bukan huruf Arab atau bukan sistem tulis Al-Quran. Ini bagi memastikan teks Al-Quran dibaca dengan tepat dan tidak mengandungi kesalahan. Ini jelas Yang Berhormat.

Namun demikian, KDN berterusan menjalankan aktiviti berbentuk kempen untuk meningkatkan kesedaran seluruh rakyat beragama Islam untuk menggunakan pakai Al-Quran yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Daripada segi pengawalan hadis di Malaysia Yang Berhormat, KDN telah menubuhkan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Hadis atau *Lajnah Tahqiq Hadith* KDN bagi mengawal sebarang salah faham atau penyelewengan hadis di Malaysia. KDN juga telah menerbitkan satu Garis Panduan Penulisan Hadis dan juga Garis Panduan Penyemakan Status Hadis. Ini dua penerbitan yang boleh dirujuk bagi pihak dalam negara ini. Daripada segi jaminan penguatkuasaan IPTQ, Yang Berhormat tanya- adakah ini akan ditingkatkan secara proaktif tanpa menunggu aduan. Saya sudah sebut tadi dan penguatkuasaan KDN sentiasa memastikan penguatkuasaan secara proaktif dengan melibatkan peningkatan kita adakan latihan dan juga mengadakan program-program tadbir urus dengan pihak PDRM dan agensi-agensi yang lain. Ada juga penguatkuasaan kita buat secara bersepadu dengan agensi-agensi lain.

Seterusnya, daripada soalan Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi tadi. Yang Berhormat bertanya apakah jaminan kerajaan bertindak secara proaktif dalam penguasaan? Ini pun lebih kurang soalan tadi. Cuma saya hendak sebut bahawa dalam seksyen 14A dimasukkan di bawah Rang Undang-undang IPTQ 1986. Ini untuk memberi kuasa penyiasatan kepada pegawai awam yang diberi

kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Jaminan tindakan penguasaan bersama antara KDN, MAIN dan PDRM dapat ditingkatkan. Makna kuasa kita berikan mengikut akta ini yang sebelum ini tidak ada.

Yang Berhormat juga bertanya bagaimanakah mekanisme kerajaan dalam menghalang penerbitan dan penyebaran teks-teks Al-Quran yang palsu yang mengandungi unsur-unsur sesat. Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri mempunyai mekanisme khas bagi mengekang penerbitan dan penyebaran teks Al-Quran palsu dan sesat ini.

Kementerian telah menetapkan bahawa syarikat yang dibenarkan mendapat lesen pencetakan Al-Quran mesti memenuhi Garis Panduan Permohonan Lesen Pengecetakan Al-Quran LMCQ dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah IPTQ 1986 sebagaimana yang ditetapkan oleh LPPQ.

Garis panduan menyatakan bahawa setiap syarikat penerbitan dan pencetakan Al-Quran mesti mempunyai dua orang panel perunding Al-Quran yang mempunyai lulus Tafsir Al-Quran, ini syarat bagi mengelakkan kesalahan semasa penerbitan Al-Quran. Bagi prosedur mekanisme pula, syarikat yang berkaitan atau orang awam hendaklah hantar pruf akhir Al-Quran kepada Kementerian Dalam Negeri.

Pruf akhir Al-Quran akan disemak oleh Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran- *Lajnah Tahqiq Hadith* Al-Quran tadi. Keputusan *lajnah* ini akan dibawa ke Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPQ) untuk diperakukan. Al-Quran tersebut diberi nombor perakuan KDN dan mesti mempunyai hologram KDN.

Bagi Al-Quran yang diimport dari luar negara pula, ia mesti mempunyai surat kelulusan import dari Kementerian Dalam Negeri. Jadi kita di Kementerian Negeri menggalakkan untuk meningkatkan kesedaran bahawa Al-Quran yang dibeli mesti ada perakuan daripada Kementerian Dalam Negeri. Ini kita hendak galak dan kita hebahkan kepada rakyat supaya memilih dan membeli Al-Quran yang ada logo daripada Kementerian Dalam Negeri.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, daripada sahabat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail tadi yang bertanya sebagai besar maksud Al-Quran dari luar negara dan beberapa peratus Al-Quran yang dicetak dalam negara? Saya sebutkan tadi setakat ini sebanyak 816 perakuan akhir Al-Quran telah diberikan oleh LPPQ, manakala syarikat yang ingin mencetak di luar negara mestilah disebut tadi mohon daripada KDN untuk disemak oleh *Lajnah Tahqiq Hadith* Al-Quran Kementerian

Dalam Negeri dan diperakukan oleh LPPPQ. Al-Quran yang diperakukan oleh mesti mempunyai perakuan daripada segi nombor dan juga hologram KDN. Mana-mana Al-Quran yang tidak ada perakuan dari KDN ini mendahului peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali daripada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof yang menyebut dan bertanya apakah aplikasi Al-Quran yang diperakukan oleh KDN dalam *Google Playstore* dan *Apple Appstore* ini dan semua aplikasi lain. Saya sudah jawab tadi Yang Berhormat. Cuma saya hendak sebut bahawa kita memang menyediakan *Smart Al-Quran* sebagai alternatif kepada rakyat dan kita harap rakyat sedar dan gunakan *Smart Al-Quran* sebagai aplikasi yang telah melalui penyemakan oleh pihak-pihak dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian.

Yang Berhormat juga bertanya apakah jenis kaedah penulisan Al-Quran yang digunakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Ilmu resam ialah satu ilmu yang membincangkan cara menulis lafaz-lafaz atau sebutan untuk laras penyebutan huruf-huruf daripada segi lafaz huruf-huruf asal dan ilmu yang membahaskan kaedah menambah mengurang, menyambung, memisah dan mengganti huruf, Yang Berhormat lebih arif tentang perkara ini.

Penulis resam Al-Quran ialah satu sunah Rasulullah SAW yang diikuti secara ijmak sepakat oleh seluruh ulama Muftahidin kerana tulis ini merupakan tulisan atau suatu tetapan daripada Rasulullah SAW yang tidak boleh menyalahi. Kaedah penulisan ini digunakan oleh Kementerian Dalam Negeri iaitu *Resam Uthmani* dan berpanduan cetakan *Mujama Al-Malik Fadh*, *Arab Saudi* seperti yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa telah menjawab semua soalan yang dibangkitkan. Kalau ada yang tidak terjawab, saya boleh bagi bertulis, tetapi saya rasa saya sudah jawab keseluruhan dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sudah hampir 20 tahun pindaan ini dilakukan oleh proses yang begitu panjang dan terima kasih bagi pihak Kementerian Dalam Negeri kerana *insya-Allah* dapat diluluskan.

Bagi pihak Kementerian Dalam Negeri juga saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator Nur Jazlan sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 22** dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

6.10 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ada sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dalam *explanatory statement* versi bahasa Inggeris Tuan Pengerusi, *the Bill 6 to amend the printing of Quranic Text Act 1986 (Act 326) 'is' to strengthen-* saya rasa 'is' itu, *should not be there* sebab kita bercakap tentang Al-Quran, ayat, *translation*. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Menteri, sila jawab.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: Tuan Pengerusi, kita ambil apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi untuk tindakan daripada kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, sebagai maklumat tambahan, Yang Berhormat bahawa undang-undang yang diluluskan selepas 1970 teks akhir iaitu bahasa Melayu. Dengan sendirinya maka, kalau ada kesilapan sedikit dalam bahasa Inggeris, dia boleh diketepikan sekarang.

Akan tetapi teks Bahasa Melayu itu mesti dianggap tepat dan kalau perlu Menteri perlu mengambil tindakan untuk memindanya. Yang kena sah Bahasa Melayu. Terima kasih.

Tiada lain lagi? Baik, Menteri, sila.

[Fasal-fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, tahniah Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 20 Jun 2023.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.14 petang]